


Jilid I
Bil. 41



Hari Rabu
3hb Disember, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGALPERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5705]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Banjir di Pantai Timur—Y.B. Tuan Chian Heng Kai [Ruangan 5737]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1987

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.56 [Ruangan 5741]

Maksud B.57 [Ruangan 57631]

KANDUNGANNYA—(*samb.*)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1987

Jawatankuasa—

Maksud P.56 [Ruangan 5741]

Maksud P.57 [Ruangan 5763]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada
Peraturan Mesyuarat [Ruangan 5817]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beras).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Kasitah Gaddam (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin),
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., JP, (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- „ TUAN ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

Yang Berhormat TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,
B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak
Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N.
(Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA,
P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,
A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

Yang Berhormat TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., **PS**. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J, P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar),
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, **J.P.** (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

Yang Berhormat TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

„ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendan).

„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).

„ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).

„ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).

„ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

„ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).

„ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

„ DR NICHOLAS MUNONG IsAU (Rajang).

„ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

„ TUAN JOE OJIHI SIPIRING (Marudu).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

„ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

„ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

„ TUAN P. PATTO (Ipoh).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

„ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).

„ TUAN PnriNG BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

„ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).

„ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).

„ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

„ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

„ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).

„ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).

„ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).

„ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).

„ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

„ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).

„ DR TAN SENG GAW (Kepong).

„ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

Yang Berhormat TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 3hb Disember, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PENCEMARAN CYANIDE
AKIBAT MENGGALI EMAS**

1. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan hasil penyiasatan Kementerian beliau mengenai tuduhan pencemaran cyanide di Sungai Bau, Sungai Siniawan dan Tasik Benkajang dalam bulan Julai 1986 di Sarawak, disebabkan aktiviti-aktiviti menggali emas di kawasan tersebut.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, tiada sebarang sungai yang dikenali sebagai Sungai Bau, malah adanya sebatang sungai yang dikenali sebagai Sungai Riam Bau, iaitu salah satu daripada anak-anak sungai kepada Sungai Sarawak Kanan. Jabatan Alam Sekitar, Cawangan Sarawak telah menjalankan satu penyiasatan pada 5hb Julai, 1986 di pinggir lombong emas yang mana effluennya mengalir ke dalam Sungai Riam Bau. Hasil penyiasatan itu telah mengesahkan kesan cyanide didapati dekat takat pelepasan itu dan ianya mempunyai paras yang lebih tinggi dari paras standard bagi bekalan minuman.

Kejadian ikan yang mati pada bulan Julai yang lepas akibat dari kesan cyanide berlaku di Sungai Sarawak Kanan di Siniawan iaitu 67 kilometer dari lombong di Bau. Tidak ada sebarang kenyataan yang menunjukkan bahawa kejadian kematian ikan itu adalah akibat dari pelepasan cyanide oleh lombong yang berkenaan.

Di kawasan yang dirujuk oleh Ahli Yang Berhormat, tidak ada Tasik Benkajang. Sekiranya tasik yang dimaksudkan ialah Tasik Bekajang, maka tasik ini terletak di hulu kegiatan lombong tersebut dan tidak dicemari oleh cyanide. Tambahan lagi, Sungai Siniawan ialah anak sungai kepada Sungai Sarawak Kanan dan tidak dicemari oleh cyanide.

Buat masa ini, keputusan analisa percontohan menunjukkan paras bahan cyanide di takat-takat pengambilan air tertentu di Siniawan dan Sungai Sarawak Kanan mematuhi standard kualiti air bagi tujuan minuman dan didapati juga air yang dibekalkan kepada penduduk-penduduk tidak mengandungi bahan cyanide.

**PENDAPATAN DARI
PELANCONGAN**

2. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

(a) mengenai pendapatan dari segi pelancongan kepada

penambahan dalam pendapatan negara bagi tempoh 1980-1985; dan

- (b) apakah unjuran pendapatan negara kasar dalam industri pelancongan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML). Adakah unjuran ini akan dicapai memandangkan kemelesetan ekonomi dunia masih berterusan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini ialah:

- (a) Pendapatan dari pelancongan bagi tempoh 1980-1985 adalah sebanyak \$7,039 juta. Ini merupakan 1.9% dari pendapatan negara kasar atau 3.1% dari pendapatan eksport barangan dan perkhidmatan negara bagi tempoh tersebut.
- (b) pendapatan kasar dari pelancong-pelancong luar negeri bagi tempoh 1986-1990 adalah dianggarkan sebanyak \$9,725 juta. Ini adalah berasaskan kepada kadar perkembangan purata sebanyak 10.1% setahun bagi tempoh 1986-1990 berbanding dengan kadar pertumbuhan purata sebanyak 23.3% bagi tempoh 1980-1985. Unjuran ini adalah berasaskan kepada keadaan ekonomi dunia sekarang berterusan sehingga 1990. Unjuran ini adalah konservatif dan dijangka dapat dicapai sekiranya ekonomi dunia dapat mengekalkan pertumbuhan sederhana sekarang.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan. Oleh kerana memandangkan negara Arab merupakan salah satu pasaran yang terbesar dalam bidang pelancongan dan juga oteh kerana memandangkan pelancong-pelancong dari negara

Arab merupakan dapat menyumbangkan sumber pendapatan yang banyak kepada negara kita, jadi saya ingin tahu, kenapakah pelancong-pelancong dari negara Arab tidak ramai melancong ke negara kita dan apakah tindakan yang dibuat oleh Kementerian beliau untuk mengatakan lagi lebih ramai orang-orang dari negara Arab melancong ke negara kita dan menambahkan lagi pendapatan dalam industri pelancongan negara kita?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, mengapa pelancong dari negara Arab tidak ramai datang ke negara kita, saya pun tidak tahulah. (*Ketawa*) Saya ingat kalau pelancong Arab datang ke sini seperti orang-orang Islam dari Malaysia ke sana, kita boieh menaikkan bilangan pelancong ke sini.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri memandangkan kedudukan ekonomi negara seperti Taiwan, di mana penduduk-penduduk negara itu sering keluar melawat atau melancong ke negara-negara yang terdapat di ASEAN, adakah beliau bercadang dan kemudiannya mengemukakan cadangan ini kepada pihak-pihak tertentu untuk melonggarkan syarat visa, kerana Taiwan sekarang merupakan sebuah negara yang berpotensi dan pasarnya baik untuk industri pelancongan di negara kita.

Yang kedua, oleh kerana dalam bidang industri pelancongan kadar sewa bilik hotel merupakan satu faktor yang mustahak, adakah beliau bercadang kepada pihak-pihak tertentu untuk menurunkan kadar elektrik supaya sewa bilik hotel boleh diturunkan?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan soalan yang pertama, saya tidak tahu ada apa-apa

cadangan diterima oleh Kementerian saya bagi melonggarkan syarat untuk mendapatkan visa.

Berkaitan soalan kedua, pada masa sekarang Kerajaan kita sudah pun memberi banyak insentif-insentif kepada hotel industry, dengan izin. Saya ingat pada masa sekarang kalau tuanpunya hotel-hotel tidak bersetuju menurunkan harga bilik hotel. Jika ada apa-apa cadangan dari Yang Berhormat, kita boleh mengambil langkah untuk tujuan ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tarikan untuk datang ke Malaysia ini kebanyakannya boleh dibuat melalui Pesuruhjaya-pesuruhjaya Dagangan di luar negeri, apakah Yang Berhormat boleh memberitahu sejauh mana yang telah dibuat oleh Pesuruhjaya-pesuruhjaya ini dalam menarik pelancong-pelancong kerana kita dapat makluman bahawa Pesuruhjaya-pesuruhjaya ini banyak membuang masa melancong untuk mereka sendiri dan bukan menarik pelancong ke Malaysia. Saya minta jawapan yang tegas tentang perkara ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ini selalu disebut bahawa kita akan cuba menggalakkan semua peringkat Kerajaan supaya melancong dalam negeri. Jadi saya minta Yang Berhormat supaya mengadakan tarikan-tarikan yang ada di luar negeri itu, dibawa masuk ke dalam negeri untuk membolehkan semua peringkat Kerajaan supaya dapat melancong dalam negeri. Sehubungan dengan ini, saya bersetuju dengan soalan iaitu harga hotel di Malaysia untuk pengetahuan Yang Berhormat adalah yang termahal di dunia. Jadi saya ingat pihak Kerajaan harus membuat sesuatu untuk memastikan supaya harga hotel itu diturunkan.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada Pesuruhjaya-pesuruhjaya di luar negeri membuang

masa, saya harap Yang Berhormat boleh beritahu Kementerian saya supaya Kementerian saya boleh mengambil tindakan.

Berkaitan soalan yang kedua, pada pendapat saya industri pelancongan ialah satu tanggungjawab dibeban oleh semua rakyat di Malaysia, bukan kakitangan atau pegawai Kerajaan sahaja.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu memandangkan jawapan yang telah diberi kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kemaman bahawa beliau tidak tahu mengapa orang-orang Arab tidak begitu berminat datang ke Malaysia.

Saya ingin mendapat tahu mengapa beliau tidak tahu, oleh kerana beliau memegang jawatan Timbalan Menteri dalam Kementerian dan adakah beliau bercadang, oleh kerana sudah mengaku tidak tahu, sekarang berusaha untuk mendapat tahu mengapa orang-orang Arab kurang berminat datang ke Malaysia walhal orang-orang Arab begitu berminat ke negara-negara Eropah, melabur dan membelanjakan berjuta-juta, berbillion-billion ringgit dalam negara-negara itu, khususnya di Great Britain dan lain-lain negara.

Kedua, Yang Berhormat mengatakan bahawa beliau akan mengambil tindakan terhadap Pesuruhjaya-pesuruhjaya yang tidak menjalankan tugas. Saya ingin mendapat tahu dari mana beliau mendapat kuasa untuk mengambil tindakan terhadap Pesuruhjaya-pesuruhjaya dan sama ada kegiatan atau kerja-kerja Pesuruhjaya-pesuruhjaya itu terletak dalam bidangkuasa Kementerian beliau?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, kata-kata dari Yang Berhormat yang berkenaan ialah bukti bahawa beliau pun tidak tahu akan

semua barang atau semua perkara di dunia ini. Kalau saya tidak tahu apa-apa sebab.

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat selepas dia jawab.

Dato Kok Wee Kiat: Saya belum habis jawab.

Tuan P. Pattp: Jawab betul-betul, jangan main-main!

Dato Kok Wee Kiat: Bukan main-main itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Dato Kok Wee Kiat: Ini satu perkara yang serius.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak payahlah dihujah-hujah lagi, jawab sahaja.

Dato Kok Wee Kiat: Kalau saya tidak tahu mengapa orang Arab datang ke negara ini, saya mengakulah—itu sahaja.

Berkaitan soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Pesuruhjaya-pesuruhjaya atau Trade Commissioners, dengan izin, ialah pegawai-pegawai dari Kementerian saya, dan kalau mereka membuang masa, Kementerian saya boleh tarik balik mereka ke negara ini—itulah tindakannya.

RISDA—EKONOMI PEKEBUN KECIL GETAH

3. Tuan Abdul Ghani bin Othman minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah usaha dan rancangan untuk mempelbagaikan ekonomi pekebun kecil getah di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang ketiga, iaitu untuk mempelbagaikan ekonomi pekebun kecil getah, RISDA telah memperkenalkan satu sistem perkebunan yang dikenali sebagai sistem Perkebunan Bersepadu atau ringkasnya SEPERDU. Dalam sistem ini pekebun-pekebun kecil digalakkan menjalankan berbagai kegiatan ekonomi sama ada di dalam kebun atau, dengan izin, on-farm, atau di luar kebun atau off-farm untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Projek-projek yang dilaksanakan di bawah SEPERDU terbahagi kepada dua kumpulan iaitu projek berbentuk pertanian dan projek berasaskan pertanian. Projek-projek pertanian pula dibahagikan kepada jangka panjang dan jangka pendek. Projek pertanian jangka panjang termasuklah jenis tanaman utama yang dijangka mengeluarkan hasil melebihi 5 tahun. Antara tanaman yang termasuk dalam kategori ini ialah getah, kelapa sawit, koko, kopi, kelapa, buah-buahan dan lain-lain tanaman yang boleh dijadikan tanaman utama ataupun tanaman campuran.

Di samping itu tanaman kontan jangka panjang pula seperti tanaman rotan di dalam kebun getah, tanaman kopi dan koko di bawah pohon-pohon keiapa. Projek-projek jangka pendek adalah yang dapat menghasilkan pendapatan dalam masa satu hingga tiga bulan. Ini termasuklah tanaman kontan, pemeliharaan ternakan seperti ayam itik untuk telur dan daging, akuakultur, perusahaan lebah madu dan sebagainya. Manakala projek-projek berasaskan pertanian atau, dengan izin, agro-based industries yang boleh dijalankan secara individu atau berkumpulan pula ialah seperti perusahaan memproses bahan makanan, kraftangan, perabot, arang kayu getah dan lain-lain.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah menerangkan bahawa pihak RISDA telah melancarkan satu sistem Perkebunan Bersepadu atau SEPERDU. Ini adalah satu usaha yang sangat baik. Tetapi, saya ingin bertanya setakat ini bagaimanakah sambutan daripada petani-petani terhadap sistem yang saya kira ini amat baik.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sambutannya adalah baik kerana seperti tanaman rotan yang saya katakan tadi telah pun dimulakan di negeri Pahang, Kelantan dan juga Selangor. Selain daripada itu perusahaan-perusahaan seperti ayam itik untuk telur dan daging, kolam-kolam ikan dan perusahaan madu lebah, dengan adanya pula yang baru sekali iaitu cendawan dan penternakan ikan keli semuanya telah dapat dilaksanakan, tetapi tidaklah di semua tempat—ada tempat-tempat yang sesuai, ada tempat-tempat yang tidak sesuai—bergantung kepada kesesuaian dan juga kehendak pekebun-pekebun kecil itu sendiri. Ini dilaksanakan sama ada secara individu ataupun secara berkumpulan dan juga berkoperasi.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, dari segi rancangan sememangnya kita alu-alukan ini, tetapi saya ingin bertanya, apabila diterjemahkannya dari segi pelaksanaan, adakah pihak Kementerian mempunyai matlamat dari segi pencapaian sama ada dari segi projek-projek yang dilaksanakan ataupun peratus pekebun kecil yang mendapat faedah daripada rancangan ini dalam jangka masa yang tertentu.

Yang keduanya, apabila kita melihat dari segi pertanian ataupun berasaskan pertanian jangka masa

pendek ataupun jangka masa panjang kita maklum bahawa di peringkat paling bawah ada jabatan-jabatan yang mempunyai kepakaran dan pegawai-pegawainya tersendiri, misalnya RRI, Pertanian, Haiwan dan sebagainya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah sama ada RISDA akan secara bersendirian dan berasingan ataupun adanya kordinasi atau penyelarasan di antara RISDA dengan jabatan-jabatan yang saya sebutkan?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, memanglah pihak RISDA sendiri mempunyai matlamatnya. Tetapi oleh kerana banyak program di bawah SEPERDU ini baru sahaja dilaksanakan, kami belum dapat untuk memberikan hasil-hasil pencapaiannya pada hari ini. Di samping itu dari segi usaha-usaha asas pertanian tadi memang tiap-tiap agensi di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah diarahkan supaya bekerjasama di antara agensi-agensi di bawah Kementerian dan juga jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang lain.

PROJEK BELIA NIAGA

4. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan berapa banyakkah bantuan atau pinjaman yang telah diberi kepada para belia melalui bantuan projek belia niaga dan projek belia peladang di sepanjang tahun 1985 dan 6 bulan pertama tahun 1986. Negeri manakah yang paling tinggi bantuan atau pinjaman ini diberi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 1985 Kementerian Kebudayaan, Belia dan

Sukan telah memberi bantuan pinjaman berjumlah \$3 juta di bawah Rancangan Belia Berniaga kepada para belia. Negeri yang paling tinggi menerima bantuan pinjaman ini ialah negeri Terengganu berjumlah \$460,000. Dalam tempoh 6 bulan pertama 1986 ini, tidak ada sebarang bantuan pinjaman dikeluarkan oleh pihak Kementerian. Pada tahun 1985 dan 6 bulan pertama 1986, Kementerian ini tidak memberi apa-apa bantuan di bawah Rancangan Belia Peladang. Walaupun demikian, di bawah Rancangan Malaysia Kelima Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak \$17 juta untuk Rancangan Belia Berniaga dan \$8 juta untuk Rancangan Belia Peladang. Peruntukan-peruntukan itu dijangka akan dikeluarkan apabila keadaan ekonomi mengizinkan.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada bantuan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian, sejauh manakah ia memberi kesan kepada para belia di negara ini?

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, kesan kalau dari segi fizikalnya sekarang ini kita boleh lihat ke tempat-tempat di mana projek-projek ini diadakan, tetapi pada hari ini saya tidak dapat memberi peratusannya. Secara keseluruhannya kesan yang paling besar kita nampak ialah Kerajaan dapat mendedahkan dunia perniagaan kepada banyak bilangan belia yang ada di negara kita ini.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada penerangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi, berhubung dengan kejayaan dan kemajuan yang telah dicapai oleh projek-projek belia niaga terutama sekali, apakah untuk masa yang akan datang pihak Kementerian

ini telah memikirkan tentang bentuk-bentuk bimbingan terutama sekali dan juga menerapkan unsur-unsur yang baru bagi memastikan keberkesanan dan kejayaan satu-satu program yang ditaja dan dilaksanakan dari semasa ke semasa?

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sememangnya sentiasa mencari jalan bagi memperbaiki akan program-program yang dilakukan dan dilaksanakan oleh Kementerian termasuklah rancangan belia niaga ini. Jadi, pada masa-masa yang lalu Kementerian memberi bimbingan kepada usahawan-usahawan baru ini di dalam masalah-masalah yang khusus berkaitan dengan perniagaan dan hal-hal yang ada hubungan dengannya. Pada masa-masa yang akan datang Kementerian akan mencari jalan yang lebih lagi untuk memperbaiki ataupun meningkatkan prestasi projek dan usahawan-usahawan kita yang telah terlibat dengan projek belia niaga ini.

ROMPAKAN BERSENJATA

5. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan kes rompakan yang bersenjatakan senjata api dan jumlah kes pembunuhan yang berlaku dari tempoh 1-1-86 hingga 31-8-86 dan dari manakah senjata-senjata ini diperolehi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes rompakan bersenjataapi dalam tempoh antara bulan Januari hingga Ogos 1986 di seluruh negara ialah sebanyak 720 kes, manakala kes bunuh pula bagi tempoh yang sama ialah 248 kes.

Sebanyak 75 pucuk senjatapi telah dirampas di Semenanjung Malaysia

dari bulan Januari hingga Ogos 1986. Siasatan polis menunjukkan kesemua senjatapi tersebut telah diseludup masuk dari negara Thailand melalui sempadan Malaysia/Thailand.

Bagi Malaysia Timur puta sebanyak 9 pucuk senjatapi telah dirampas dan siasatan menunjukkan bahawa kesemua senjata tersebut diseludup masuk dari negara Filipina melalui perairan Sabah.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, bolehkah saya dapat tahu berkaitan kes-kes yang telah disebutkan tadi ada anggota-anggota polis yang terlibat dalam kes rompakan bersenjata dan juga adakah benar antara senjata ini ada service revolvers yang diberikan kepada mereka oleh Kerajaan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa ada anggota-anggota Polis yang terlibat di dalam kes-kes yang saya sebutkan tadi. Bagaimanapun kalau Yang Berhormat inginkan butir-butir lebih lanjut, saya akan berikan sendiri kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad: Oleh kerana kita selalu sahaja mendengar pembunuhan di dalam negara kita ini menggunakan senjatapi, oleh itu dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan di Dewan ini, negara manakah yang banyak menyeludupkan senjatapi-senjatapi?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, mengikut angka yang ada pada kita ialah bagi tahun 1983 sampai 1986, orang-orang yang menyeludup atau yang ditangkap yang

bersangkut-paut dengan senjatapi ini ialah:

	Rakyat (Negara)	Bilangan (Orang)
Malaysia	345
Indonesia	44
Thailand..	16
Filipina	54
Singapura	3
Lain-lain.	1

Tetapi bagi senjata-senjata yang diseludup daripada Thailand ialah 187, daripada Indonesia ialah 7, daripada Filipina ialah 50.

Tuan Nunikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana kes rompakan yang bersenjatapi dan kes pembunuhan ini adalah kes yang serius sekali, apakah tindakan ataupun langkah-langkah positif yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memastikan supaya jenayah seperti ini tidak akan berlaku.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sebelum jenayah-jenayah senjatapi ini dapat kita membasmikan, pihak Polis atau Kementerian Dalam Negeri sedang melipatgandakan tindakan untuk menentukan bahawa penyeludupan senjata-senjata api ini dapat kita kawal seperti menempatkan dua platon pasukan hutan di Padang Besar, di Bukit Kayu Hitam, mengadakan pemeriksaan mengejut oleh pihak Polis dari Balai-balai Polis berhampiran ke atas orang-orang dan juga kenderaan-kenderaan masuk daripada negara Thailand, meningkatkan lagi rondaan-rondaan Polis Marine di kawasan perairan Kedah, Perlis dan juga di Pantai timur Sabah, mengadakan sekatan-sekatan tetap di tempat-tempat yang tertentu seperti Jalan Kangar/Kodiang, Jalan Kangar/Alor Setar, Jalan Pasir Mas, Rantau Panjang, Jalan Bukit Lata Utama, Pasir Mas dan juga kita akan

menambah anggota-anggota Polis Hutan untuk mengawal pulau-pulau yang berada di sebelah timur Sabah.

DEMAM DENGGI

6. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Kesihatan menyatakan benarkah baru-baru ini wabak demam denggi sedang merebak di seluruh negara. Jika benar:

- (a) berapa ramai mereka yang menjadi mangsa denggi di seluruh negara; daripada jumlah yang tersebut berapa ramai yang mati kerananya dan berapa ramai pula yang dapat diselamatkan; dan
- (b) apakah langkah-langkah positif telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mencegah dan membasmi kuman penyakit demam denggi itu.

Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun); Tuan Yang di-Pertua, walaupun Malaysia mengalami wabak demam denggi pada awal tahun ini, sukalah saya memberitahu bahawa keadaan ini sudah pun terkawal. Wabak ini telah sampai ke kemuncaknya pada bulan Jun 1986 dengan 256 kes. Keadaan telah bertambah baik dan untuk bulan September 1986 hanya 72 kes telah dilaporkan. Sehingga 30hb September 1986, sejumlah 1,151 kes termasuk 8 kematian telah dilaporkan. Semua kes-kes yang dirawat di hospital telah sembuh dan keluar daripada wad.

Rancangan Kawalan Penyakit-penyakit Bawaan Vektor, Kementerian Kesihatan, telah meramalkan wabak demam denggi akan berlaku, seawal-awalnya pada Januari 1986 ini dan segala langkah-langkah kawalan termasuklah menjalankan pelajaran kesihatan di seluruh negara telah dibuat. Tindakan tegas di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit, 1975 telah diambil dan sehingga

penghujung bulan Ogos 1986 sejumlah 11,244 notis telah dikeluarkan. Sejumlah 9,866 penghuni rumah telah dikompaun dan 26 didakwa di Mahkamah. Sejumlah \$254,458 pula telah dipungut melalui denda.

Kerjasama daripada media massa termasuklah akhbar utama, Radio dan Televisyen telah diperolehi dan mereka telah sama-sama bertanggungjawab menimbulkan kesedaran dan kerjasama daripada orang ramai untuk mengawal penyakit. Dalam jangka masa yang sama hingga 31hb Ogos 1986 ini sejumlah 699,458 buah rumah telah disemur atau, dengan izin, fogged, dengan racun serangga oleh kakitangan Kesihatan daripada Kementerian Kesihatan dan Majlis Tempatan. Kesemua langkah-langkah tersebut masih diteruskan lagi dan dijangkakan akan berterusan selama mana denggi masih menjadi masalah di Malaysia.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tahu bahawa wabak demam denggi ini merupakan penyakit kedua selepas malaria yang diakibatkan oleh nyamuk dan juga saya mendapat tahu ada lagi satu wabak yang diakibatkan oleh nyamuk selepas denggi ini. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri apakah penyakit itu dan apakah langkah-langkahnya untuk membanteras penyakit itu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Apakah penyakit itu, Yang Berhormat?

Dato' Chan Siang Sun: Tadi dia sudah jawab—malaria, yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia hendak tahu mengenai satu lagi penyakit itu.

Dato' Chan Siang Sun: Apa dia?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Bukan penyakit itu maksud saya. Ada dua penyakit dibawa oleh nyamuk itu iaitu yang pertama malaria, yang kedua denggi dan saya mendapat tahu ada lagi satu penyakit yang diakibatkan oleh nyamuk juga, jadi apakah penyakit itu (*Ketawa*). Dan apakah langkah-langkah untuk membanteras penyakit itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh jawab penyakit itu?

Dato' Chan Siang Sun: Minta maaf, saya pun tidak tahu (*Ketawa*).

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah menerangkan langkah-langkah yang diambil. Soalan tambahan saya, adakah Yang Berhormat Menteri berpendapat bahawa tanggungjawab untuk membasmi kuman penyakit demam denggi ini hanya Kementerian Kesihatan sahaja. Jika tidak, kalau ada lain-lain kementerian atau jabatan, bolehkah Yang Berhormat terangkan dan apakah langkah-langkah yang positif yang diambil oleh Kementerian ini untuk mengadakan satu penyelarasan supaya satu gerakan bersama dapat dibuat secara lebih berkesan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tanggungjawab untuk mengawal atau membasmi demam denggi ini semata-matanya bukanlah tanggungjawab kepada Kementerian Kesihatan atau Jabatan Kesihatan sahaja, tetapi tentulah meliputi agensi-agensi yang lain dan juga secara umumnya kerjasama daripada masyarakat umum yang penting sekali. Demam denggi ini membiak daripada nyamuk Aedes yang dapat membiak di dalam kawasan-kawasan sejuk dan kawasan-kawasan yang mana ada takungan air yang tidak lari. Juga kalau dalam

tayar-tayar, tin-tin dan sebagainya bertakung air, itu mengakibatkan nyamuk Aedes ini membiak.

Jadi ini adalah soal kesihatan, kebersihan sekitaran rumah, kawasan dan sebagainya. Saya fikir selain dari usaha-usaha daripada Kementerian Kesihatan, saya berharap juga pihak-pihak yang berkenaan seperti Kerajaan Tempatan dan agensi-agensi Kerajaan yang lain tentulah semua akan berganding bahu sebab ini bukanlah sahaja satu gerakan untuk semasa sahaja tetapi satu gerakan yang berterusan.

Kita bernasib baik di sini di Semenanjung oleh kerana jenis nyamuk Aedes di sini ialah Aedes Albopictus. Nyamuk di sini cuma menggigit orang di dalam rumah tetapi di Sarawak ia menggigit orang di luar—di sana nyamuk Aedes nakal sedikit (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Adakah panjang lagi, Ahli Yang Berhormat?

Dato' Chan Siang Sun: Setakat itu sahaja, cuma bagi tahu sahaja kepada Majlis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Baiklah.

LANGKAWI—PROJEK PEMBANGUNAN

7. Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauh mana projek Langkawi boleh mendatangkan kesejahteraan kepada negara dan penduduk Langkawi khususnya dan sejauh mana semangat penerapan nilai-nilai Islam yang diutarakan oleh Kerajaan diberi pertimbangan ketika projek itu dirancang; dan

(b) Projek Langkawi adalah milik dan perancangan swasta. Adakah peruntukan dari Kerajaan untuk menggalakkan projek tersebut dan berapa jumlahnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan soalan (a), projek pembangunan Langkawi khususnya yang berkaitan dengan industri pelancongan dilaksanakan dengan hasrat untuk mendatangkan kesejahteraan kepada negara amnya dan penduduk Langkawi khasnya. Soal sejauh mana projek ini dapat mencapai matlamat tersebut, belumlah dapat diukur secara kuantitatif memandangkan bahawa perlaksanaannya masih lagi dalam peringkat awal. Apa yang pasti adalah bahawa penduduk Langkawi dari sekarang bolehlah mengharapkan kepada masa depan yang lebih cerah. Infrastruktur asas yang disediakan akan mempertingkatkan kemudahan perhubungan. Begitu juga pelaksanaan projek-projek bekalan air, elektrik dan telefon akan juga mempertingkatkan kemudahan kepada penduduk setempat. Di samping itu, projek ini juga akan memberikan peluang kepada penduduk tempatan mempertingkatkan pendapatan secara mempergiatkan industri pertanian, kraftangan, ternakan, pembuatan dan perniagaan untuk memenuhi peningkatan permintaan daripada hotel-hotel dan pelancong. Projek ini juga dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk Langkawi sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Pelaksanaan projek ini tidak sepatutnya di salah anggap kerana apa-apa tindakan yang dibuat akan mengambil kira kehendak-kehendak Islam. Kerajaan tidak berhasrat untuk menjadikan Langkawi sebagai sebuah pusat maksiat. Oleh kerana inilah, Kerajaan telah memberi penekanan

untuk memberi peluang pekerjaan dan perniagaan yang sepatutnya diambil oleh penduduk-penduduk tempatan. Pengwujudan peluang-peluang pekerjaan ini adalah selaras dengan kehendak Islam.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan (b), walaupun projek kompleks pelancongan Langkawi merupakan milik dan perancangan swasta, ini tidak bermakna bahawa ianya dilaksanakan tanpa penglibatan Kerajaan. Kerajaan ada menyediakan peruntukan khususnya untuk kemudahan asas bagi projek ini.

Infrastuktur asas di Langkawi pada masa sekarang adalah di tahap yang paling minima dan perlu dipertingkatkan sesuai dengan cita-cita untuk menjadikan Langkawi sebagai sebuah kawasan pelancongan bertaraf antarabangsa. Atas hakikat inilah Kerajaan dijangka akan membelanjakan sejumlah \$285 juta untuk projek-projek pembesaran lapangan terbang, bekalan air, bekalan elektrik dan menaikkan taraf jalan-jalan utama.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tak mungkinkah pada anggapan Menteri berkenaan apabila projek ini siap nanti, ia akan menjadi pusat yang kedua dengan Genting Highlands bagi kegiatan-kegiatan maksiat dalam negara seperti judi, pelacuran dan sebagainya dan apakah jaminan Menteri supaya perkara itu tidak akan berlaku? Tidakkah banyak pada hari ini punca-punca maksiat berlaku melalui projek-projek seperti ini?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya sebutkan tadi, bukanlah hasrat Kerajaan untuk membangunkan projek Pulau Langkawi ini berasaskan kepada pengalaman-pengalaman daripada negara-negara lain. Projek

pelancongan di Langkawi ini adalah difikirkan dengan begitu mendalam dan dirancang dengan begitu rupa untuk menjadikan kawasan ini sebagai pusat pelancongan bagi pelancong-pelancong luar negeri untuk datang menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan dan juga keadaan alam semula jadi yang ada di Pulau Langkawi itu.

Jadi pada pendapat saya, segala usaha-usaha akan dibuat dan sekatan-sekatan akan diadakan untuk menentukan bahawa kejadian-kejadian yang berlaku di negara-negara lain yang mana mengasaskan pendapatan pelancongan ataupun penarikan pelancongan mereka kepada bidang-bidang yang luar daripada perancangan yang dilakukan itu tidak berulang di Pulau Langkawi.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa projek pelancongan di Langkawi ini gagal disebabkan oleh ketidakmampuan Promet untuk meneruskan projek ini. Apakah Kerajaan bercadang untuk meneruskan program ini dan adakah Kerajaan juga bercadang untuk membantu Kerajaan Negeri Kedah bagi meneruskan usaha projek pelancongan di Pulau Langkawi ini?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang betul pada masa ini pihak swasta yang terlibat dalam projek Langkawi ini menghadapi beberapa masalah dan kesulitan lebih-lebih lagi dari segi kewangan. Pada masa ini, syarikat tersebut itu telah pun diberi peluang untuk menyusun kembali ataupun menyusun semula kedudukan kewangan mereka agar projek pembangunan pelancongan Langkawi ini akan dapat dijalankan dengan hasrat seperti yang dirancangan pada peringkat awalnya dahulu ataupun

sekurang-kurangnya untuk menepati hasrat Kerajaan bagi mempertingkatkan pelancongan di Pulau Langkawi itu.

Dari segi bantuan daripada pihak Kerajaan, sepertimana yang saya telah sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah pun memperuntukkan lebih \$285 juta dan ini sedang dibelanjakan dan pelaksanaannya pula berada di beberapa peringkat. Saya percaya di samping itu ada juga pertolongan-pertolongan yang lain, kemudahan-kemudahan yang lain yang dipanjangkan oleh pihak Kerajaan kerana kegagalan pihak swasta untuk menyediakan kemudahan-kemudahan kepada pelancong-pelancong yang ingin melawat ke Pulau Langkawi. Misalnya, pada masa sekarang ini Kerajaan telah pun memutuskan untuk membenarkan MAS menjalankan penerbangannya ke Pulau Langkawi melalui Pulau Pinang iaitu Kuala Lumpur—Pulau Pinang—Langkawi dua kali seminggu dan ianya akan bermula pada 4hb Disember, 1986 ini sehinggalah airport ataupun lapangan terbang itu siap, di mana kita menjangkakan pihak MAS pula akan membawa penerbangan melalui penerbangan kapal terbang Boeing 737. Inilah di antara kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan sebagai menyokong kepada usaha-usaha kita untuk memperluas dan mempertingkatkan Pulau Langkawi sebagai satu pusat pelancongan di rantau ini.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat itu telah menerangkan bahawa hasrat Kerajaan ialah untuk menggalakkan masyarakat di Langkawi supaya dapat menjalankan usaha-usaha perniagaan dengan berbagai-bagai corak dan bentuk dengan harapan supaya dapat dipertingkatkan mutu hidup

penduduk-penduduk di Langkawi khususnya. Adakah Yang Berhormat itu bersetuju bahawa ini adalah tuntutan Islam dan langkah Kerajaan itu adalah sesuai dengan penerapan nilai-nilai Islam?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju.

HOSPITAL DAERAH SABAK BERNAM—PEMBINAAN

8. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan bahawa projek pembinaan Hospital Daerah Sabak Bernam telah lama diluluskan dan tapak bagi pembinaannya pula telah dikenalpasti dan telah dibayar ganti rugi oleh Kerajaan menerusi Pejabat Tanah Daerah. Tetapi sehingga kini hospital itu masih belum wujud; bilakah tarikh sebenarnya hospital itu akan didirikan dan berapakah kos pembinaan projek tersebut.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Kesihatan tidak dapat membina Hospital Daerah Sabak Bernam dalam jangkamasa Rancangan Malaysia Kelima ini. Dalam keadaan ekonomi yang kurang memuaskan, keutamaan untuk menyediakan hospital-hospital baru telah dikaji dengan lebih teliti lagi. Kementerian Kesihatan akan meneliti semula keperluan pembinaan Hospital Daerah Sabak Bernam dalam Rancangan Malaysia Keenam kelak berpandukan kepada keadaan ekonomi pada masa ini. Anggaran kos projek itu, mengikut hitungan semasa ialah \$24 juta.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan kenapakah pembinaan hospital ini tidak dapat dibuat dalam

Rancangan Malaysia Kelima, sedangkan projek ini telah diurakan sejak 15 tahun yang lalu dan kalau ianya tidak dapat dibuat dalam Rancangan Malaysia Kelima sehingga menunggu Rancangan Malaysia Keenam, mungkin sampai 25 tahun projek ini baru dapat dibuat.

Kedua, adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa di dalam membuat kajian laporan tentang keperluan hospital ini, Kementerian Kesihatan telah tersilap membuat perkiraan antara Sabak Bernam dengan Telok Intan di mana saya difahamkan mengikut rekod Kementerian, Sabak Bernam dengan Telok Intan hanya jaraknya lebih kurang 18 batu. Oleh itu saya berharap supaya ini dapat dikaji semula. Kalau kenyataan saya ini tidak betul, saya syorkan Menteri yang berkenaan datang ke Sabak Bernam supaya sama-sama mengukur antara jauh Sabak Bernam dengan Telok Intan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan perkara ini dan walaupun kalau tidak silap saya, jarak antara Telok Intan dengan Sabak Bernam ialah lebih kurang 19 batu.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Penjelasan. Jarak 19 batu itu bukanlah di antara Sabak Bernam dengan Telok Intan, tetapi dengan Sungai Bernam—sempadan Sungai Bernam dengan Telok Intan. Tetapi kalau Sabak Bernam dahpada Tanjung Ru ataupun daripada Sungai Apong ke Sabak Bernam pun sudah hampir 20 batu jaraknya—belum lagi Sabak Bernam ke Telok Intan.

Dato' Chan Siang Sun: Jadi sekarang perkara jarak antara dua tempat itu tidak penting tetapi apa yang penting ialah Hospital itu (*Ketawa*). Jadi, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Menteri yang berkenaan mengakui pentingnya hospital itu, jadi saya harap Kementerian berkenaan memandang serius perkara ini, dan mengusahakannya dalam Rancangan Malaysia Kelima juga (*Ketawa*).

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin menyampaikan butir-butir berkenaan dengan keadaan hospital ini semenjak masa kita mendapat tanah sampai sekarang, oleh kerana kalau saya sebutkannya barangkali ia akan mengambil masa Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, mengikut apa yang kita telah rancangkan itu dan juga apa yang kita ambil kira hasrat dan harapan penduduk-penduduk di sana, kita memang tahu tempat itu penting diadakan sebuah hospital. Oleh kerana seperti yang saya katakan dalam jawapan pokok tadi, iaitu oleh kerana kemelesetan ekonomi, jadi kita terpaksa menangguhkan projek ini. Bagaimanapun saya tentu ambil perhatian yang positif, yang aktif. Jika ada peluang untuk memasukkan projek ini bagi Sabak Bernam, insya Allah, saya akan buat.

PERPADUAN NEGARA

9. Tuan Ahmad bin Omar minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan soal perpaduan di kalangan rakyat Malaysia adalah soal yang tidak boleh diabaikan oleh setiap rakyat yang cintakan negara ini dan sedar betapa pentingnya "Lembaga Perpaduan Negara" dapat memainkan peranan penting melalui rancangan Kempen "Integrasi Nasional", saya ingin tahu sejauh manakah rancangan berkesan yang telah dilaksanakan oleh "LPN" bagi membantu mencapai matlamat Perpaduan Nasional.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Raja Arifin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua,

terlebih dahulu ingin saya memaklumkan bahawa agensi yang bertanggungjawab bagi perpaduan negara dikenali sebagai Jabatan Perpaduan Negara.

Rancangan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara bagi memupuk dan mengekal perpaduan adalah dibuat melalui dua strategi penting, iaitu (a) penggalakan dan (b) pengesanan dan pencegahan. Aktiviti-aktiviti penggalakan adalah dilakukan dengan sebegitu rupa untuk memberi seberapa banyak peluang yang boleh bagi rakyat yang terdiri dari berbilang kaum untuk bertemu, berinteraksi serta berbaik-baik sangka dalam suasana muhibbah. Melalui program-program yang berbentuk pendidikan tidak formal, kebajikan, kebudayaan, rekreasi dan kesukanan. Ini biasanya dilakukan melalui sektor-sektor Rukun Tetangga di seluruh negara dengan memberi penekanan kepada pemupukan semangat kejiranan.

Dari segi lain pula, untuk memupuk integrasi kewilayahan, Jabatan Perpaduan Negara mengelolakan lawatan oleh Ketua-ketua Masyarakat tempatan dari Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan ke Semenanjung dan sebaliknya. Jabatan Perpaduan Negara juga dari masa ke semasa mengkaji peranan serta programnya dengan bertujuan untuk mempertingkatkan lagi keberkesannya. Baru-baru ini Panel Penasihat Perpaduan Negara telah disusun semula dengan memasukkan perwakilan dari tiap-tiap buah negeri di Malaysia selain dari ahli-ahli yang dilantik di peringkat Kerajaan Pusat. Kini Panel Penasihat itu mempunyai 24 orang ahli iaitu 14 orang ahli dari negeri-negeri di Malaysia dan 10 orang ahli dilantik di peringkat Kerajaan Pusat.

Sehubungan dengan ini Jabatan Perpaduan Negara telah juga meminta

Kerajaan-kerajaan Negeri menubuhkan Jawatankuasa Perpaduan Negeri dan juga Wilayah Persekutuan untuk meningkatkan lagi usaha memupuk perpaduan nasional. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan di Peringkat Negeri adalah terdiri dari Yang Berhormat Ahli Exco atau Setiausaha Kerajaan Negeri yang juga menjadi ahli Panel Penasihat Perpaduan Negara.

Tuan Abdol Mulok Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam proses mewujudkan sebuah negara yang berintegrasi dalam negara yang demokrasi ini, parti-parti politik bebas wujud di mana-mana dalam negara ini. Soalan saya sejauh manakah peranan parti-parti politik yang ada di negara ini memainkan peranannya ke arah mewujudkan sebuah negara yang ideal.

Raja Arifin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, parti-parti politik yang dibenar ditubuhkan di dalam negara bertujuan untuk memperjuangkan rakyat dan kita berharap bahawa semua parti politik akan mengambil kesempatan ini. Bagaimanapun, kita berdukacita ada juga kadangkala kita dapati pihak-pihak yang tidak menyumbangkan terhadap usaha ini.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Maksud dari perpaduan yang sebenarnya ialah harusnya timbul apabila ada pengorbanan dan nampaknya di dalam perpaduan di negara kita ini, pengorbanan itu banyaknya datang dari orang-orang Melayu, tetapi kurang datangnya daripada orang-orang bukan Melayu. Apakah program yang lebih praktikal yang mahu dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara ini untuk menimbulkan satu kesedaran di kalangan orang-orang bukan Melayu untuk lebih berkorban ke arah mewujudkan perpaduan negara, kerana perpaduan negara itu adalah

satu harga yang harus dibayar dengan mahalnya?

Raja Arifin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perpaduan Negara, dan saya percaya Jabatan-jabatan lain dari Kerajaan, telah pun mengambil tindakan untuk menerangkan kepada rakyat umum bahawa perpaduan itu adalah penting bagi kemajuan negara pada keseluruhannya. Jabatan Perpaduan Negara sedang mengambil tindakan dan menyusun semula beberapa program untuk memperkenalkan dan membawa penerangan yang lebih dekat kepada semua golongan masyarakat supaya mereka sedar tentang peranan perpaduan ini di dalam pembangunan masyarakat, supaya tiap-tiap seorang akan mengambil bahagian di dalam mewujudkan perpaduan kerana ianya adalah penting bagi semua golongan.

PERKHIDMATAN PERUBATAN LUAR BANDAR

10. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah Menteri Kesihatan sedar bahawa perkhidmatan perubahan di luar bandar jauh daripada memuaskan. Pusat-pusat Kesihatan tidak mencukupi, kekurangan Doktor, Pembantu Kesihatan, Jururawat, dan kelengkapan-kelengkapan yang mencukupi di Hospital Daerah. Berapakah jumlah cadangan Kementerian Kesihatan untuk membina pusat kesihatan di Jajahan Pasir Mas terutama di kawasan-kawasan pendalaman dalam RML, terutama Klinik Bidan dan Pergiagan.

Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, jaringan atau "network" atau "coverage", dengan izin, perkhidmatan perubatan di luar bandar di Malaysia adalah yang terbaik di rantau ini jika dibandingkan

dengan yang ada di negara-negara jiran. Ini telah dinyatakan oleh beberapa jurupemnding kesihatan, khususnya dari Organisasi Kesihatan Sedunia (W.H.O.) yang telah melawat negara kita. Namun begitu, Kementerian Kesihatan sedar bahawa masih ada beberapa kelompok penduduk, terutama di kawasan-kawasan terpencil yang menghadapi masalah-masalah mendapat perkhidmatan perubatan. Justeru itu, Kementerian Kesihatan sentiasa mengkaji dari masa ke masa dan memberi keutamaan yang setimpal dengan perancangan kesihatannya bagi Rancangan-rancangan Malaysia.

Kajian menyeluruh juga dititikberatkan bagi hospital-hospital daerah dari segi kakitangan, alat-alat kelengkapan dan kos penyelenggaraan, tahap perkhidmatan dan keupayaan pelaksanaan Kementerian Kesihatan. Di samping itu, analisa situasi ini juga mengambilkira kedudukan sosio-ekonomi dan prestasi pembangunan bagi sesebuah daerah dan membandingkan sumber-sumber kesihatan yang sedia ada dengan daerah-daerah yang lain. Dengan demikian, bergantung kepada faktor-faktor seperti tersebut di atas, Kementerian Kesihatan akan menambahkan lagi bilangan pusat-pusat kesihatan, doktor, jururawat dan alat-alat kelengkapan di hospital daerah apabila berkeupayaan.

Dalam Rancangan Mataysia Kelima, bagi Jajahan Pasir Mas, Kelantan, Kementerian Kesihatan telah merancang untuk melaksanakan sebuah pusat kesihatan, 2 pusat kesihatan fasa I, satu klinik desa baru dan menaiktarafkan 8 klinik bidan kepada klinik desa. Klinik pergigian juga dibina bersama-sama pusat-pusat kesihatan. Jumlah anggaran kos projek-projek ini ialah sebanyak \$4,740,000.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd.

Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan tadi, Menteri berkenaan berkata bahawa Malaysia mempunyai rawatan perubatan yang paling baik di rantau ini. Saya suka mendapat tahu, apabila pakar-pakar hendak buat report itu datang ke Malaysia ini, hospital atau klinik manakah yang dibuat? Pada pengetahuan saya dalam Rancangan Malaysia Keempat yang telah lalu banyak lagi klinik-klinik bidan dan klinik-klinik desa terkandas dan orang-orang kampung beranak di atas lantai begitu sahaja (*Ketawa*).

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, itu pada masa Rancangan Malaysia Keempat, sekarang Rancangan Malaysia Kelima. Saya pun mengaku juga dalam jawapan saya tadi masih ada kekurangan-kekurangan dan kita akan dapat mengatasinya. Jadi, itulah sebabnya kita mengadakan Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat dan sekarang Kelima. Oleh sebab itulah, kita mengikut rancangan-rancangan supaya kita dapat meningkatkan mutu kesihatan di dalam negara kita yang semua cintai ini, Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab-mulut telah cukup,

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 14 adalah diberi di bawah ini)

KEMUDAHAN ASAS DI LUAR BANDAR

11. Tuan Zubir bin Embong minta Perdana Menteri menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan bagi

kemudahan asas di luar bandar bagi tahun 1985 bagi perkara-perkara berikut:

- (a) jalan raya;
- (b) bekalan air;
- (c) pusat kesihatan kecil;
- (d) bekalan elektrik; dan
- (e) surau.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Jumlah wang yang telah dibelanjakan bagi kemudahan-kemudahan asas di luar bandar bagi tahun 1985 untuk perkara-perkara yang dinyatakan itu adalah seperti berikut:

- (a) Jalan raya—\$143,612,500.21. Perbelanjaan ini meliputi perbelanjaan ke atas kemudahan-kemudahan jalan luar bandar, jalan keselamatan/ KESBAN dan jalan kampung;
- (b) Bekalan air—\$36,208,018.06;
- (c) Pusat Kesihatan Kecil—\$12,411,315.71;
- (d) Bekalan elektrik—\$55,716,697.00; dan
- (e) Surau—\$3,214,785.81.

PATA—PERBELANJAAN PERSIDANGAN

12. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa banyakkah perbelanjaan menganjurkan PATA 1986, apakah kesan-kesan positif, yang diperolehi daripadanya sehingga kini dari segi penambahan pelancong-pelancong serta pendapatan wang asing.

Dato Kok Wee Kiat: Uhtuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini adalah serupa dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang pada 13-10-1986, Yang Berhormat

dari Bagan pada 17-11-1986 dan Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh pada 24-11-1986.

KEBUDAYAAN DAN KEPERIBADIAN MALAYSIA

13. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan adakah Kerajaan berniat untuk memupuk dan membangunkan nilai-nilai bersama semua kaum di Malaysia untuk membentuk satu kebudayaan dan keperibadian Malaysia dan pada masa yang sama berusaha menghapuskan sekatan-sekatan buatan manusia seperti pembahagian rakyat Malaysia kepada golongan bumiputera dan golongan bukan bumiputera dan penggunaan perkataan-perkataan seperti "halal" dan "haram" untuk membentuk sebuah negara Malaysia yang adil dan berbilang bangsa; jika tidak, beri sebab-sebabnya.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Kerajaan bukan sahaja berniat malah telah pun berusaha memupuk dan mengembangkan nilai-nilai bersama semua kaum di Malaysia ke arah membentuk kebudayaan dan keperibadian Malaysia. Contohnya Kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan beberapa siri seminar mengenai nilai dan norma masyarakat Malaysia serta pelbagai program yang melibatkan penyertaan masyarakat pelbagai kaum di bidang kesenian sezaman dan pembinaan sosio-budaya. Istilah bumiputera dan bukan bumiputera adalah salah satu istilah yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Soal halal haram adalah soal hukum Islam yang hanya melibatkan masyarakat Islam.

PEGUAM NEGARA SEBAGAI PENERUSI MBSB

14. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar Peguam Negara adalah juga

Pengerusi Lembaga Pengarah Malaysia Building Society Berhad (MBSB) dan jika ya, nyatakan sama ada Perdana Menteri sedar bahawa adalah tidak diingini bagi Peguam Negara memegang jawatan Pengerusi Lembaga Pengarah (MBSB) kerana pemegang kedua-dua jawatan tersebut pada masa yang sama mungkin boleh menyebabkan percanggahan kepentingan.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Pada masa sekarang memang benar Peguam Negara adalah menjadi Pengerusi Lembaga Pengarah Malaysia Building Society Berhad (MBSB). Perlantikan beliau adalah dibuat berasaskan kepada kewibawaan dan kebolehannya serta pengalaman dan fahamannya di dalam segi undang-undang yang membolehkan beliau memberi nasihat kepada Lembaga di dalam perjalanan urusannya.

Adalah didapati perlantikannya tidak mendatangkan sebarang percanggahan kepada kepentingan Kerajaan.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

BANJIR DI PANTAI TIMUR

3.35 *ptg.*

Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan Mesyuarat 18 (1), saya Ingin mengemukakan satu usul supaya Majlis Dewan ini ditangguhkan untuk membincang satu perkara yang penting kepada orang ramai dan tertentu, juga tergepar. Masalah ini adalah masalah banjir di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Pada masa sekarang kita sedar bahawa beribu-ribu penduduk-penduduk di negeri Kelantan dan negeri Terengganu telah dipindahkan ke satu pusat yang terselamat dan 13 nyawa orang telah terkorban. Oleh kerana itu, saya ingin mengemukakan usul ini, dan kalau diizinkan, saya boleh baca usul saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila Yang Berhormat bacakan.

Tuan Chian Heng Kai: Usul saya berbunyi:

"Bahawa Dewan ini mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (1) mengambil ingatan akan keadaan banjir di Pantai Timur yang semakin merosot di mana 13 nyawa telah terkorban dan lebih 24,000 mangsa dipindahkan ke pusat pemulihan serta Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia terpaksa ditangguhkan.

Bahawa perkara ini adalah satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan kerana kami berada dalam pertengahan musim hujan dan keadaan banjir adalah dijangka menjadi lebih teruk, bukan sahaja di Pantai Timur tetapi juga di lain-lain negeri.

Bahawa Dewan ini memandang berat ke atas perkara ini serta mengarahkan Kerajaan mengambil langkah-langkah yang konkrit dan tegas untuk mengatasi masalah banjir ini sebelum lebih banyak lagi nyawa terkorban dan harta benda termusnah".

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 daripada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Bukit Mertajam pagi ini.

Usul yang dicadangkan adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Saya telah meneliti usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat itu, dan sebelum saya membuat keputusan, perlu saya nyatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (2):

Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan untuk ditangguhkan mesyuarat, kecuali jika dia berpuas hati, iaitu perkara yang dibangkitkan itu menepati 3 syarat, iaitu:

- (i) perkara itu perkara tertentu;
- (ii) perkara itu bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) perkara itu berkehendak disegerakan.

Sungguhpun saya bersetuju perkara yang berkenaan itu memenuhi syarat yang pertama dan kedua, namun mengikut pendapat saya, setelah menerima maklumat dari Kementerian Penerangan berkenaan dengan banjir di Pantai Timur Semenanjung dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menolong mangsa-mangsa banjir yang terlibat, saya diberitahu bahawa semenjak banjir yang melanda Pantai Timur Semenanjung, iaitu bermula pada 29hb November, 1986, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah tegas dalam membantu orang ramai yang terlibat dengan banjir berkenaan.

Antara langkah segera ialah membuka 24 jam semua Bilik Gerakan Banjir di semua daerah dan negeri terlibat. Pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) juga mulai tarikh tersebut telah membuka 24 jam Bilik Gerakannya. Pihak MKN juga telah mengarahkan semua pusat pemindahan terlibat supaya

beroperasi 24 jam. Bekalan-bekalan perlu juga seperti beras, sardin, selimut dan lain-lain telah dihantar segera ke pusat-pusat pemindahan di kedua-dua negeri terlibat, iaitu di Kelantan dan Terengganu. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Tuan Abdul Ghafar bin Baba bersama Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bencana Alam Negara, telah membuat lawatan di beberapa pusat pemindahan di Kelantan dan Terengganu serta meluluskan bantuan Pusat sebanyak \$500,000 kepada kedua-dua negeri berkenaan: Kelantan \$500,000 dan Terengganu \$500,000.

Persiapan lain seperti helikopter dan lain-lain juga disediakan di kedua-dua negeri berkenaan bagi digunakan bila-bila masa sahaja. Bagaimanapun, adalah dilaporkan ini adalah perkembangan yang terakhir air dan banjir semakin surut dan banyak mangsa-mangsa pemindahan telah pulang ke rumah masing-masing. Saya berpendapat dan berpuas hati perkara membahaskan usul ini tidak perlu disegerakan, sehingga menangguhkan mesyuarat yang berjalan sekarang. Oleh itu, saya menolak usul Ahli Yang Berhormat itu (*Tepuk*).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dan

Anggaran Pembangunan 1987 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (*Hari Keenam belas*).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B.56 (Jadual)—

Maksud P.56 (Anggaran Pembangunan 1987)—

Tuan Pengerusi: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menyambung jawapan daripada hari semalam.

3.42 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah menyarankan supaya Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah dalam menumpukan kepada tanaman kontan dan ternakan daripada melaksanakan pembangunan tanah secara besar-besaran kerana pembangunan tanah secara besar-besaran telah dijalankan oleh agensi-agensi yang lain seperti FELDA.

Sukalah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini, pada peringkat awal pelaksanaan aktiviti-aktiviti Pembangunan Wilayah didapati Lembaga Kemajuan Wilayah ada melaksanakan pembangunan tanah secara usaha-sama dengan sektor swasta sebagai galakan kepada sektor swasta bagi menceburi bidang tersebut, tetapi pada masa sekarang tumpuan LKW bukan lagi kepada pembukaan tanah baru kerana pembukaan tanah baru secara besar-besaran adalah dilaksanakan oleh agensi-agensi lain seperti FELDA. Sebaliknya, pembukaan tanah yang dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah ialah lebih

menumpukan kepada tanaman-tanaman kontan seperti sayur-sayuran dan ternakan. Contohnya, Tuan Pengerusi, kawasan KEJORA telah diarahkan supaya dijadikan sebagai kawasan tanaman kontan atau ternakan dan ternakan air yang mana hasilnya boleh dieksport ke luar negeri.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan supaya Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah hendaklah melaksanakan pembinaan prasarana kecil seperti bekalan air, jalan-jalan dan lain-lain.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah melaksanakan pembinaan prasarana kecil seperti bekalan air, jalan-jalan dan lain-lain; adalah dimaklumkan bahawa Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah mengenalpasti projek-projek yang sepatutnya dilaksanakan di kawasan-kawasannya dan pelaksanaan projek-projek tersebut adalah dijalankan oleh agensi-agensi yang sepatutnya menjalankan projek itu.

Yang Berhormat juga telah mencadangkan supaya dimasukkan faedah-faedah yang diterima oleh rakyat dan cost effectiveness, dengan izin, mengenai projek-projek yang dilaksanakan oleh agensi-agensi Kementerian dan laporan tahunan agensi-agensi Kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat, perkara-perkara yang dimasukkan dan laporan tahunan agensi-agensi Kementerian adalah berdasarkan prestasi agensi-agensi tersebut.

Cadangan Yang Berhormat untuk memasukkan faedah-faedah yang diterima oleh rakyat dan cost effectiveness, dengan izin, mengenai projek-projek yang dilaksanakan oleh agensi Kementerian, laporan tahunan agensi-agensi berkenaan adalah satu cadangan yang baik dan Kementerian akan mengambil perhatian mengenai

cadangan ini—bukan sahaja perhatian, malah pertimbangan yang sewajarnya,

Yang Berhormat juga telah menyentuh supaya pembangunan industri yang menggunakan bahan-bahan tempatan dan mengkaitkan pembangunan industri yang telah dikenalpasti melalui Pelan Induk Perindustrian.

Untuk makluman Yang Berhormat, pandangan tersebut adalah sangat baik dan Kementerian saya telah pun mengarahkan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah untuk merancang projek-projek perindustrian, khususnya industri kecil supaya dapat mengambil peluang-peluang yang terdapat dalam corridor pembangunan. Dengan ini, isu hubung kait Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah dengan corridor pembangunan Pelan Induk Perindustrian memang diberi penekanan oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Yang Berhormat juga telah mencadangkan supaya disatukan pengurusan semua Lembaga Kemajuan Wilayah dan juga mencantumkan KEDA dan PERDA serta negeri Perlis di utara Perak dan juga DARA dengan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka.

Berhubung dengan perkara ini, Tuan Pengerusi, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah akan mengambil maklum ke atas cadangan tersebut untuk menyatukan pengurusan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah.

Berkaitan dengan persoalan dan percantuman, Kementerian sedang berusaha untuk menyelaraskan fungsi-fungsi Lembaga Kemajuan Wilayah yang ada tujuan untuk mengurangkan pertindihan fungsi, jika ada.

Selanjutnya Yang Berhormat telah mencadangkan supaya Kementerian memberhentikan amalan meminjam pegawai-pegawai dari agensi lain ke Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah.

Dalam hal ini, adalah dijelaskan bahawa Kementerian tidak pernah melihat dari golongan apa atau dari kumpulan mana pegawai itu datang sebelum mereka dilantik ke agensi-agensi Lembaga Kemajuan Wilayah. Apa yang Kementerian tekankan ialah kemampuan pegawai itu menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya, rasionalnya ialah untuk memperkuat lagi kepakaran-kepakaran yang terdapat di sesebuah Lembaga Kemajuan Wilayah. Ini adalah untuk kebaikan dan faedah sebuah agensi itu. Sesuatu jawatan itu boleh diisi oleh pegawai-pegawai dari dalam atau dah luar agensi itu.

Tuan Pengerusi Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan beberapa isu mengenai FELCRA di Dewan yang - mulia ini. Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan isu rumah peserta yang masih lagi belum diduduki oleh peserta-peserta yang berjumlah 500 buah. Kedudukan yang sebenarnya ialah memang terdapat rumah-rumah yang masih lagi kosong buat masa ini berjumlah 432 buah. Ini adalah disebabkan sama ada rumah-rumah tersebut sudah pernah diisi, tetapi peserta-peserta yang berkenaan menarik diri ataupun rumah tersebut masih menunggu kemasukan bakal-bakal peserta.

Perlu dinyatakan bahawa jumlah ini tidak tertumpu kepada hanya beberapa rancangan sahaja, tetapi rumah-rumah kosong ini terdapat di 14 buah rancangan di seluruh Semenanjung. Jumlah rumah kosong di tiap-tiap rancangan ini hanya beberapa buah sahaja. Angka yang

besar itu timbul kerana ianya dijumlahkan sekali gus. Pihak FELCRA memang mengambil perhatian bagi menentukan rumah-rumah peserta akan dibina mengikut jumlah bakal peserta yang akan ditempatkan di sesuatu rancangan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini pengeluaran hasil minyak daripada kilang-kilang FELCRA hanya berjumlah 30 metrik tan sahaja. Ini adalah satu kenyataan yang tidak tepat, malah tuduhan melulu.

Yang Berhormat dari Kepong sepatutnya membuat penelitian yang lebih mendalam sebelum mengutarakan satu-satu perangkaan agar ianya tidak memberi gambaran yang salah.

Kedudukan yang sebenarnya, Tuan Pengerusi, ialah pengeluaran hasil daripada dua buah kilang sawit yang dipunyai oleh FELCRA pada tiap-tiap bulan ialah di antara 3,000 sehingga 5,000 metrik tan—jauh berbeza dengan kenyataan yang diutarakan oleh Yang Berhormat itu.

Berkenaan Ibupejabat FELCRA daripada Wisma C. F. Lee di Jalan Bunus ke Bangunan LTAT di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur ialah kerana Bangunan C. F. Lee tersebut sudah tidak lagi sesuai dan tidak dapat menemui kehendak semasa FELCRA. Jumlah perbelanjaan yang dibelanjakan untuk pengubahsuaian dan pemindahan Ibupejabat FELCRA ialah \$399,825.50 sen. Pengubahsuaian ini adalah meliputi kawasan lantai seluas 65,000 kaki persegi dan menempatkan lebih kurang 450 orang pegawai dan kakitangan FELCRA. Jika dikira harga purata bagi tiap-tiap kaki persegi bagi pengubahsuaian, ianya adalah dalam lingkungan \$6.15 dan kadar pengubahsuaian ini adalah sesuai dan munasabah. Pengubahsuaian ini adalah mengikut

garis-garis panduan yang disediakan oleh pihak Kerajaan dan ianya adalah selaras dengan arahan-arahan semasa.

Ahli Yang Berhonnat dari Kepong juga telah menimbulkan isu penyediaan bilik mandi bagi Pengerusi dan Ketua Pengarah FELCRA. Ingin dijelaskan di sini, pihak pengurusan FELCRA tidak mengadakan bilik mandi untuk kemudahan Pengerusi dan Ketua Pengarah yang berharga \$30,000 seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kepong itu. Apa yang disediakan ialah tandas tambahan yang memang diperlukan dan kos-kos penyediaannya sudah termasuk dalam kos pengubahsuaian yang disebutkan terdahulu.

Ahli dari Kepong juga telah membangkitkan persoalan yang berkaitan dengan lawatan Ketua Pengarah ke luar negeri. Ingin dimaklumkan bahawa lawatan Ketua Pengarah ke luar negeri baru-baru ini adalah dipersetujui oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Beliau telah diberi kebenaran untuk mengikuti lawatan tersebut memandangkan kepada perlunya beliau bersama-sama dengan rombongan pemasaran getah yang dianjurkan oleh Malaysia Rubber Exchange and Licensing Board bagi meluaskan pasaran getah Malaysia termasuk getah yang dikeluarkan oleh FELCRA. Selain daripada itu, lawatan ini telah memberi pengalaman dan pendedahan kepada Ketua Pengarah FELCRA dalam urusan pemasaran getah antarabangsa,

Untuk makluman Yang Berhormat, hasil getah yang dikeluarkan oleh FELCRA berjumlah 18,800 metrik tan setahun, bernilai \$30.8 juta dalam tahun 1985. Isu perbelanjaan sebenar yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kepong adalah kerana kekeliruan yang timbul menyebabkan beliau membandingkan perbelanjaan sebenar dalam Rancangan Malaysia

Keempat bagi tempoh masa 5 tahun (1981-1985) dengan peruntukan yang diberi untuk jangka masa setahun iaitu 1986.

Untuk makluman Yang Berhormat Wakil dari Kepong, FELCRA berupaya membelanjakan peruntukan yang diberi kepadanya dan FELCRA telah diberi kepercayaan untuk melipatgandakan lagi pembangunan tanahnya bagi penduduk-penduduk luar bandar.

Yang terhormat dari Bukit Bintang telah menyentuh mengenai peraturan-peraturan memilih bakal-bakal peneroka untuk rancangan-rancangan pembangunan tanah. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam pemilihan peneroka bagi sesuatu negeri, negeri berkenaan akan menentukan sama ada ianya dikhususkan kepada rakyat negeri itu atau dibuka kepada rakyat negeri lain. Pada masa ini negeri Pahang sahaja yang membuka peluang kemasukan peneroka kepada orang-orang luar dengan peratusan 50% rakyat Pahang dan 50% rakyat luar Pahang. Syarat-syarat lain adalah seperti berikut:

- (i) Ia adalah rakyat Malaysia;
- (ii) Telah berumahtangga;
- (iii) Berumur 18 sehingga 40 tahun;
- (iv) Mempunyai tanah tidak lebih dari 2 ekar tanah desa; dan
- (v) Tidak ada pula rekod jenayah.

Selain daripada itu, Yang Berhormat juga telah mencadangkan supaya ditubuhkan satu Lembaga bagi memajukan kampung-kampung baru. Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan kampung-kampung baru adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya telah membangkitkan mengenai terdapatnya banyak kawasan-kawasan tanah terbiar yang masih belum diusahakan lagi dan oleh yang

demikian adalah tidak perlu diteruskan pembukaan tanah-tanah baru, Untuk makluman Yang Berhormat, dasar keseluruhan pembangunan tanah merangkumi kedua-dua pembukaan tanah baru dan pemulihan juga penyatuan tanah terbiar. Walau bagaimanapun, terdapat kawasan-kawasan luas yang terbiar dan patut dimajukan. Program-program pembukaan tanah perlu diteruskan untuk memenuhi kehendak pembangunan tertentu, terutamanya pemberian tanah dan penempatan semula golongan-golongan miskin yang tidak bertanah serta untuk membolehkan pengurangan kesesakan penduduk di kawasan-kawasan yang mengalami "disorganised unemployment", dengan izin, yang tinggi. Program ini adalah selaras dengan strategi pengurangan kadar kemiskinan negara di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Ahli Yang Berhormat dari Jempol telah membangkitkan beberapa isu mengenai FELDA di Dewan yang mulia ini. Pertama, katanya, masih terdapat peneroka FELDA yang tidak memahami sistem saham. Untuk makluman Yang Berhormat, semasa bakal-bakal calon peneroka ditemuduga, mereka telah diberi penerangan ringkas berhubung dengan sistem saham yang sedang dilaksanakan oleh FELDA bagi rancangan-rancangan baru. Apabila mereka menjadi peneroka FELDA, mereka diberi kursus kefahaman tentang sistem saham yang ada mengikut cara peraturan pentadbiran FELDA. Pendek kata kita mengeluarkan risalah yang semacam ini yang menyatakan satu persatu berhubung dengan soal-soal saham dan risalah ini disibar ke merata-rata ceruk di kawasan rancangan FELDA. Penerangan-penerangan tanjut juga diberi dari masa ke semasa kepada peneroka-peneroka FELDA berhubung dengan sistem kerja dan apa jua perubahan dasar, jika ada.

Mengejaili penyediaan kemudahan asas seperti bekalan air, jalan dan sekolah dipertingkatkan, sukaiah dinyatakan bahawa FELDA sentiasa memberi keutamaan kepada kemudahan-kemudahan asas terutama bekalan air dan sekolah. Kerjasama dan penyelarasan dengan Kementerian yang berkenaan sentiasa diadakan. Bagi mengatasi masalah semasa, FELDA mengadakan Perkhidmatan Pelajaran dan Kesihatan dengan mengubahsuai rumah-rumah peneroka dan balairaya untuk dijadikan klinik dan sekolah sementara.

Berhubung dengan kemudahan perniagaan, FELDA menyediakan gerai-gerai untuk peneroka berniaga. Ada kawasan-kawasan kampung yang telah dikenalpasti untuk dimajukan sebagai "growth centre", dengan izin. Salah satu darinya ialah di Pusat Palong IV, V dan VI; juga dalam kawasan Jempol. Beberapa "growth centre", dengan izin, lagi telah dikenalpasti dan akan dimajukan. Dalam pusat pentadbiran, beberapa kemudahan disediakan seperti kedai, gerai, pasar, tapak perusahaan kecil, bekalan elektrik dan telefon.

Banyak tanah terbiar terutama dalam kawasan-kawasan FELDA, katanya. Sebenarnya, Tuan Pengerusi, kawasan-kawasan terbiar dalam kawasan-kawasan FELDA adalah kawasan-kawasan yang diperuntukkan kepada beberapa Jabatan dan Agensi Kerajaan seperti Jabatan Bomba, Polis dan Pos. Untuk langkah-langkah sementara, kawasan-kawasan tersebut akan digunakan oleh peneroka sebagai kawasan projek usaha sampingan ekonomi.

Mengenai generasi kedua, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, FELDA serta semua yang berkenaan memang sedia menyedari dengan masalah-masalah generasi kedua yang sedang dihadapi.

Program sedang diatur untuk mengatasi masalah-masalah generasi kedua seperti berikut:

Latihan vokasional, BENTARA (Belia Tani Negara), projek ekonomi sampingan, kemudahan-kemudahan perniagaan seperti di kawasan-kawasan kecil disediakan untuk membuka bengkel perniagaan dan sebagainya. Program-program perkembangan yang menekankan aspek kerohanian dan pembanterasannya dadah juga diadakan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai telah bertanya mengenai jumlah jajahan yang telah dimasuki oleh Pejabat Penyelesaian Tanah Kelantan dan juga kekerapan ia berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Beliau juga menyentuh mengenai cara-cara yang sesuai yang boleh mempercepatkan pengeluaran hakmilik tanah.

Untuk makluman Yang Berhormat, Pejabat Penyelesaian Tanah Kelantan telah memasuki semua jajahan di seluruh negeri Kelantan. Kerja-kerja penyelesaian terbahagi kepada dua peringkat. Pertama, peringkat yang dikendalikan oleh Pejabat Penyelesaian Tanah Kelantan iaitu kerja-kerja yang berkaitan dengan penentuan sempadan tanah dan pengesahan tuan-tuan tanah.

Kedua, dikendalikan oleh Jabatan Ukur iaitu kerja-kerja berkaitan dengan pengukuran tanah dan penyediaan surat-surat hakmilik. Kerja-kerja peringkat pertama dijangka akan dapat diselesaikan keseluruhannya pada bulan Julai 1987. Kerja-kerja peringkat kedua, bagi seluruh negeri Kelantan dijangka akan dapat diselesaikan menjelang tahun 1992. Kedudukan pengeluaran hakmilik semenjak penyelesaian tanah

Kelantan dimulakan pada tahun 1955 sehingga sekarang ini ialah seperti berikut:

<i>Jajahan</i>	<i>Hakmilik yang dikeluarkan</i>	<i>Baki</i>
Pasir Mas	60,079	tiada
Kota Bharu	119,507	tiada
Tumpat	43,815	tiada
Bachok	51,290	tiada
Macang	28,547	420
Pasir Puteh.. ..	37,772	4,297
Tanah Merah	17,424	14,323
Jeli	2,159	13,255
Kuala Kerai	771	25,486
Gua Musang	2	4,113

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Kesimpulannya ialah, daripada 423,260 lot tanah di seluruh negeri Kelantan, Pejabat Penyelesaian Tanah Kelantan telah pun mengeluarkan sebanyak 361,366 keping hakmilik kepada tuan-tuan tanah.

Berhubung dengan perpindahan Pejabat Penyelesaian Tanah Kelantan dari satu tempat ke satu tempat adalah mengikut keperluan kerja yang melibatkan tuan-tuan tanah. Apabila kerja di satu tempat telah selesai, maka pejabat itu dipindahkan ke tempat lain di mana kerja-kerja penyelesaian akan dimulakan. Ini dilakukan semata-mata untuk kepentingan rakyat walaupun ia menimbulkan berbagai-bagai masalah kepada kakitangan pejabat. Pengeluaran hakmilik tanah adalah bergantung kepada penyelesaian pengukuran tanah. Untuk mempercepatkan lagi pengeluaran hakmilik-hakmilik tanah, pihak Kementerian telah pun mengaturkan bagi menambah tenaga pekerja ukur tanah khusus bagi penyelesaian tanah Kelantan.

Ahli Yang Berhormat dari Arau telah mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat

Timbalan Menteri, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah terlibat sendiri dengan program-program pembangunan sosial Kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat, pengwujudan Bahagian Pembangunan Sosial dan Institusi di Kementerian adalah atas arahan Yang Berhormat Menteri sendiri pada tahun 1986 sejajar dengan keperluan semasa dan kehendak Dasar Pertanian Negara. Jentera penggerak program pembangunan sosial ialah Jawatankuasa Pembangunan Sosial dan Institusi yang dipertanggungjawabkan terus kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Dasar dan Program Pembangunan Sosial dan Institusi semua Kementerian, semua program dan aktiviti Kementerian adalah hasil daripada arahan atau pandangan yang diterima daripada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Selain daripada itu, Yang Berhormat juga menyentuh mengenai perlantikan seorang Pegawai Penasihat dari luar negeri untuk Program Pembangunan Sosial dan Institusi. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah melantik Profesor tersebut dari negara Belanda pada tahun 1985 kerana keperluan yang mendesak pada masa itu dan kepakaran beliau yang didapati sesuai. Pada tahun 1986, Bahagian Pembangunan Sosial dan Institusi telah diwujudkan dan sehingga ini bahagian ini telah diperkukuhkan. Pada masa ini pakar berkenaan adalah dalam proses menyediakan satu laporan yang akan dibentangkan dalam sedikit masa yang mana akan dikaji oleh pihak Kementerian.

Berhubung dengan Program Pembangunan Sosial dan Institusi, Yang Berhormat juga telah

menimbulkan bahawa tiada perancangan di peringkat awal dan ini akan mengakibatkan masalah sosial. Untuk makluman Yang Berhormat, kebajikan generasi kedua telah dirancangan dari awal. FELDA ada sebuah jabatan khas yang diberi nama Jabatan Khidmat Pembangunan Masyarakat yang mana, di antara lain, memberi tumpuan kepada program pembangunan sosial. Program diatur dengan mengambil kira kebajikan dan kesejahteraan generasi kedua sejak mereka kecil lagi iaitu dengan mengadakan projek-projek TABIKA dan TADIKA.

Ahli Yang Berhormat dari Pendang telah menimbulkan mengenai pindaan Kanun Tanah Negara yang perlu dijelaskan kepada orang ramai dan juga mengenai perlaksanaan pindaan. Sukalah saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini iaitu mengenai pindaan kepada Seksyen 95, mengenai tempat-tempat di mana cukai tanah boleh dikutip adalah untuk membolehkan Pentadbir-pentadbir Tanah menggunakan budibicaranya bagi mengadakan tempat-tempat selain daripada Pejabat Tanah untuk mengutip cukai tanah. Sekiranya keadaan memerlukan, Pentadbir Tanah boleh mengutip cukai tanah itu di tempat-tempat yang lain. Akan tetapi urusan mengutip cukai tanah di tempat-tempat tambahan memerlukan tenaga kerja dan seperti mana yang kita sedia maklum, beban kerja di Pejabat-pejabat Tanah amat berat dan tenaga pekerja yang sedia ada tidak dapat disalurkan ke tempat-tempat tambahan tanpa menjejaskan perjalanan kerja di Pejabat Tanah sendiri.

Constraint, dengan izin, seperti inilah perlu diambil perhatian. Pada masa sekarang masalah pembayaran cukai tanah di Pejabat Tanah sendiri tidak begitu mendesak. Berikut saya perturunkan Seksyen 95 sebagaimana

yang dipinda dan saya bacakan dalam bahasa Inggeris, minta izin:

"Section 95—The rent payable in respect of any alienated land shall be paid by on behalf of the proprietor thereof at the office of land Administrator, or such other places as may be prescribed or any other place which the Land Administrator may deem fit."

Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh mengenai pindaan Seksyen 42 dan Seksyen 205 yang menyekat pemilikan tanah jenis pertanian supaya tidak kurang daripada satu ekar dan seterusnya mengesyorkan supaya dilonggarkan bagi tanah-tanah kampung.

Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan mengadakan pindaan kepada Seksyen 42 dan 205 adalah untuk mengelakkan pemilikan tanah jenis pertanian secara perseorangan atau secara perkongsian dalam saiz yang kecil-kecil yang tidak ekonomik. Pindaan kepada Seksyen 42 dan 205 telah digubal sedemikian rupa untuk mencapai hasrat tersebut. Seksyen 42 menyekat kuasa-kuasa pihak berkuasa negeri untuk melupuskan tanah jenis pertanian yang kurang daripada satu ekar kepada lebih dari seorang atau satu badan. Akan tetapi kelonggaran juga sedia diperuntukkan iaitu dalam keadaan-keadaan khas, exceptional circumstances, dengan izin, pihak berkuasa negeri boleh melupuskan tanah jenis pertanian walaupun tanah tersebut kurang daripada satu ekar.

Seksyen 205 menyekat dari segi urusan terhadap tanah jenis pertanian supaya tidak mewujudkan pemilikan tanah jenis pertanian yang kurang daripada satu ekar sama ada cara perseorangan atau perkongsian. Walau bagaimanapun, tanah-tanah jenis pertanian yang sedia ada, yang

kurang daripada satu ekar, masih boleh diurusniagakan tetapi urusaniaga tersebut dihadkan kepada hanya seorang atau satu badan sahaja. Dengan adanya peruntukan yang sedemikian, masalah pemecahan tanah-tanah jenis pertanian pada saiz-saiz yang kecil yang tidak ekonomik akan diatasi.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat supaya diadakan kelonggaran bagi tanah-tanah kampung, Kementerian ini akan mengambil perhatian yang sewajarnya.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini sentiasa mengawasi pelaksanaan Undang-undang Tanah supaya sebarang kemungkinan, kelemahan, kekurangan dapat diatasi sesuai dengan hasrat untuk mengadakan undang-undang yang dapat memenuhi kehendak-kehendak pembangunan dan sosio-ekonomi semasa.

Di samping itu Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai pindaan Seksyen 343 yang membolehkan salinan dokumen hakmilik dikeluarkan pada pemilik-pemilik bersama untuk tujuan gadaian, pindah-milik dan sebagainya di mana pentadbir-pentadbir tanah tidak memberi bantuan dalam perkara ini dan juga terdapat bank-bank yang tidak mahu menerima salinan dokumen hakmilik.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian memang sedar bahawa masalah seperti ini berlaku di peringkat Pejabat Tanah. Untuk makluman Yang Berhormat, selepas pindaan Akta Kanun Tanah Negara diluluskan pihak KPTG dan pegawai-pegawainya telah mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan PTG-PTG dan Pentadbir-pentadbir Tanah di seluruh negeri-negeri Semenanjung untuk menerangkan mengenai pindaan-pindaan baru itu, termasuk Seksyen 343. Di samping itu

kursus-kursus pentadbiran tanah dikendalikan oleh unit Latihan KPTG.

Oleh yang demikian, masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tidak seharusnya timbul. Walau bagaimanapun, Pejabat KPTG akan menyiasat perkara tersebut dan mengambil tindakan yang sewajarnya; dan jika perlu penerangan khas akan diadakan supaya Pentadbir Tanah yang berkenaan betul-betul memahami mengenai pindaan tersebut.

Berhubung dengan masalah bank-bank yang tidak mahu menerima salinan dokumen hakmilik sebagai sandaran untuk gadaian; masalah ini tidak seharusnya timbul kerana adalah jelas dinyatakan dalam Seksyen 343 bahawa salinan-salinan dokumen hakmilik adalah sah dan hendaklah dianggap dengan izin, "issue document of title" terhadap bahagian yang tidak dipecahkan yang dimiliki oleh pemilik bersama yang berkenaan.

Kesahihan salinan dokumen hakmilik yang dikeluarkan di bawah Seksyen 343 tidak boleh dipersoal atau dipertikaikan lagi.

Tuan Othman bin Abdul; (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pendang bangun.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Ya.

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Silakan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan sedikit sebab apa yang dinyatakan oleh bank-bank dan institusi-institusi kewangan ini ialah tentang "for sale" dengan izin. Mereka tidak dapat mengenal pasti kawasan manakah yang akan dilakukan "for sale" apabila jadi

sesuatu peristiwa apabila peminjam tidak dapat menjelaskan balik hutang mereka itu. Jadi, dalam "undivided share" ini mereka tidak dapat "locate", dengan izin, kawasan yang digadaikan oleh tuan punya tanah itu. Itu yang jadi masalah.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Pengerusi, kalau itulah masalahnya, saya akan meminta pegawai yang berkenaan meneliti dengan lanjutnya bagaimana sebenarnya keadaan itu berlaku.

Tuan Pengerusi, kalau kita lihat Seksyen 343 (6) mengenai cerita "issue document of title" tadi, jadi saya quote, Tuan Pengerusi, dengan izin:

"Such copy of an issue document of title may be used by the co-proprietor in whose name it is issued solely for the purpose of effecting any transfer, or creating any charge, or creating any lien under section 281, in respect of the undivided share of such co-proprietor in the same manner as an issue document of title may be used for the purpose of effecting such transfer or creating such charge or lien, and shall for such purposes be deemed to be an issue document of title in respect of undivided share of such co-proprietor."

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa membangkitkan soal peneroka di rancangan-rancangan FELDA. Saya suka menyangkal—dia tidak ada di sini—dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa yang menyatakan bahawa pemilihan peneroka adalah tertumpu kepada ahli-ahli UMNO sahaja. Sekiranya benar kenyataan Ahli yang Berhormat itu, kenapa pula wujudnya wakil-wakil PAS dan pemimpin-pemimpin PAS yang menentang Barisan Nasional di dalam pilihanraya yang lalu di kawasan-kawasan rancangan FELDA.

Bukan itu sahaja, bahkan, Tuan Pengerusi, terdapat Ahli-ahli PAS di dalam rancangan FELDA yang menjadikan rancangan FELDA sebagai kubu PAS dan sasaran kempen politik PAS. Ini jelas terbukti bahawa dalam pilihan peneroka Kerajaan tidak berdasarkan parti. . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan. Tiba-tiba saya tersentak apabila disebut kubu-kubu PAS di dalam kawasan FELDA. Jadi apa rancangan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk hendak bersihkan kawasan FELDA daripada kubu-kubu PAS itu. Terima kasih.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Pengerusi, ini sedang kita selanggarakan. Tuan Pengerusi, kita mempunyai kriteria-kriteria tertentu bagi memilih peneroka-peneroka. Kita memberi keutamaan kepada mereka yang tidak mempunyai tanah, mereka yang terdiri dari golongan dan peringkat umur yang sesuai dan sihat tubuh badan. Di samping itu mereka pastilah mempunyai minat dan semangat untuk memajukan tanah serta sanggup berusaha dan bertungkus-lumus untuk meninggikan taraf hidup mereka sejajar dan seiras dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Malangnya, hasrat dan cita-cita kita yang murni ini terjejas sedikit sebanyak berpunca dari keghairahan. . . .

Tuan Adam bin Abdul Kadir: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kuantan bangun.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Ya.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, saya agak lambat sedikit. Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyebutkan tentang kadar pengambilan peneroka ke negeri Pahang dan apabila kita kaitkan pula dengan hal-hal PAS ini, saya hendak tahu sama ada penapisan itu dibuat secara "stringent", dengan izin, supaya 50% daripada luar Pahang itu tidak termasuk orang-orang kuat daripada parti PAS. Apakah keadaannya?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Pengerusi, kita bukanlah memilih, sebagaimana yang saya katakan tadi calon-calon untuk menjadi peneroka itu berasaskan aliran parti. Kita memilih berasaskan kriteria-kriteria yang saya sebutkan tadi iaitu pertama sekali mereka yang tidak mempunyai tanah, golongan peringkat umur yang sesuai, sihat tubuh badan dan seterusnya. Bukan kerana parti itu dan parti ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, malangnya, hasrat dan cita-cita kita yang murni ini terjejas sedikit-sebanyak berpunca dari kehairahan berpolitik keterlaluan dari parti-parti yang tidak bertanggungjawab. Suasana ini lebih ketara lagi apabila timbulnya unsur-unsur yang boleh dan berpotensi memecah-belahkan masyarakat peneroka-peneroka. Mereka terlupa bahawa peluang yang diberi kepada mereka adalah semata-mata untuk membawa perubahan dan meningkatkan taraf hidup mereka. Peluang yang diberi itu tidak disyukuri. Sebaliknya, mereka tidak menggunakan peluang itu untuk mencaci dan menghentam Kerajaan dan pemimpin-pemimpin yang telah

dan benar-benar memberi pertolongan kepada mereka. Sebagai orang Melayu, Tuan Pengerusi, kita mempunyai pedoman hidup dan tatasusila yang diwarisi sejak zaman-berzaman. Pedoman hidup dan tatasusila ini mengajar kita supaya "susu tidak dibalas dengan tuba." Kita tidak mahu orang yang berkenaan tahu menerima panggu dan habuan mereka kemudian mencaci pemimpin-pemimpin dan Kerajaan.

Sebenarnya, kalau saya rujuk kepada Sabda Nabi s.a.w. - biar saya berceramah sedikit. Kalau kita melihat bagaimana Nabi s.a.w. bersabda: Ma lamyashukri nas, lam yuskriilah" - "sesiapa tidak berterima kasih kepada manusia yang menolong mereka maka mereka itu tidak bersyukur kepada Allah s.w.t." Dan jikalau kita lihat lagi, unjuran daripada itu firman Allah s.w.t, yang berikut. . . . lain syakartum laazidinnakum walain kafartum inna a'zabilyadid. (Sekiranya kamu syukur kepada nikmat Ku, maka Aku akan tambah dan sekiranya kamu kufur pada nikmat Ku, maka tunggulah azabKu yang pedih). Jadi, di samping itu, Tuan Pengerusi, suka saya mengambil kesempatan ini menjelaskan soal penyingkiran peneroka FELDA. Sebenarnya, kita mempunyai peraturan dan tindakan tata tertib peneroka, di mana kita mempunyai jawatankuasa peringkat rancangan dan peringkat Ibu pejabat. Jawatankuasa Tata tertib peringkat rancangan akan mengkaji, menimbang dan membuat keputusan tentang tindakan yang sepatutnya dikenakan kepada peneroka-peneroka yang dituduh melakukan kesalahan.

Kes-kes yang melibatkan penyingkiran akan dirujuk kepada Jawatankuasa Tata tertib peneroka peringkat Ibu pejabat. Peringkat Ibu pejabat pula akan meneliti, menimbang dan membuat keputusan sama ada menolak atau menyetujui

cadangan penyingkiran yang disyorkan itu. Jenis-jenis kesalahan adalah dicatatkan di sini - panjanglah juga; kalau hendak dibaca pun boleh.

Tuan Pengerusi: Tidak payah baca.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Kesalahan-kesalahan yang memerlukan tindakan tatatertib adalah terbahagi kepada empat kumpulan seperti berikut:

- (1) kesalahan jenayah—menyerang fizikal, mengeluarkan kata-kata menghina dan kurang sopan kepada kakitangan FELDA;
- (2) menyekat, menghalang kakitangan FELDA daripada menjalankan tugas yang dibolehkan oleh peraturan-peraturan FELDA;
- (3) berkelahi dengan menggunakan kekerasan sesama peneroka atau bukan peneroka.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat panjangkan itu?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tidak panjang benar, sedikit lagi.

- (4) menyamun, menipu, mencuri dan menyeleweng hasil ladang, baja atau lain-lain harta FELDA atau peneroka.
- (5) merogol.

Tuan Pengerusi: Yang kelima apa?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Merogol, tidak boleh. Kesalahan berkaitan dengan Jabatan Agama, Kadi pula, berzina, tidak boleh, berkhalwat, tidak boleh. Menganut atau mengajar agama salah, tidak boleh. Kesalahan berkaitan dengan masyarakat dan pentadbiran memecah-belah masyarakat, tidak boleh. Menentang dasar-dasar Kerajaan, tidak mengerjakan ladang, tidak menuai atau menoreh hasil

ladang, tidak mematuhi arahan-arahan pihak pentadbiran rancangan, berkelakuan sumbang. Jadi, inilah, Tuan Pengerusi, faktor-faktor yang kita pertimbangkan apakala kita melaksanakan apa juga penyingkiran. Kita tidak bertindak secara melulu. Kita mempunyai peraturan dan cara tertentu, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, semalam Yang Berhormat daripada Pengkalan Chepa juga membangkit soal Encik Mohd. Noor Latif, peneroka FELDA Karatong. Kenyataan Yang Berhormat itu sebenarnya tidak tepat. Itulah saya kata beliau bercakap sesuka hati. Encik Mohd. Noor Latif, peneroka FELDA Karatong 5 disingkirkan kerana menganjur ceramah-ceramah yang mengelirukan masyarakat rancangan serta mengadakan sembahyang Jumaat berasingan di kawasan yang tersebut.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja penjelasan-penjelasan yang dapat saya kemukakan sebagai kenyataan Kementerian dan saya berharap mana-mana soalan yang tidak terjawab, akan diambil satu pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$396,981,200 untuk Maksud B.56 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$396,981,200 untuk Maksud B.56 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,058,864,500 yang disebutkan dalam Maksud P.56 dalam Anggaran Pembangunan, 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,058,864,500 untuk Maksud P.56 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1987.

Maksud B.57 (Jadual)—

Maksud P.57 (Anggaran Pembangunan 1987)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.57 dan P.57 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar terbuka untuk dibahas.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Saya beri Yang Berhormat 20 minit.

4.23 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong); Tuan Pengerusi, saya bercadang bahawa Belanjawan bagi Maksud B.57 diluluskan dengan syarat-syarat dikurangkan sebanyak \$10.00 bagi Butiran 030000 Program/Aktiviti Pembangunan Koperasi, Kod 1000—Emolumen berkait dengan gaji Ketua Pengarah Koperasi.

Tuan Pengerusi, usul saya disebabkan kecuaihan yang nyata sekali atas dua sebab. Pertama, disebabkan peranan berhubung dengan Bencana Kewangan Koperasi sebanyak \$1.5 billion di mana 588,000 pendeposit-pendeposit daripada 24 buah koperasi menghadapi kemungkinan hilang seluruh simpanan hayat mereka yang telah pun menyebabkan kehilangan dua nyawa serta mengakibatkan begitu banyak kesedihan dan tragedi di semua bandar dan kampung baru.

Kertas Putih Kerajaan ke atas 24 buah koperasi yang mengambil deposit yang dikemukakan di dalam Dewan ini oleh Kementerian Kewangan telah mencuba melepaskan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi atau JPK

daripada tanggungjawabnya atas alasan bahawa terdapat kuasa-kuasa pengawalan yang tidak mencukupi dalam Undang-undang Koperasi.

Ini adalah tidak memuaskan sama sekali dan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri apabila ditanya mengenai Kertas Putih itu berkata adalah tidak perlu untuk mengetatkan Undang-undang Koperasi yang sedia ada kerana Undang-undang yang sedia ada cukuplah ketat.

Sekiranya inilah pandangan JPK, maka mengapakah Jabatan tersebut membenarkan Bencana Kewangan Koperasi sebanyak \$1.5 billion itu berlaku, sedangkan ia boleh membantutkan masalah tersebut 5 tahun dahulu dalam tahun 1981 apabila orang ramai mula-mula membuat aduan kepada JPK mengenai amalan-amalan curang dan kelakuan-kelakuan tidak jujur yang berlaku dalam berbagai-bagai koperasi yang mengambil deposit.

Aduan-aduan juga telah dibuat dengan pihak Polis dan walaupun siasatan telah dijalankan oleh kedua-dua pihak JPK dan Polis tidak mengambil apa-apa tindakan untuk melindungi kepentingan para pendeposit walaupun terdapat bukti yang banyak.

Di sini ingin saya merujuk kepada satu laporan yang tersiar dalam akhbar *Sunday Mail* bertarikh 10hb Ogos, 1986 di mana laporan tersebut telah mengisahkan bagaimana 2 orang pemberitanya, R. Nadeswaran dan Frankie De Cruz, telah dalam 1982 melaporkan tentang seorang pengarah koperasi seumpama itu dan mereka telah melaporkan bahawa pihak Polis telah bersiap sedia untuk mengambil tindakan tetapi pada akhirnya tidak ada apa-apa yang berlaku.

Dengan izin, inilah perenggan-perenggan permulaan laporan *Sunday Mail* tersebut:

"They called him the "Paper Tycoon". He moved around in style but few knew the cops were on his trail.

"The money he had was not his. It belonged to thousands of depositors who had placed their faith in the co-operative he headed.

"The Commercial Crime Division of the Kuala Lumpur Police had been hot on the trail of the leader, as early as July 1981 following allegations that he had siphoned off millions from the co-operatives under the guise of "investment".

"These two reporters carried out their own investigations for over six months and in the process collected documents to prove that the leader had set up \$2 shell companies to mislead depositors.

"On completion of our investigations, we handed over the documents to the authorities and in the *Malay Mail* of October 1, 1982, we wrote:

"The police and other authorities are closing in on a senior official of a co-operative society alleged to have used its name and goodwill to set up a string of \$2 companies which raked in millions by selling shares in them."

Tuan Pengerusi, biarlah saya memberitahu Parlimen bahawa "Paper Tycoon" ini yang sepatutnya dibongkar dan ditangkap pada tahun 1982 ialah Tee An Chuan yang kini telah mengaku salah atas tuduhan-tuduhan pecah amanah jenayah, akan tetapi beliau hanya ditangkap selepas koperasi iaitu KOSATU telah mengutip sebanyak \$156 juta dalam bentuk deposit daripada 52,566 orang

dengan akhirnya menjadi "insolvent" sebanyak \$109 juta di mana setiap ringgit yang didepositkan disokongi dengan aset bersih sebanyak 30e sahaja.

Pihak berkuasa koperasi dan juga pihak Polis telah diberitahu terlebih dahulu mengenai penipuan, pecah amanah, jenayah dan ketidakjujuran yang dilakukan ke atas para pendeposit KOSATU. Sekiranya Jabatan Koperasi telah mengambil tindakan terhadap mereka itu, sudah pasti mereka akan menyelamatkan bukan sahaja 52,566 pendeposit-pendeposit KOSATU tetapi juga 588,000 pendeposit-pendeposit 20 buah koperasi-koperasi berkenaan. Maka dengan sebab itu, kegagalan JPK dalam tugasnya dalam tahun 1982 telah secara langsung menyumbang ke arah Bencana Kewangan Koperasi masa ini yang melibatkan 588,000 orang pendeposit.

Pada tahun 1981, saya telah membuat temujanji serta berjumpa dengan Ketua Pengarah Koperasi waktu itu Sya'aya Basheer, di mana saya telah menitikberatkan kepada beliau dan pegawai-pegawainya mengenai rasa pandang berat saya terhadap amalan-amalan curang dan penyelewengan-penyelewengan yang berlaku dalam koperasi-koperasi yang melibatkan wang orang awam. Maka dengan itu, saya tidak dapat memahami mengapa JPK dan Ketua Pengarah tidak mengambil apa-apa tindakan untuk memberhentikan keburukan-keburukan yang berlaku dalam koperasi-koperasi yang mengambil deposit khususnya memandangkan pegawai-pegawai JPK sedar bahawa pegawai-pegawai sebuah koperasi iaitu KOSATU tidak dapat menerangkan bagaimana kira-kira \$30 juta telah lesap dan perkara ini telah pun dilaporkan daluru akhbar-akhbar tempatan dalam tahun 1982.

Pada tahun 1982 KOSATU telah mengutip sejumlah \$12 juta pada akhir bulan April tahun tersebut yang mungkin telah melebihi \$20 juta enam bulan kemudian. Pada masa itu koperasi-koperasi lain seperti SAKAPP, FORTISS dan lain-lain koperasi tidak pula mengutip deposit-deposit secara besar-besaran seperti KOSATU.

Inilah sebabnya mengapa saya telah menuntut supaya ditubuhkan sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Bebas semasa saya mencadangkan usul untuk memotong \$10 dari gaji Menteri Kewangan tempoh hari, dengan tujuan untuk menyiasat bagaimana kelalaian dan ketidak tanggungjawapan Kerajaan telah menjadi sebab utama berlakunya Bencana Kewangan Koperasi yang melibatkan \$1.5 billion pada hari ini.

Pada penghujung tahun 1982, Cawangan Jenayah Komersial Balai Polis Jalan Bandar di Kuala Lumpur yang diketuai oleh DSP B. S. Dhillion, yang dipertanggungjawabkan dengan penyiasatan ke dalam KOSATU dan Tee An Chuan, beliau bekerja rapat dengan JPK dalam kes ini. Apakah yang terjadi kepada penyiasatan yang dijalankan oleh DSP Dhillion itu? Adakah beliau menyerahkan laporan-laporannya kepada pihak Bukit Aman dan juga Kamar Peguam Negara?

Akibat daripada perasaan kerisauan orang-orang awam terhadap koperasi-koperasi yang mengambil deposit, maka Ketua Pengarah JPK, Sya'aya Basheer, telah mengeluarkan satu arahan yang tegas pada 22hb September, 1982 kepada semua koperasi yang mengambil deposit dan memberi amaran supaya mereka jangan mengambil sebarang deposit daripada orang tanpa kebenaran dan pengesahan daripada JPK.

Oleh kerana pihak JPK dan lain-lain badan Kerajaan tidak mengambil sebarang tindakan susulan, maka orang ramai menganggap serta

mempercayai bahawa tidak ada apa-apa masalah dalam koperasi-koperasi yang mengambil deposit itu dan justeru itu, jumlah deposit yang disimpan dalam KOSATU pada bulan Oktober, 1982 ialah sebanyak \$20 juta telah melambung naik kepada \$150 juta dalam bulan Jun, 1986 dan jumlah deposit yang disimpan dalam koperasi-koperasi telah meningkat dari kurang \$100 juta dalam bulan Oktober, 1982 kepada \$1.5 billion dalam bulan Jun, 1986.

Dalam percubaan untuk melindungi atau "white-wash" kesalahan pihak JPK dalam skandal koperasi ini, Kertas Putih telah menyatakan bahawa mengikut undang-undang koperasi:

"Adalah tidak mudah untuk mendakwa para pengarah dengan kesalahan salah pengurusan kerana peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 57A melindungi orang-orang yang menjalankan matlamat-matlamat Akta dan telah bertindak demi kepentingan ekonomi ahli-ahlinya."

Saya telah membaca Seksyen 57A Akta Koperasi 1948 dan saya mendapati bahawa alasan "bertindak demi kepentingan ekonomi ahli-ahli" tidak boleh dijadikan justifikasi berlakunya salah pengurusan serta pecah amanah jenayah dan penyalahgunaan wang.

Seksyen 57A mempertahankan seseorang sekiranya tindakan-tindakannya adalah dibuat dengan niat tulian atau "*bona fide*" dengan izin. Namun, saya tidak dapat membayangkan bagaimana pecah amanah jenayah, penipuan dan ketidakjujuran boleh dilakukan secara "*bona fide*".

Dalam laporan akhbar *The Star* bertarikh 18hb Ogos, 1986, Ketua Pengarah JPK sekarang, Haji Abdul

Aziz Haji Abdul Wahab, telah berkata bahawa beliau tidak dapat menggantungkan atau membekukan koperasi-koperasi ini kerana di bawah Seksyen 37A (1) (a), beliau terpaksa berbincang dengan semua sipiutang terlebih dahulu dan menimbang bantahan-bantahan mereka sebelum tindakan menggantungkan sebuah koperasi boleh diambil.

Saya bersetuju dengan pendapat beliau tetapi Ketua Pengarah JPK mestilah menjetaskan mengapa beliau tidak menggunakan seksyen 47 Ordinan tersebut untuk mengenakan sercaj ke atas pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai koperasi-koperasi yang tidak bertanggungjawab dan berasuah supaya memulihkan semula dan mempampas koperasi-koperasi yang mengalami sebarang kerugian akibat tindakan "misapplication, retainer, dishonesty or breach of trust". Peruntukan ini memberi kuasa yang luas untuk memberi perlindungan yang terakhir kepada ahli-ahli dan penyimpan-penyimpan koperasi tetapi mengapakah Ketua Pengarah JPK tidak menggunakan kuasa ini walau sekalipun?

Di bawah Seksyen 37, arahan Ketua Pendaftar Koperasi kepada seorang pengarah atau pegawai sesebuah koperasi, dengan izin, saya bacakan—

"requiring him to repay or restore the money or property or any part therefore with interest. . . . or to contribute such sum to the assets of such society by way of compensation in regard to the misapplication, retainer, dishonesty or breach of trust as the Registrar thinks just."

Ini hendaklah dikuatkuasakan dengan cara yang sama seolah-olah perintah tersebut adalah satu keputusan Mahkamah Tengah. Lanjutnya, seksyen ini boleh dikuatkuasakan tanpa menghiraukan bahawa penyalah

perbuatan tersebut boleh dipertanggungjawabkan melakukan jenayah.

Umpamanya, ini bererti bahawa tanpa menghiraukan sama ada Tee An Chuan telah mengaku salah atas tuduhan-tuduhan pecah amanah jenayah yang melibatkan \$603,700.00 sekiranya Ketua Pendaftar Koperasi berpuas hati bahawa Tee An Chuan yang bertanggungjawab ke atas kerugian sebanyak \$109.5 juta yang dialami oleh KOSATU, beliau boleh memerintahkan Tee An Chuan supaya mempampas KOSATU atau compensate KOSATU dan ahli-ahlinya serta para pendepositnya wang sejumlah \$109.5 juta. Mengapakah beliau tidak berbuat demikian? Sekiranya Ketua Pendaftar Koperasi terus enggan untuk menggunakan kuasa-kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 47, Ordinan Koperasi untuk melindungi 588,000 orang pendeposit, maka peguam-peguam DAP akan menimbang untuk mengambil tindakan undang-undang untuk meminta "mandamus" bagi memaksa Ketua Pendaftar Koperasi menjalankan tugas-tugas berkanunnya.

Buat masa sekarang, 588,000 pendeposit-pendeposit dari 24 buah koperasi, adalah dibiarkan begitu sahaja kerana selepas tiga bulan setepas Bank Negara membekukan koperasi-koperasi tersebut dan selepas sebulan Kertas Putih dikeluarkan dalam bulan November lalu, masih tidak ada apa-apa tanda yang menunjukkan bahawa bantuan sertamerta akan diberi kepada para pendeposit yang terlibat. Apabila kita perhatikan secara dengan mana masalah ini berpanjangan, maka simpanan-simpanan yang disimpan dalam koperasi-koperasi, yang mana simpanan-simpanan tersebut diperolehi hasil titik peluh para pendeposit, tidak akan mempunyai apa-apa nilai langsung apabila satu

penyelesaian dirumus beberapa bulan kemudian.

Adakah satu tarikh akhir atau "deadline" telah ditetapkan di mana satu penyelesaian bagi 588,000 pendeposit-pendeposit dan 20 buah koperasi-koperasi hendaklah disiapkan dan dilaksanakan menjelang akhir tahun ini sebelum 31hb Disember, 1986.

Tuan Yang di-Pertua, malam semalam, kira-kira seratus pendeposit-pendeposit Koperasi FORTISS telah mengambilalih Ibu pejabat FORTISS di Jalan Ipoh ekoran kegagalan para pengarah FORTISS untuk mengotakan janji mereka Jumaat lalu untuk memberitahu pendeposit-pendeposit tentang butir-butir lanjut mengenai rancangan penyelamat dan memorandum mereka yang dimajukan kepada Kerajaan.

Koperasi FORTISS yang didaftarkan pada 17hb Mei, 1980 dan mempunyai sembilan buah cawangan di seluruh Semenanjung Malaysia telah menertma deposit sebanyak \$50 juta dan asetnya ialah 39e sahaja.

Kerajaan, khasnya Bank Negara dan para pengarah koperasi haruslah menyedari akan batasan kesabaran yang ada pada 588,000 pendeposit-pendeposit di mana deposit mereka yang diperolehi dengan titik peluh mereka kini dibekukan dalam 24 buah koperasi. Bagaimanakah Kerajaan dan khasnya JPK boleh mengelakkan diri dari memikul tanggungjawab terhadap trajedi koperasi yang menimpa 588,000 pendeposit, lebih-lebih lagi pengumuman penubuhan Koperasi Kawalan Kredit (KKK) oleh Timbalan Perdana Menteri dalam bulan Mei, 1986 telah meyakinkan para pendeposit bahawa wang mereka adalah selamat dan tidak perlu dikeluarkan dan pengumuman itu juga telah mengelirukan lebih ramai orang untuk menyimpan wang simpanan mereka dalam koperasi.

Saya ingin memberi amaran kepada pihak Polis supaya bersikap lebih bersimpati terhadap para pendeposit yang kian menjadi lebih agresif, kerana mereka tidak sabar lagi untuk mendapat perakaunan yang berpatutan daripada para pengarah koperasi yang menipu mereka. Penjenayah-penjenayah yang sebenar dalam trajedi koperasi adalah para pengarah dan pegawai koperasi-koperasi dan mangsanya ialah pendeposit-pendeposit. Pihak Polis tidak seharusnya melindungi para pengarah dan pegawai yang berasuah dan berjenayah kerana ini akan menambahkan kesengsaraan para pendeposit yang kini terpaksa menjadi mangsa tiga kali iaitu kepada JPK, pengarah-pengarah berasuah dan juga pihak Polis.

Parlimen seharusnya menyuarakan rasa simpati dan kefahaman terhadap para pendeposit yang terpaksa "mengambilalih" Ibu pejabat FORTISS untuk mendapatkan satu penjelasan yang memuaskan daripada para pengarah FORTISS.

Menurut laporan-laporan terbaru suratkhbar, cadangan Bank Negara untuk meminta bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan untuk mengambilalih aset dan tanggungan koperasi-koperasi yang dibekukan itu telah menghadapi kesulitan kerana dan setengah-setengah bank yang hanya sudi mengambilalih aset-aset koperasi dengan nilai sekadar kurang 50% dari apa yang dinilai oleh Bank Negara seperti mana terkandung dalam Kertas Putih itu. Jadi tidak hairanlah mengapa para pendeposit semakin merasa genting atau "desperate" untuk mendapatkan balik wang simpanan mereka.

Akhirnya, atas sebab pertama ini yang menyebabkan saya mencadangkan usul mengurangkan gaji Ketua Pengarah Koperasi

sebanyak \$10, saya tidak ragu-ragu dan malah saya menuduh Jabatan Pembangunan Koperasi dan pegawai-pegawai Polis sebagai telah dirasuah oleh pengarah-pengarah koperasi yang berasuah (*Tepuk*) sehingga membenarkan penipuan wang awam berterusan tanpa disekat sehingga terjatuhnya sistem kewangan koperasi dalam bulan Ogos tahun ini.

Sebab yang kedua, usul ini ialah berkait dengan peranan JPK skandal CCB (Co-operative Central Bank) di mana portfolio hutang lapuk adalah dianggarkan sebanyak \$500 juta.

Saya pernah memberi amaran sama perbahasan usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Di Raja bahawa saya akan terus membangkitkan perkara ini sekiranya Kerajaan enggan memberi penjelasan yang penuh dan memuaskan terhadap skandal CCB walaupun Kerajaan mempunyai banyak peluang untuk berbuat demikian. Setakat ini, Kerajaan ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak dapat menjelaskan kewarasan dua pinjaman yang berjumlah \$45 juta yang diperolehi daripada CCB dengan menggunakan sebidang tanah yang bernilai \$9.6 juta sebagai cagaran. Hutang Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada CCB dianggarkan melebihi \$50 juta kerana kedua-dua pinjaman ini dengan faedah sebanyak 16% tidak pernah diserviskan.

Bencana Kewangan Koperasi sebanyak \$1.5 billion berlaku kerana adalah pemberian pinjaman-pinjaman seperti pinjaman yang diperolehi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tersebut dan juga ketidak-tanggungjawapan Ketua Pengarah JPK untuk mengawal operasi koperasi-koperasi.

Dalam skandal CCB, kes Yang Berhormat Timbalan Menteri cuma

merupakan satu daripada berbagai-bagai percanggahan kepentingan dan salah pengurusan yang berlaku.

Parti DAP telah menyoalkan dalam Dewan Rakyat ini mengapa bekas Juru Audit Luar CCB, Anthony Skelchy dan Juru Audit masakini sebuah anak syarikatnya BPK Credit and Leasing Sdn Bhd dibenarkan menjadi penjamin peribadi kepada pinjaman sebanyak \$13.2 juta yang diperolehi daripada CCB. Kerajaan tidak memberi sebarang jawapan dalam perkara ini dan sikap ini lebih "condemning" daripada memberi apa-apa juga jawapan.

JPK dan CCB jua gagal memberi sebarang penjelasan mengenai pinjaman-pinjaman sebanyak \$300 juta yang diberikan kepada 20 orang perseorangan tanpa cagaran yang sempurna dan juga pinjaman-pinjaman tersebut tidak pernah diserviskan. Saya difahamkan bahawa CCB pernah memberi satu pinjaman sebanyak \$12 juta kepada Lorraine Osman yang terlibat dalam skandal BMF. Apakah terjadi kepada pinjaman ini?

Terdapat tuduhan-tuduhan yang serius menyatakan bahawa adanya pegawai-pegawai kanan Kerajaan termasuk mereka dalam Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang bertanggungjawab ke atas JPK yang telah menerima pinjaman-pinjaman yang besar secara langsung ataupun menerusi suami ataupun isteri mereka yang tidak diserviskan supaya mereka ini akan terus senyap tentang skandal CCB.

Saya menyeru semua pegawai Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan JPK untuk mengisytiharkan secara awam segala pinjaman yang mereka perolehi daripada CCB dalam tempoh lima tahun ini untuk menunjukkan kewibawaan, kejujuran dan kebersihan mereka.

Beberapa pegawai JPK telah meninggalkan perkhidmatan awam dan ada daripada pegawai ini bersara secara optional untuk menjadi pegawai kanan di CCB. Ini menimbulkan syak wasangka ke atas kewibawaan mereka semasa mereka berkhidmat dengan Kerajaan mengenai sama ada terdapat satu muslihat untuk melindungi skandal CCB daripada dibongkarkan.

Saya mencabar Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan untuk menamakan pegawai-pegawai JPK yang telah meninggalkan perkhidmatan awam untuk menyertai CCB dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini dan nyatakan peranan yang dimainkan oleh mereka untuk mengawal operasi CCB semasa mereka masih berkhidmat dengan Kerajaan. Kalau dia cabar saya sebutkan nama, saya boleh sebutkan namanya.

Saya berasa hairan bagaimana JPK boleh memberi begitu banyak kebebasan kepada pegawai-pegawai pengurusan atasan CCB untuk menguruskan sebuah bank koperasi di mana Ketua Eksekutif dibayar gaji sebanyak \$20,000 sebulan dengan komisyen sebanyak 1% daripada keuntungan sebelum cukai atau free tax profit yang didapati oleh CCB.

Sebuah lagi anak syarikat CCB iaitu Federation of Housing Co-operatives Ltd. (FHC) di mana Pengerusinya ialah K. R. Somasundram, di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri sangat rapat, (*Ketawa*) kini membina ibu pejabat 28 tingkat koperasi National Land Finance Co-operative Society (NLFC) secara usahasama dengan sebuah syarikat Portugis bernama SOMEK. CCB membiayai dengan sepenuhnya projek bangunan NLFC ini dan ini menimbulkan soalan mengapa projek usahasama ini tidaklah di antara sebuah syarikat

tempatan tetapi dengan sebuah syarikat asing. Saya rasa saya sudah menyentuh skandal CCB ini dengan cukup banyak untuk mendapat penjelasan yang memuaskan supaya saya tidak perlu menyentuh dengan lanjut perkara ini dalam masa-masa akan datang.

Kita menghadapi beberapa Rang Undang-undang untuk membersihkan bank-bank, institusi-institusi kewangan tetapi nampaknya CCB dan koperasi-koperasi selain daripada 24 koperasi yang dibekukan, Kerajaan tidak mahu mengambil tindakan yang serius dan jujur. Adakah ini oleh kerana ada perkara yang Kerajaan takut akan dibongkarkan? Saya harap bahawa kita tidak akan menghadapi lagi satu bom skandal CCB. Dan kalau ada bom skandal CCB bahawa Kerajaan, Menteri-menteri Kabinet yang ada di sini ada dengar perkara ini semua akan bertanggungjawab dan patut letak jawatan oleh kerana negara ini sudah cukuplah dengan skandal (*Tepuk*).

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah bahawa wang yang diuntukkan bagi Kepala 57 dikurangkan sebanyak \$10.00 berkenaan dengan Kepala Kecil 1000, Butiran 030000 di muka surat 269 dalam Anggaran Perbelanjaan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

4.46 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong usu! Yang Berhormat dari Tanjong. Tadi Yang Berhormat dari Tanjong menyentuh mengenai peranan Ketua Pengarah di dalam malapetaka koperasi dan juga peranan beliau di dalam Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK).

Tuan Pengerusi, haruslah kita semua ingat bahawa Ketua Pengarah mempunyai kakitangan 1,012 orang

dengan Bahagian Audit dan Akaun 268 orang, akan tetapi beliau sudah gagal untuk menyelaraskan dan menguruskan hal-hal berkaitan dengan sistem pentadbiran Jabatan Pembangunan Koperasi dengan tujuan membantu dan memperbaiki sistem untuk mencapai prestasi yang tinggi. Bukan sahaja tidak mencapai prestasi yang tinggi, tidak ada prestasi langsung mengenai Deposit Taking Co-operatives (DTCs) ini. Kegagalannya untuk membantu sistem dan memperbaiki sistem ini adalah ketara.

Tuan Pengerusi, saya nampak di dalam Kementeriannya mengenai Jabatan Pembangunan Koperasi ada satu Maktab Kerjasama Malaysia. Kegagalan Ketua Pengarah di dalam program Maktab Kerjasama Malaysia ini untuk memberi pengajaran, untuk melengkapkan ilmu pengetahuan pengurusan dan untuk mempertingkatkan Etika Kerja kepada pemimpin dan kakitangan koperasi serta pegawai Kerajaan yang terlibat dengan koperasi serta menjalankan penyelidikan dan khidmat nasihat supaya dapat mencapai tujuan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya nampak tiap-tiap tahun Jabatan Pembangunan Koperasi mendapat wang \$16 juta dan \$16 juta ini untuk mengadakan beberapa kursus dan latihan. Saya nampak juga latihan untuk bilangan ahli koperasi yang mengikuti program luar ialah 7,000 tahun lepas dan lebih daripada 8,000 untuk tahun 1985. Saya tidak nampak dengan latihan bagi beribu-ribu orang ini mengapa berlakunya malapetaka DTCs.

Tuan Pengerusi, satu kegagalan Ketua Pengarahnya ialah dengan membenarkan koperasi-koperasi ini mengambil deposit daripada orang ramai. Ketua Pengarah telah memainkan peranan seperti beliau adalah Gabnor Bank Negara. Kalau beliau hendak memainkan peranan

Gabnor Bank Negara dengan membenarkan syarikat-syarikat koperasi ini berfungsi seperti syarikat kewangan dan bank maka beliau terpaksa memahami apa sahaja Akta-akta yang berkaitan dengan bank dan syarikat kewangan. Tetapi sekarang saya tidak nampak dia faham mengenai Akta-akta tersebut. Kalau dia faham, mengapa tidak dapat menguatkuasakan untuk memelihara kepentingan pendeposit-pendeposit yang bilangannya 588,000 orang.

Tuan Pengerusi, kegagalan memainkan peranan seperti Gabnor ini adalah ketara dengan beliau tidak dapat mengenalpastikan penjenayah-penjenayah ekonomi moden yang ada di dalam koperasi-koperasi tersebut dan dengan adanya bantuan daripada Bank Negara sekarang memang satu Kertas Putih telah dikeluarkan akan tetapi Kertas Putih menunjukkan penyiasatan yang tidak lengkap - sehingga penjenayah-penjenayah tersebut tidak dapat dikenalpastikan dengan sepenuhnya.

Bagi pihak kami ada lagi penjenayah-penjenayah yang lebih besar, tok-tok dalang penjenayah-penjenayah tersebut yang tidak dapat dikenalpastikan dan inilah menunjukkan satu kegagalan yang besar bagi Ketua Pengarah. Ketua Pengarah juga gagal memainkan peranan seperti Gabnor Bank Negara ini di dalam mengenalpastikan segelintir anasir di dalam JPK yang bersubhat dengan penjenayah ekonomi yang telah saya sebutkan tadi, sehingga mereka di dalam beberapa tahun ini boleh menjalankan jenayah dengan bermaharajalela.

Tuan Pengerusi, satu lagi kegagalan di dalam peranan Ketua Pengarah memainkan peranan sebagai Gabnor Bank Negara ialah beliau tidak dapat memastikan bahawa peraturan-peraturan kewangan dan bank

ditetapkan untuk DTCs dan bukan sahaja tidak ada peraturan-peraturan yang menjamin kepentingan pendeposit-pendeposit, bahkan juga penguatkuasaan kawalan dan pengawasan tidak ada. Kalau ada pun tidak ketara, tidak nampak, tidak berkesan dan inilah satu kegagalan yang besar sehingga koperasi-koperasi DTCs ini sangat menubuhkan syarikat-syarikat subsidiary dengan kehendaknya sahaja. Kalau tidak ada kemampuan penguatkuasaan untuk mengawal syarikat-syarikat subsidiary koperasi-koperasi tersebut, mengapa Ketua Pengarahnya membenarkan mereka berbuat demikian?

Soal ini adalah soal pokok dan Ketua Pengarah setakat ini tidak dapat menjelaskan mengenai hal ini walaupun beliau ada mengatakan pada tempoh hari bahawa koperasi adalah baik dan untuk ahli-ahli koperasi sahaja dan katau dijalankan dengan betul dengan undang-undang yang ada sekarang tidak akan berlakunya malapetaka seperti ini. Akan tetapi Jabatan Pembangunan Koperasilah yang membenarkan koperasi-koperasi tersebut mengambil deposit, itulah satu hakikat dan kenyataannya.

Tuan Pengerusi, ada satu kegagalan lagi yang kena mengena dengan tugas Ketua Pengarah iaitu beliau sudah gagal untuk memberi nasihat kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar apabila Menteri tersebut menubuhkan Koperasi Kawalan Kredit Berhad (KKK - 3K). Walaupun maksud KKK ini adalah baik akan tetapi akibat penubuhan 3K ini lebih banyak pendeposit menandatangani wang di dalam koperasi-koperasi DTCs.

Tuan Pengerusi, kegagalan untuk memberi nasihat kepada Menteri mengenai "3K" ini adalah sangat malang seolah-olah 3K ini memainkan peranan seperti kumpulan jahat di Amerika Syarikat, kumpulan 3K yang membunuh orang berwarna di

Amerika Syarikat. Di negara ini 3K ini tidak membunuh dengan cara langsung akan tetapi cara tidak langsung membunuh pendeposit-pendeposit. Tuan Pengerusi juga sedar bahawa ada beberapa orang pendeposit membunuh diri kerana putus asa ke atas kegagalan mereka untuk mendapat balik deposit di dalam DTCs ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr Tan Seng Giaw: Satu minit lagi. Tuan Pengerusi, ada satu kegagalan lagi bagi Ketua Pengarah iaitu beliau telah gagal sekali lagi untuk menasihatkan Kerajaan bagi memperuntukkan sekurang-kurangnya \$600 juta untuk menyelamatkan pendeposit-pendeposit ini untuk menyelesaikan penderitaan pendeposit-pendeposit tersebut dengan beliau juga adalah gagal untuk mencadangkan kepada Kerajaan meminda Akta Kewangan serta Akta-akta Koperasi supaya kepentingan pendeposit-pendeposit dan rakyat Malaysia dapat dipelihara. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

4.59 *ptg.*

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dr Patau Rubis: Point of order.

Tuan Pengerusi: Apa dia point of order itu?

Dr Eng Seng Chai: Saya belum cakap, apa-apa point of order dibangkitkan?

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap.

Dr Patau Rubis: Dengan izin, sebelum kita melanjutkan perbahasan ini, saya ingin bertanyalah keputusan atau minta keputusan dari Tuan

Pengerusi, oleh kerana sebagai orang baru, saya minta maaf dengan juga saya inilah seorang doktor, bukan peguam, oleh itu saya minta keputusan dari Tuan Pengerusi, patutkah atau tidak kita menimbang Usul seperti yang dibuat oleh Ketua Pembangkang yang mana syarat-syarat mengenai gaji Ketua Pengarah yang berkenaan dikuatkuasakan dalam undang-undang yang lain bukan dalam undang-undang yang ingin kita membahaskan sekarang.

Sepatutnya kita hendaklah meminda undang-undang yang berkuatkuasa untuk menetapkan gaji kakitangan Kerajaan. Apa yang saya tahu dari pengetahuan saya, gaji-gaji kakitangan Kerajaan ialah ditetapkan oleh Laporan Jawatankuasa Kabinet dan juga undang-undang PSC. Dengan ini, saya mintalah sebelum kita membuang masa lagi, Tuan Pengerusi mengambil keputusan bolehkah atau tidak kita menimbang satu Usul yang kita tidak dapat kuatkuasakan jika sekiranya usul ini dapat menang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Perkara ini, Ahli Yang Berhormat, lazimnya berlaku dan perkara ini telah pun dibenarkan oleh Peraturan Mesyuarat kita. Kalau sekiranya kita baca Peraturan Mesyuarat 66 (9) disebutkan di situ kita boleh berbuat demikian dan kita telah pun beberapa lama berbuat demikian, telah pun mengamalkannya.

Fikiran Ahli Yang Berhormat mengatakan cadangan hendak meminda gaji hendaklah dibuat pada masa undang-undang gaji diusulkan, jadi yang sebenarnya itu pun boleh buat juga. Di sini pun boleh buat juga. Ini menunjukkan cara-cara bagaimana satu-satu pihak yang hendak mengeluarkan perasaan ketidakpuasaan hati mereka itu dan

saya ingat inilah satu proses demokrasi yang diamalkan.

Silakan Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

5.02 ptg.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk menyokong Usul Ketua Pembangkang iaitu Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tanjung atas butiran Pembangunan Koperasi.

Kita sudah mendapati satu skandal Co-operative Central Bank di mana ada 320,000 ahli terdiri daripada 262 lain-lain koperasi, di mana kita sudah diberitahu bahawa ada hutang lapuk sebanyak \$500 juta di tahun dahulu dan di tahun ini, tetapi kekesalan saya pada tahun 1985 dalam laporan CCB ialah menyatakan hanya \$626,000 "bad loans", dengan izin, tetapi dalam masa yang sama satu laporan dia ada buat "provision of bad loans of \$11.4 juta". Inilah saya merasa terkejut, fasal sesiapa yang buat laporan itu barangkali tidak sedar ada percanggahan angka-angka ini. Dan lagi juga adalah kita diberitahu sebagai satu bank, Co-operative Central Bank (CCB) sepatutnya pada masa itu tidak ada mendapat lagi "liquid cash, no cash flow really", dengan izin, maka dengan kebenaran daripada Jabatan Pembangunan Koperasi, Ketua Pendaftar Koperasi, dia meningkatkan had pinjaman daripada \$1,600 juta kepada satu had pinjaman baru, meningkat kepada \$2,500 juta.

Dengan itu dia dapat pinjam mcminjau daripada lain-lain institusi untuk mengalirkan masuk wang tunai yang baru dan secara itu melindungi semua skandal pinjaman-pinjaman yang sudah ada berlapuk dan termasuklah yang tadi, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ada sebut, bukan Lorraine Osman sahaja, dia barangkali tidak suka menyebutkan nama-nama lain yang ada terlibat.

Saya suka menambah dan saya cabar daripada sesiapa yang akan cabar saya katakan ini semua adalah benar termasuk adalah yang pertama, Dato Loy Yan Yong \$30 juta; kedua, Vincent C. Y. Tan \$52 juta; ketiga, Ahmed Hassan \$15 juta; keempat, Mohd. Hassan Abdul Wahab—beliau itu ada satu ketika menjadi Pengerusi CCB sendiri—\$15 juta; kelima, Dato Yap Yoon Seong—inilah Pengerusi Duta Consohdated, satu company yang disenaraikan di Pasaran Saham yang hari ini sudah mendapat penggantungan dan juga menjadi Pengerusi satu company, Sea Lion Hotel, Singapore, pun diletakkan di bawah tanggungan sekarang di Singapura dan juga ada satu syarikat yang sudah mendapat penggantungan di Pasaran Saham Singapura satu ketika dahulu; dan ada lagi Tan Sri Wee Boon Ping \$12 juta—inilah Tan Sri Wee Boon Ping yang terlibat dalam skandal co-operative yang lain seperti SAKAAP dan lain-lain co-operative di mana dia pun ada \$7 juta lebih pinjaman; selain dari itu, Mohd. Adam meminjam \$4 juta dan Ahli Yang Berhormat dari Tanjung ada sebutkan bahawa Yang Berhormat dari Lipis iaitu Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, dia pun ada meminjam \$20 juta dan syarikat beliau lagi pinjam \$25 juta dan juga KSM (Koperasi Serbaguna Malaysia) iaitu satu syarikat di bawah tajaan MCA pun berhutang \$40 juta.

Lagi satu ialah suatu syarikat bernama Johore Co-operative Industrial Society di mana Presidennya ialah Lee Ah Leng yang juga seorang Timbalan Pengerusi CCB juga, dia meminjam \$40 juta. Maka saya hairan juga macam mana satu syarikat koperasi sebegini besar memberi pinjaman-pinjaman dengan angka-angka yang sebegini besar kepada orang-orang persendirian di mana cagarang-cagarang tidak cukup nilai dan mendapat kebenaran daripada Jabatan Pembangunan

Koperasi, mendapat kebenaran daripada Ketua Pendaftar Koperasi dan tidak salah kita buat tuduhan, malahan kita juga dapat makluman ada pakatan, ada perkongsian antara Pegawai Jabatan Pembangunan Koperasi dan juga Bank CCB.

Saya harap selepas kita dapat satu penjelasan, satu jawapan daripada pihak-pihak yang berkenaan dari pihak Menteri atau Kementerian, satu tindakan sewajarnya akan diadakan terhadap semua pihak yang mempunyai hutang lapuk dan yang ada terlibat dalam skandal rasuah ini.

Lagi satu perkara saya akan sentuh ialah mengenai satu orang Pengarah Koperasi KOMUDA iaitu bekas Ahli Yang Berhormat Kee Yong Wee, sekarang Ketua Pemuda MCA. Hairan saya, walaupun dia adalah seorang yang terlibat dalam skandal ini, tetapi dia pun dilantik sebagai seorang Ahli Jawatankuasa Siasatan Skandal ini. Siapakah dia akan siasat—diri sendiri? Apakah dia hendak sumbang kepada kita? Dia seorang Pengarah Koperasi KOMUDA dan dia dilantik sebagai seorang Ahli Jawatankuasa Siasatan Skandal 24 koperasi ini. Saya minta satu penjelasan dan berilah penjelasan yang tepat, fasal kita dapat tahu KOMUDA pun ada pinjamkan kepada saudara maranya sendiri iaitu Mah Sau Cheong, Mah Siew Kok yang adalah adik beradik kepada isterinya dan adalah juga kepada rakan yang rapat, kepada Ahti Yang Berhormat dari Gopeng yang sekarang menjadi tetamu khas Kerajaan Singapura. *(Tepuk)*

Lagi saya hendak sentuh iaitu Koperasi Kosmopolitan. Ini pun yang terlibat adalah Yang Berhormat Ahli Parlimen Dewan Rakyat dari Lembah Pantai. Sehingga hari ini kita tidak dapat penjelasan yang baik dan tepat berkenaan dengan peranannya dalam skandal ini dan saya harap kita dapat peluang secara umum di dalam Dewan

ini dan kita akan dapat satu penjelasan apakah peranannya dalam skandal-skandal ini.

Saya beralih kepada perkara KKK. Ini bukan Koperasi Kawalan Kredit, ini bukan Ku Klux Klan sahaja, tetapi sebelum pertubuhan KKK ini, saya ingat perkara skandal ini tidak meningkat ke tahap hari ini, tetapi selepas pertubuhan KKK (Koperasi Kawalan Kredit) ini dapatkah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri yakin adakah KKK dapat mengawal semua perkara urusan koperasi. Selepas itu bertambah lebih orang buat deposit pada semua koperasi yang mengambil deposit, iaitu DTCs (Deposit Taking Cooperatives). Saya ingat Kerajaan patut bertanggungjawab, mengapa hari ini KKK ini tidak jadi Koperasi Kawalan Kredit, tetapi KKK ini sudah jadi satu "King Kong Knockout"—satu King Kong Knockout untuk 588,000 orang depositors.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap di atas butiran apa itu?

Dr Eng Seng Chai: Butiran Pembangunan Koperasi. Sekarang saya bercakap mengenai koperasi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: 030000?

Dr Eng Seng Chai: Ya, muka surat 269. Saya harap pihak Kerajaan tidak akan menafikan atau menjauhkan tanggungjawab mereka. Kita harap dapat satu penyelesaian skandal Koperasi ini di mana sudahlah bukan sahaja 588,000 orang pendeposit tidak dapat senang hati, tetapi semua "dependents" mereka, dengan izin, lebih kurang 2 atau 3 juta orang hari ini tidak dapat senang hati, dan ini bukan satu angka yang kecil, ini satu angka besar, terdiri dari kita punya "population", dengan izin, di Malaysia. Saya harap semua yang

terlibat hendaklah dihadapkan ke Mahkamah dengan sewajarnya dan akan dapat hukuman yang sewajarnya. Saya harap Kerajaan tidak akan memberi perlindungan kepada sesiapa, walaupun dia seorang Ahli Parlimen, seorang Menteri atau seorang bekas Menteri.

Dengan itu saya ucapkan terima kasih, Tuan Pengerusi.

5.13ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Pengerusi, merujuk kepada halaman 269, Pembangunan Koperasi dan juga merujuk kepada cadangan Ketua Pembangkang untuk mengurangkan gaji Ketua Pengarah Koperasi sebanyak \$10.00.

Tuan Pengerusi: Bukan, yang itu saja, yang lain tidak boleh. Ya, di atas usul itu sahaja, yang lain tidak boleh.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ya, saya hendak bercakap atas usul itu sahaja. Saya sama sekali tidak bersetuju dengan cadangan Ketua Pembangkang itu, kerana kita telah maklumi bahawa ia merupakan satu cara Pembangkang mencari publisiti murah dan saya kira ini adalah untuk menarik perhatian Dewan juga masyarakat luar untuk menjatuhkan imej orang yang berkenaan. Saya kira kita tidak payahlah melayan kehendak-kehendak yang tidak mendatangkan manfaat itu. Banyak perkara yang boleh kita cadangkan dan kita boleh rundingkan. Masa pun tidak ada dan kita pun telah ketahui bahawa Kerajaan bukan membiarkan perkara ini.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar

Dr Eng Seng Chai: Saya baru sentuh, ada 588,000 orang pengdeposit termasuk dependents mereka lebih kurang 2 atau 3 juta orang rakyat kita dan juga Jawatankuasa Siasatan Skandal ini pun mengakui ini adalah angka yang benar, mengapa dia kata itu satu perkara kecil, bukankah itu satu perkara kebangsaan?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, bukankah saudara Yang Berhormat telah mengerti dan memahami bahawa Kerajaan tidak membiarkan perkara ini berlanjutan, malah telah pun mengeluarkan peruntukan yang tidak kurang daripada \$400 juta untuk membantu supaya 24 buah Koperasi ini berjalan dengan baik. Seolah-olah perkara yang telah kita bincangkan selama ini tidak diambil kira, sebab perkara ini telah pun kita perbincangkan dahulu semasa peruntukan di bawah Kementerian Kewangan dibahaskan. Tetapi perkara ini sekali lagi ditimbulkan pada hari ini. Dahulu pun saudara Pembangkang telah menimbulkan untuk memotong gaji Yang Berhormat Menteri Kewangan sebanyak \$10.00 dan kita telah undi dan mereka telah kalah, hari ini kita tidak mahu perkara-perkara yang seumpama ini berlarutan. Kita tidak mahu layan lagi perkara ini. Kita minta Dewan memutuskan undi, kalau menang habis cerita, teruskan dengan lain. (*Tepuk*)

Dr Eng Seng Chai: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Dia sudah duduk.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Boleh, boleh.

Dr Eng Seng Chai: Minta penjelasan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Boleh.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh. Yang Berhormat sudah duduk dan sudah

habis (*Ketawa*). Tidak ada apa lagi penjelasannya.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tidak boleh tidak apa. Jadi, Tuan Pengerusi, saya minta perkara ini supaya tidak diperpanjangkan. Kita undi, kita buat keputusan, jalankan perkara yang lebih penting daripada main-main \$10.00 ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah duduk tadi, jangan bangun pula (*Ketawa*). Menteri hendak menjawab?

5.16 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Pengerusi, usul ini bukan bertujuan untuk menolong pendeposit yang seramai 540,000 orang itu, tetapi sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Marang tadi, semata-mata untuk mencari publisiti murah (*Tepuk*). Sepatutnya saya tidak perlu memberi penjelasan lagi dalam perkara ini kerana perkara ini telah diterangkan dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan semasa membahaskan usul pihak Pembangkang untuk memotong gaji Yang Berhormat Menteri Kewangan tempoh hari. Nampaknya pihak DAP kalau tidak dapat tanduk, telinga pun hendak dipulasnya (*Tepuk*).

Sebenarnya tidak ada koperasi yang bergelar, dengan izin, "Deposit Taking Co-operative" ataupun Koperasi Penerima Deposit. Perkataan, dengan izin, Deposit Taking Co-operative ataupun "DTC" ini telah diberikan oleh mereka yang berkenaan kerana hendak mengasingkan atau dengan izin, classifykan, supaya koperasi-koperasi yang lain tidak terlibat apakala membincangkan kes 24 koperasi yang dibekukan oleh Bank Negara itu. 24 buah koperasi yang berkenaan adalah

jenis serba guna yang dibolehkan menjalankan berbagai kegiatan untuk faedah ahli-ahlinya, tertakluk kepada sekatan-sekatan atau kehendak Akta dan Kaedah Koperasi.

Koperasi-koperasi ini tidak diberi lesen atau kebenaran untuk menjalankan perniagaan kewangan, seperti sebuah syarikat kewangan atau bank. Akta dan Kaedah Koperasi memberikan kemudahan kepada koperasi untuk menerima wang deposit daripada ahli atau bukan ahli adalah bertujuan menggalakkan amalan berjimat-cermat dan juga untuk membolehkan koperasi membiayai projek-projek. Sebelum mereka boleh menjalankan penerimaan deposit ini, mereka dikehendaki mendapatkan kebenaran Ketua Pengarah ataupun Ketua Pendaftar terlebih dahulu. Bagi pihak Ketua Pendaftar pula, sebelum membuat keputusan, harus menimbang antara lain syarat-syarat penerimaan deposit itu, faedah yang ditawarkan, kegunaan wang deposit itu. Keteguhan kewangan koperasi dan had maksima deposit yang boleh diterima oleh koperasi. Seperti yang dinyatakan dalam Kertas Putih tempoh hari, hanya sebilangan kecil sahaja koperasi yang ada kebenaran menerima deposit dan koperasi yang berkenaan itu pula telah melebihi had yang ditetapkan oleh Ketua Pendaftar berpuluh-puluh kali ganda.

Kebanyakan yang lain langsung tidak ada kebenaran. Begitu juga dalam pelaburan koperasi, mereka seharusnya mendapat kebenaran Ketua Pendaftar. Ini adalah bertujuan supaya pelaburan koperasi itu dapat ditapis untuk menentukan pelaburan itu adalah selamat, menguntungkan dan tidak ada unsur-unsur penyelewengan. Tetapi kita dapati kehendak undang-undang ini tidak dipatuhi, ada yang memohon terutama hendak melabur dalam harta tetap dan saham-saham syarikat, tetapi

permohonan itu ditolak kerana pelaburan itu adalah jenis jangka panjang, walhal wang yang hendak dilaburkan itu terdiri daripada deposit jangka pendek. Tetapi sungguhpun ditolak, koperasi berkenaan meneruskan juga pelaburan itu. Kebanyakan daripada koperasi tersebut tidak kisah langsung hendak memohon kebenaran. Oleh sebab keengganan ini, maka koperasi-koperasi tersebut telah mengalami bencana. Sekarang Jabatan Pembangunan Koperasi pula hendak dipersalahkan.

Sungguhpun DAP ada menganjurkan penubuhan Koperasi KOTINDAK, tetapi barangkali mereka tidak memahami apa itu koperasi. Apa tanggungjawab Ahli-ahli Koperasi, Lembaga Pengarah Koperasi dan bagaimana penglibatan Jabatan Pembangunan Koperasi dalam perjalanan seharian koperasi. Oleh itu biarlah saya memberi kepada mereka sedikit kursus pada hari ini (*Tepuk*).

Jabatan Pembangunan Koperasi tidak secara langsung mentadbir perjalanan koperasi-koperasi itu, tidak menguruskan perniagaan mereka, tidak menentukan struktur kewangan mereka, tidak merancang pembinaan modal dan juga tidak mengatur penggunaan wang mereka.

Hal-hal koperasi ditadbirkan oleh ahli-ahli sendiri mengikut Undang-undang Kecil ataupun Perlembagaan yang mereka gubal. Perniagaan koperasi diuruskan oleh Lembaga yang mereka bentuk dengan anggota yang mereka pilih. Kerja Lembaga diawasi oleh Juruaudit Dalam dan juga Juruaudit Luar yang mereka lantik. Ahli-ahli berkuasa penuh ke atas Lembaga dan ke atas setiap anggotanya, baik yang menyandang jawatan ataupun yang biasa. Mereka boleh kekalkan Anggota Lembaga Pengarah yang jujur dan gantikan yang menyeleweng. Mereka boleh

kenakan tindakan ke atas mana-mana anggota yang melakukan perbuatan yang menjejaskan kepentingan koperasi dan boleh menuntut bayaran ganti daripada mana-mana anggota yang menyalahgunakan wang koperasi atau kerana kecuaiannya menyebabkan kerugian kepada koperasi. Tidak ada seseorang Anggota Lembaga walau apapun jawatan yang disandangnya yang begitu berkuasa, hingga ahli-ahli tidak boleh bertindak ke atasnya.

JPK tidak campurtangan dalam pengurusan perniagaan koperasi. Kebanyakan Ahli Lembaga adalah orang-orang perniagaan dan mahir dalam bidang perniagaan. Mereka juga mempunyai penasihat ataupun pekerja yang terdiri daripada profesional seperti Akauntan, Juru Perunding Pengurusan, Penasihat Undang-undang dan sebagainya. JPK tidak menapis ataupun, dengan izin, "screen" calon-calon pekerja atau calon-calon Anggota Lembaga dan tidak memeriksa kelayakan bakal ahti sebagai satu amalan. Masuknya orang-orang yang berniat jenayah ke dalam koperasi atau terlantiknya orang-orang demikian ke dalam Lembaga, bukan akibat daripada kelalaian Jabatan Pembangunan Koperasi. Undang-undang koperasi diperbuat untuk mengatur perjalanan koperasi-koperasi mengikut prinsip-prinsip perkoperasian, bukan untuk mewujudkan kesalahan dan memperuntukkan hukuman bagi orang-orang individu. Pengasas undang-undang koperasi tidak meramalkan kemungkinan bakal penjenayah akan diterima menjadi ahli memandangkan kemurnian prinsip-prinsip perkoperasian.

Kaedah 10 Akta Koperasi menyebut bahawa seseorang yang bankrap atau pernah dihukum kerana kesalahan di bawah, dengan izin, "Registration of Prescribed Criminal and Undesirable

Persons Act 1969" tidak boleh diterima menjadi ahli. Oleh itu, ketiadaan peruntukan dalam Akta Koperasi 1948 untuk membolehkan JPK mengambil tindakan secara langsung ke atas pegawai-pegawai koperasi yang didapati atau disyaki melakukan perbuatan jenayah.

Namun demikian, JPK tidak berdiam diri. Dalam hal KOSATU yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong misalnya, JPK telah membuat laporan Polis pada bulan Julai, 1982 lagi dan telah membantu pihak Polis dalam siasatan mereka, tetapi pihak Polis ketika itu tidak dapat bukti-bukti yang cukup untuk bertindak seterusnya. JPK sendiri meneruskan tindakannya ke atas KOSATU dengan audit dan siasatan di bawah Akta Koperasi 1948. Tindakan ini mengambil masa dan apabila tindakan susulan hendak diambil setelah selesai siasatan, pergolakan mula berlaku di kalangan koperasi-koperasi penerima deposit. Dikhuatiri tindakan susulan ke atas KOSATU ini akan menyebabkan, dengan izin, "run" atau pengeluaran wang secara mendadak ke atas koperasi-koperasi lain, prosedurnya berkehendakkan rundingan dibuat dengan para kreditor. Bagi maksud ini, iklan perlu diterbitkan dalam akhbar untuk memanggil mereka. Besar kemungkinan, iklan ini akan menyebabkan gempar di kalangan para pendeposit.

Pada umumnya deposit boleh diterima oleh semua koperasi. Menerima deposit dalam konteks koperasi, bermakna memberi perkhidmatan menyimpan kepada ahli-ahli dan kepada bukan ahli di mana tiada institusi lain.

Ahli-ahli bertanggungjawab di atas keselamatan wang deposit mereka sendiri dan juga wang deposit bukan ahli yang koperasi mereka terima untuk disimpan. Tanggungjawab ini mereka amanahkan kepada Lembaga

mengikut Undang-undang Kecil, bukan kepada JPK. Oleh kerana itu, Akta Koperasi 1948, seksyen 31 berkehendakkan supaya koperasi menerima deposit bukan ahli seperti yang disyaratkan oleh Kaedah dan Undang-undang Kecil Koperasi itu sendiri. Ahli-ahli berkuasa di atas semua wang deposit yang diterima oleh koperasi mereka. Mereka berhak menentukan apa yang boleh dan apa yang tidak harus dibuat dengan wang itu. JPK cuma menasihat tentang penggunaannya, jika diminta, dan meluluskan cadangan-cadangan penggunaan, seperti yang telah diperuntukkan dalam Akta. Bagaimanapun, JPK tidak menjamin keselamatan atau keutuhan sesuatu pelaburan yang diluluskan itu, apatah lagi yang tidak diluluskan.

Para pendeposit yang terdiri daripada ahli-ahli tidak boleh menyalahkan JPK jika orang-orang yang mereka amanahkan untuk menjaga keselamatan wang mereka itu telah menyeleweng jika mereka menunaikan kewajipan mereka serta menggunakan hak dan kuasa mereka sebagai ahli, seperti yang ditentukan oleh Undang-undang Kecil dan tidak hanya menunggu pulangan atas pelaburan mereka sahaja dengan mengharapkan JPK untuk menjaga kepentingan mereka, penyelewengan tidak boleh berlaku.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Pendeposit-pendeposit bukan ahli juga tidak boleh menyalahkan JPK sebab JPK tidak mengawasi koperasi untuk kepentingan bukan ahli. Mereka tidak punyai, dengan izin, "recourse" kepada Ketua Pendaftar Koperasi di bawah Undang-undang Koperasi untuk menyelesaikan sebarang pertikaian yang menyentuh urusan koperasi. Mereka harus salahkan ahli-ahli yang menjadi

tuanpunya koperasi, tetapi tidak mengawasi orang-orang yang menjalankan urusannya. Kealpaan ahli-ahli akan tanggungjawab merekalah yang menyebabkan kerugian kepada koperasi mereka sendiri dan juga kepada pendeposit.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat, ada yang bangun. Beri jalankah atau tidak?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya rasa biar saya habiskan dahulu, Tuan Pengerusi.

JPK mengawasi perjalanan koperasi sebagai satu badan dan tidak menjalankan kerja-kerja yang dijalankan secara individu oleh mereka yang mentadbir dan menguruskan hal-hal koperasi. Kerja-kerja pegawai-pegawai kehormat seperti Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari Koperasi diawasi oleh Yang di-Pertua, jika ada, atau oleh Lembaga Koperasi, manakala kerja pegawai-pegawai bergaji diawasi oleh pegawai-pegawai kehormat. Apa yang dibuat atau tidak dibuat oleh seseorang pegawai berkenaan tidak dapat diketahui, melainkan setelah kesan dari perbuatan atau ketinggalannya itu zahir dalam rekod-rekod yang diperiksa oleh JPK atau aduan mengenai halnya diterima daripada ahli.

Undang-undang Koperasi meletakkan kewajipan dan mengenakan larangan ke atas koperasi bukan ke atas seseorang pegawainya. JPK bertindak terhadap Koperasi atau Lembaganya atas sesuatu perbuatan atau ketinggalan dan yang dikesan daripada pemeriksaan buku-buku dan rekod-rekod. Lembaga seharusnya bertindak ke atas pegawai atau pekerja berkenaan mengikut peruntukan Undang-undang Kecil Koperasi. JPK telah menjalankan

pemeriksaan dan siasatan ke atas semua koperasi penerima deposit yang dibekukan aset mereka oleh Bank Negara itu dan telah memanggil Lembaga, beberapa buah daripadanya, untuk diberitahu tentang pelanggaran-pelanggaran yang didapati dan diberi amaran tegas supaya menghentikan perbuatan-perbuatan menyeleweng atau, dengan izin, "irregular" dan membetulkan keadaan yang telah berubah kerana perbuatan-perbuatan itu.

Bahagian Audit dan Akaun JPK tidak pernah ketinggalan membuat teguran di atas setiap perkara luar biasa yang zahir dari akaun-akaun yang diperiksa dan yang ternyata dalam laporan audit yang dibuat oleh auditor-auditor koperasi-koperasi berkenaan itu. Mesyuarat Agung Ahli-ahli atau Perwakilan sepatutnya memberi perhatian berat kepada teguran-teguran sedemikian dan menyoal ataupun meminta penjelasan Lembaga mengenai perkara-perkara yang telah ditegur. Juruaudit Dalam juga menjalankan pemeriksaan tiap-tiap bulan ke atas akaun-akaun koperasi dan sepatutnya diminta memberi penerangan kepada Mesyuarat Agung tentang keadaan akaun-akaun yang telah diperiksa, tetapi seperti yang ternyata dalam Kertas Putih, ada auditor yang telah tidak menzahirkan keadaan yang sebenarnya. JPK telah mengambil segala tindakan yang boleh diambil menurut Akta dan Kaedah-kaedah Koperasi bagi mencegah dan mengatasi penyelewengan dalam koperasi-koperasi penerima deposit yang berkenaan itu.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun!

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Bagaimanapun, dengan sikap hirau tak hirau di pihak

ahli-ahli yang lebih berhak ke atas koperasi-koperasi mereka sendiri.

Dr Eng Seng Chai: (*Disampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: dan berkuasa ke atas orang-orang yang menjalankan urusannya.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: serta kerjasama auditor.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, on a point of order.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: serta menjalankan

Tuan Lim Kit Siang: (*Disampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya faham, saya faham Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat itu tak mahu pandang pun.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat ada berikah atau tidak?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tak beri, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ah, tak beri!

Tuan Lim Kit Siang: Cakaplah.

Dr Eng Seng Chai: Tak tepat, latihan tak cukup, kursus dia tak cukup.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Petaling Jaya, sila duduk!

Dr Eng Seng Chai:fasal dia sudah tak ada sebut apa peranan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Petaling Jaya, sila duduk!

Dr Eng Seng Chai:peranan JPK ada.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya jangan cuba hendak kacau orang.

Dr Eng Seng Chai: Tak kacau!

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya pun boleh kacau, kalau hendak kacau, tetapi saya hormati Ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila teruskan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:serta kerjasama auditor koperasi mendiamkan perkara-perkara yang tidak betul, tindakan JPK itu tidak menampakkan kesan yang dihajatkan. JPK tidak boleh bertindak secara mengejut dan tidak harus berbuat demikian jika dibolehkan pun kerana akan menimbulkan pantulan atau, dengan izin, repercussion yang mungkin menjadikan lebih rumit masalah yang hendak diselesaikan. JPK meletakkan lebih kepercayaan kepada kebolehan dan keikhlasan para pemimpin koperasi untuk membawa koperasi kepada matlamat penubuhannya serta harapan agar ahli-ahli bersama-sama memastikan hal ini dengan tidak meragui niat dan hasrat setengah-setengah daripada ahli-ahli mereka. Bencana yang menimpa koperasi-koperasi penerima deposit yang

dikenakan tindakan oleh Bank Negara itu adalah disebabkan:

Pertamanya, kerana keenggaran koperasi mematuhi Undang-undang Koperasi;

Kedua, kerana adanya pemimpin-pemimpin yang tidak jujur;

Ketiga, kerana keadaan kemelesetan ekonomi yang menyebabkan pelaburan koperasi-koperasi dalam hartanah dan saham-saham syarikat swasta jatuh dengan teruknya.

Parti DAP sendiri ada koperasi yang bernama KOTINDAK. Apabila koperasi ini memohon kebenaran untuk menerima deposit dan membuka cawangan di tolak oleh JPK, KOTINDAK sendiri pun pada masa itu telah melemparkan berbagai-bagai tuduhan kepada JPK. Pihak pemimpin KOTINDAK yang diketuai oleh Pengerusinya, Ahli Parlimen dari Seremban mematuhi nasihat.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Duduk dahulu!

Dr Eng Seng Chai: Saya ada hak. Saya Setiausaha Kebangsaan KOTINDAK, saya mahu jawab.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya tak sebut apa pun lagi. Nanti dahulu, dengar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Jangan terburu-buru, sabar. Saya hendak ucapkan terima kasih dan tahniah kepada KOTINDAK ini. Jadi, tunggu dahulu.

Apabila KOTINDAK meminta kebenaran daripada JPK untuk menerima deposit daripada ahli-ahli dan bukan Ahli, JPK telah menolak permohonan daripada KOTINDAK dan KOTINDAK di bawah pimpinan Ahli Yang Berhormat dari Seremban—saya tak sebut Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya, kerana Ahli Yang Berhormat dari Seremban ini seorang yang gentleman, dia patuh kepada nasihat yang telah diberikan oleh JPK dan oleh kerana patuhnya tadi maka KOTINDAK tidak mengambil deposit sama ada daripada ahli ataupun bukan ahli dan hari ini KOTINDAK boleh berterima kasih kepada JPK kerana KOTINDAK tidak disenaraikan bersama-sama dengan 24 koperasi yang lain-lain (*Tepuk*), tetapi pada masa itu KOTINDAK telah diberikan kebenaran oleh JPK, kemungkinan—saya sebut kemungkinan, KOTINDAK juga berada dalam senarai 24 koperasi yang ada tadi (*Tepuk*).

Dr Eng Seng Chai: Kami bukan penjenayah.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya tak sebut penjenayah. Saya kata, mungkin berada dalam keadaan yang serupa (*Tepuk*).

Tuan Pengerusi, walaupun KOTINDAK telah mematuhi nasihat daripada JPK, tetapi ada juga ahli-ahli DAP yang menjadi penasihat, yang menjadi Setiausaha, yang menjadi Lembaga Pengarah kepada koperasi-koperasi yang disenaraikan bersama-sama dengan 24 koperasi tadi (*Tepuk*). Ada yang hendak cabar? Saya sebut nama parti dalam Parlimen? (*Tepuk*). Kalau hendak, saya sebutkan nama, cabar, saya akan sebutkan nama.

Ahli-ahli Pembangkang: (*Me-nyampuk*)

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Bangkit, cabar saya, saya akan sebutkan nama.

Ahli-ahli Pembangkang: (*Me-nyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, teruskan yang Berhormat.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, oleh kerana cabaran saya tak diterima oleh DAP, saya habiskan. Terima kasih (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Saya berdiri di atas 35 (4) dan 35 (3) (a). 35 (4) di mana seorang Ahli boleh bercakap menerangkan apa-apa perkara besar dalam ucapannya yang telah menerbitkan salah faham.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): 35 (4) ya?

Tuan Lim Kit Siang: 35 (4) dan pun 35 (3) (a). 35 (4) ialah di mana atau dalam bahasa Inggeris di mana ada.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Apa yang salah faham?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, misunderstood. Sebab itu perlu saya sebut mengenai perkara itu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Apa hal yang telah salah faham.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, mengenai ucapan-ucapan tadi di mana saya kemukakan usul untuk.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat sedarkah, tidak boleh dikeluarkan perkara-perkara yang baru?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ya, saya sedar, saya sedar 100% (*Ketawa*). Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapannya langsung

nampaknya tak faham apa yang saya kemukakan bahawa ada dua sebab.

Pertama, mengenai kecuaiian dan kelalaian JPK dan khasnya pengarah oleh kerana ada peluang dalam tahun 1981 untuk mengelakkan skandal berlaku hari ini tidak ada apa-apa jawapan yang tepat.

Kedua, di mana mengenai skandal CCB langsung tak disebut. Nampaknya skandal begitu besar, dia takut pun mendekati dan sebaliknya dia memberi satu ceramah mengenai kursus, mengenai bidang kuasa, mengenai tanggungjawab koperasi-koperasi, tak ada kena-mengena. Satu.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): *(Bangun)*

Tuan Lim Kit Siang: Point of order? Baik.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk, Yang Berhormat.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Pengerusi, itu bukan penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat?

Dato Kok Wee Kiat:di bawah 35 (4). Peraturan 35 (4) itu berkenaan penjelasan, tetapi dia tak buat penjelasan, dia introducing new matter, dengan izin *(Ketawa)*.

Tuan Lim Kit Siang: Apa new matter?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sila ringkaskan, Yang Berhormat. Apa keterangan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sebab itu apabila kita keluar dua-dua sebab untuk satu usul memotong gaji, satu usul yang serius, bukan hari-hari kita mahu potong gaji, tentulah.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Balik kepada.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri MCA jangan kacau lagi *(Ketawa)*.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila. *(Ketawa)*

Tuan Lim Kit Siang: Tadi suara MCA pun tak ada, skandal koperatif MCA ada, tetapi suara pun tak ada. Dia terlibat penjenayah MCA, Pemimpin MCA penjenayah *(Tepuk)*.

Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, dia provoke. Harap dia jangan provoke lagi *(Ketawa)*. Bila ada provokasi, tentulah ada sambutan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, dan itulah nampaknya ucapan yang tadi saya tak difahamkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia berlarut-larut bercakap mengenai KOTINDAK dan lain-lain.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Mana yang tak faham?

Tuan Lim Kit Siang: Dia tak faham.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sebut secara.

Tuan Lim Kit Siang: Dia tak faham, dia tak jawab, sebab itu dia tak faham. Sebab itulah kenapa.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Seluruh tidak faham?

Dr Eng Seng Chai: Tak ada jawapan.

Tuan Lim Kit Siang: Tak ada jawapan, dia tak faham, langsung tak faham atau tak mahu faham; sengaja atau tak sengaja.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Pengerusi: Peraturan Mesyuarat ini membolehkan Yang Berhormat menerangkan apa yang salah faham.

Tuan Lim Kit Siang: Salah faham ialah.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sila, sila.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk sekejap. Sebutlah apa dia salah faham dan beri keterangan.

Tuan Lim Kit Siang: Salah faham tujuan-tujuan yang saya kemukakan usul memotong gaji sebanyak \$10. Sebab pertama ialah kecuaiian JPK, bukan lain-lain hal yang tidak kena-mengena. Mahu membahas KOTINDAK lain hari bahas.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, di bawah seksyen ini kita tidak boleh bahas secara amlah.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan secara am. Saya mahu sebut.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Material part.

Tuan Lim Kit Siang: Material part ialah material reason tak difahamkan. Material reason ialah dua. Material reason tak difahamkan, material part semua tidak difahamkan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Mas hendak apa?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pegurusi, saya hanya hendak bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Hah, tak boleh, ini tak boleh (*Ketawa*)

Ahli-ahli Pembangkang: Duduk!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Soal potong gaji, Tuan Pengerusi. Penjelasan.

Ahli-ahli Pembangkang: Duduk! duduk!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Penjelasan atau point of Order?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Tak boleh.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dia tak beri, Yang Berhormat. Sila duduk!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini membuang masa, buat apa.

Tuan Lim Kit Siang: Duduklah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Awak duduklah. Duduk!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila tujukan kepada particulars.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, dan saya rasa inilah dua sebab yang utama yang tidak difahamkan, sengaja atau tidak sengaja dan inilah sangat dikesalkan. Tuan Pengerusi, bolehkah saya menjawab perkara-perkara yang ada dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak Yang Berhormat, sebab ini bukan.

Tuan Lim Kit Siang: Di bawah 35 (3) (a) bukan hak untuk menggulung, tetapi di bawah peringkat Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak. Kalau kita mahu ikut 35 (3) (c).

Tuan Lim Kit Siang: Oh! 35 (3) (c) pun boleh. Baik.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tetapi kalau kita ikut 35 (3) (c) hanya substantive motion.

Tuan Lim Kit Siang: 35 (3) (a), di mana "No member shall speak more than once to any question except—

(a) in Committee;"

dan kita dalam peringkat Committee.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan Lim Kit Siang: Dalam Committee, dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dalam persidangan Jawatankuasa, Yang Berhormat, boleh kita berbahas tetapi di dalam Dewan ini kita ada satu cara di mana kita hanya membenarkan seorang Ahli Yang Berhormat berucap sekali sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, tidak.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Itu sudah tetap. Itu sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, point of order di bawah 35.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Apa-apa perbahasan sudah habis, hanya kalau ada substantive motion boleh menjawab mengikut 35 (3) (c).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya minta satu ruling sama ada dalam peringkat Jawatankuasa, seorang Ahli boleh berucap lebih daripada satu kali, bolehkah?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Boleh, apabila perbahasan sudah habis tidak boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Kedua.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Kita sudah habis perbahasan.

Tuan Lim Kit Siang: Kedua, usul ini belum dikemukakan kepada Dewan dan diputuskan, dan ertinya perbahasan belum habis.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, apa yang kita telah buat keputusan ialah di dalam Committee, apabila kita bincang perkara-perkara ini, seorang Ahli Yang Berhormat hanya boleh berucap satu kali, semua Ahli Yang Berhormat di sini satu kali sahaja, tidak dikecualikan.

Tuan Lim Kit Siang: Selain daripada Jawatankuasa, dan kita boleh dalam peringkat Jawatankuasa di bawah 35 (3) (a).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Di dalam Jawatankuasa sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Dalam Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sudahlah, saya sudah putuskan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta satu ruling, adakah kita dalam peringkat Jawatankuasa?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Kita ada di peringkat Jawatankuasa tetapi kita sudah habis perbahasan.

Tuan Lim Kit Siang: Belum habis.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudah, Menteri sudah jawab, Yang Berhormat sudah.

Tuan Lim Kit Siang: Sudah jawab, itu hal dia; saya mahu cakap lagi (*Bool*).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Hanya substantive motion Yang Berhormat boleh berucap. Ini bukan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak mahu minta di bawah 35 (3) (c), saya minta di bawah 35 (3) (a) (*Ketawa*)—cakap lebih daripada sekali.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sudahlah, saya sudah faham.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu jawab cabaran-cabaran yang palsu, yang tidak kena-mengena.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudahlah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak takut jawab skandal, satu Kerajaan yang penuh dengan skandal, satu Kementerian yang penuh dengan skandal; corrupt, corrupt, corrupt sedalam-dalamnya. Saya boleh baca nama-nama kalau hendak!

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, bila dia sebut cabaran palsu tadi, saya tidak buat cabaran palsu.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah setuju satu Kerajaan yang corrupt, corrupt sedalam-dalamnya?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Bila dia sebut cabaran palsu, saya tidak buat cabaran palsu. Tarik balik!

Tuan Lim Kit Siang: Satu Kerajaan yang corrupt!

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Bedebah!

Tuan Lim Kit Siang: Satu Kerajaan yang corrupt, satu Kementerian yang corrupt, skandal!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudah!

Tuan Lim Kit Siang: Sudah (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhonnat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Bahawa perbelanjaan bagi Maksud B.57, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak \$10 bagi butiran 030000. Aktiviti Pembangunan Koperasi, Kod 1000 Emolumen berkait dengan gaji Ketua Pengarah Koperasi. Ahli-ahli yang.

Tuan Peter Paul Dason: Tuan Pengerusi, saya minta Dewan dibelah-bahagi mengikut Peraturan Mesyuarat 46(3).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Selepas kita buat voice vote.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya); (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat dari

Petaling Jaya, kalau tidak sedar dan tidak faham Peraturan Mesyuarat, jangan ganggu. Duduk sekejap!

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Peter Paul Dason: Tuan Pengerusi, saya minta supaya Dewan ini berbelah-bahagi di bawah Peraturan Mesyuarat 47.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang menyokong.

Setiausaha, sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Penghitung-penghitung undi diminta mengambil tempat di hadapan blok masing-masing.

Dewan berbelah-bahagi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, bilangan Yang Bersetuju, 22 orang (*Tepuk*) bilangan Yang Tidak Bersetuju, 94 orang (*Tepuk*).

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Perbahasan disambung semula.

Kepala B.57 (Jadual)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa wang sejumlah \$12,634,896,140 untuk Kepala B.57 menjadi sebahagian daripada Jadual dan sekarang ini terbuka sekali lagi untuk dibahas. Jemput Yang Berhormat dari Bakri.

Tuan Chua Jui Meng (Bakri): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 030000.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Muka surat berapa?

Tuan Chua Jui Meng: Muka surat 269, Maksud Bekalan B.57— mengenai Pembangunan Koperasi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap Yang Berhormat, ada "exodus". (*Ketawa*) Teruskan.

Tuan Chua Jui Meng: dan Butiran 00900, Maksud P.57 muka surat 270—Kemajuan Koperasi—serentak.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai Kertas Perintah atau White Paper yang dikeluarkan pada 11hb November tahun ini berhubung dengan Koperasi Pengambilan Deposit (KPD).

Tuan Pengerusi, Kertas Perintah ini mengandungi keputusan penyiasatan ke atas 24 buah koperasi tetapi didapati pihak DAP merasa kecewa dan tidak senang dengan Kertas Putih tersebut kerana mereka tidak dapat mencari sebarang kesalahan jenayah atau conflict of interest dalam pengurusan koperasi-koperasi yang bersangkutan dengan MCA iaitu KSM, KOJADI dan WANIJAYA dan buku-buku dan akaun-akaun tiga koperasi ini dianggap memuaskan hati.

Pemimpin-pemimpin DAP merasa dukacita kerana Kertas Putih yang ditunggu-tunggu itu untuk dijadikan satu alat dan modal politik mereka untuk mengancam pemimpin-pemimpin MCA dan Kerajaan tidak tercapai. Sangkaan DAP yang sentiasa terpesong dan lebih-lebih lagi tindak-tanduk mereka yang begitu negatif adalah membahayakan. Mereka suka membuat tuduhan yang bukan-bukan dan mengelirukan rakyat. Walaupun DAP sudah jelas mengetahui atau sengaja tidak mahu mengakui keadaan sebenar akaun KSM dan KOJADI di mana pengurusannya tidak menunjukkan apa-apa penyelewengan, mereka masih terus mengancam pemimpin-pemimpin MCA berkenaan dengan KSM dan KOJADI.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan ini di sini menyangkal sebagaimana tuduhan yang dibuat ke atas MCA adalah tidak berasas. Perlu dijelaskan lagi bahawa walaupun KSM mengalami kerugian sehingga menyebabkan sokongan aset bersih dianggarkan bernilai 41 sen setiap \$1 deposit, ini adalah disebabkan oleh kejatuhan besar dalam harga-harga syer peiaburan dalam Multi-purpose Holdings Bhd. dan aset-aset lain. Inilah satu pelakuan yang biasa sekarang sebab kelemahan nilai-nilai syer-syer di pasaran saham tempatan. Ia bukan disebabkan oleh pengaruh-pengaruh KSM yang pecah amanah, tidak serupa koperasi lain seperti FORTISS, KOSATU dan SAKAP yang mempunyai kes pecah amanah.

MCA dan pengaruh-pengaruh KSM telah mengambil langkah yang positif dan berusaha untuk memastikan pendeposit-pendeposit akan mendapat kembali nilai \$1 bagi setiap \$1 yang didepositkan. Pengerusi KSM, Datuk Ong Seng Lee telah membuat kenyataan pada 7hb November tahun ini bahawa perbincangan telah dijalankan dengan beberapa kumpulan peniaga untuk menjual aset-aset seperti KSM. Jawatankuasa ini juga membincangkan soal menjual syer Multi-purpose Holdings Bhd. demi kepentingan pendeposit-pendeposit.

Tuan Pengerusi, dalam koperasi WANIJAYA Malaysia Bhd. pula, menurut Kertas Perintah, ia mempunyai sokongan aset yang kukuh, nilai 88 sen bagi setiap \$1 deposit. Berkenaan dengan KOJADI pula, jelas diketahui bahawa ia merupakan sebuah koperasi yang begitu teguh dan kukuh. Pendeposit-pendepositnya boleh mendapat kembali \$1 untuk.

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Chua Jui Meng: Yang Berhormat hendak apa?

Tuan Hu Sepang: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Minta Penjelasan? Ya, apa penjelasan.

Tuan Hu Sepang: Saya ingin tahu, ucapan Ahli Yang Berhormat itu adakah merupakan satu "sales talk" untuk sales campaign? Itu sahaja.

Tuan Chua Jui Meng: Nampaknya dia semalam tidak ada kesan. Itu sudah buang masa sahaja. Saya teruskan Tuan Pengerusi.

Pendeposit-pendepositnya boleh mendapat kembali \$1.00 bagi setiap \$1.00 yang dimasukkan oleh pendeposit. Dan sumbangan KOJADI dalam bidang pelajaran juga memang tidak dapat dinafikan. KOJADI telah mengadakan satu skim pinjaman yang sangat berfaedah kepada pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi. . . .

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun; iaitu Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Chua Jui Meng: Sila.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Bakri apakah kedudukannya sendiri dan MCA mengenai masalah pendeposit-pendeposit yang tidak dapat balik wang mereka. Apakah kedudukannya dalam MCA dan apakah rancangan MCA untuk membantu pendeposit-pendeposit tersebut.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ini bukan perhimpunan MCA.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Pengerusi, kalau Yang Berhormat dari Kota Melaka dengar. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payah jawab pertanyaan itu. Teruskan.

Tuan Chua Jui Meng: Baik, tidak payah. Tetapi dengarlah ucapan saya. KOJADI telah mengadakan satu skim pinjaman yang sangat berfaedah kepada pelajar-pelajar di institusi-institusi pengajian tinggi. Sehingga hari ini sudah terdapat 968 pmjaman pelajaran yang diluluskan. Walaupun pada jangka ini di mana Koperasi tersebut masih dibekukan, ahli-ahli KOJADI masih terus-menerus membuat pembayaran yuran mereka, dan pihak KOJADI juga terus meluluskan permohonan pelajaran tersebut.

Tuan Pengerusi, pada dasarnya penubuhan koperasi-koperasi ini memang baik dan MCA sentiasa menyokong dan menggalakkan penubuhan koperasi-koperasi begini. Kita boleh mengibaratkan idea koperasi itu sebagai sabun. Sabun adalah baik untuk kebersihan. Akan tetapi apabila kita melihat seorang yang kotor, kita tidak boleh membuat kesimpulan bahawa sabun itu tidak baik. Sabun itu memang baik tetapi si kotor itu tidak tahu bagaimana mahu menikmati kebaikan sabun itu. Apabila wujudnya apa-apa masalah, DAP dengan cepat menolak tanggungjawabnya kepada Kerajaan terutamanya kepada MCA. Mereka tidak sedar bahawa DAP juga ada menubuhkan koperasinya sendiri iaitu KOTINDA. Dan tadi Timbalan Menteri telah memberi maklumat kepada Dewan ini KOTINDA ada memohon menerima deposit daripada orang awam tetapi Ini ditolak, dan lebih-lebih lagi ada beberapa Ahli Parlimen DAP sendiri yang terlibat secara langsung dalam aktiviti-aktiviti koperasi. Ahli Parlimen Bukit Bintang

sebagai Penasihat FORTISS hingga 20-8-86 dan Ahli Parlimen Puchong sebagai Setiausaha KOTENA. DAP sendiri perlu mengambil langkah-langkah yang positif untuk menolong dalam masalah koperasi ini. Adalah sangat dikesali tindak-tanduk DAP setakat ini adalah sangat negatif dan memburukkan lagi keadaan yang sedia ada.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Chua Jui Meng: Tidak beri lagi. Barangkali ini memang tabiat dan sifat DAP yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, orang ramai telah mengetahui salah seorang Ahli Parlimen DAP iaitu Ahli Parlimen Bukit Bintang cuba melarikan diri dari tanggungjawabnya sebagai Penasihat kepada Koperasi FORTISS. Apabila 24 buah koperasi dibekukan pada 8-8-1986 termasuk FORTISS beliau dengan segera menulis surat rasmi meletakkan jawatannya pada 20hb Ogos, tahun ini. (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Satu minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Chua Jui Meng: Selepas penyiasatan yang menyeluruh ke atas koperasi-koperasi ini dijalankan didapati Pengarah Koperasi FORTISS iaitu Encik Lau Kok Han telah didakwa di mahkamah atas dua tuduhan pecah amanah yang membabitkan wang sejumlah \$4.9 juta. Dan mengikut Laporan Kertas Putih; saya memetik, dengan izin, "FORTISS is insolvent". Encik Lau dituduh melakukan pecah amanah dalam jangka masa di antara 17-5-1985 hingga 31-12-1985.

Ahli Parlimen Bukit Bintang dalam masa itu masih memegang jawatan

sebagai Penasihat kepada koperasi tersebut.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Chua Jui Meng: Bagaimanakah kegiatan pecah amanah yang melibatkan jumlah wang yang begitu besar boleh berlaku?

Tuan Lim Guan Eng: Point of order!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Point of order, Yang Berhormat dari Bakri.

Tuan Lim Guan Eng: Duduklah! Point of order, dengarlah.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Duduk sekejap, point of order, kita dengar. Peraturan Mesyuarat berapa?

Tuan Lim Guan Eng: "36(6) Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli lain".

Kalau Ahli Yang Berhormat dari Bakri enggan memberikan apakah kesalahan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang janganlah tuduh menuduh secara melulu sahaja. Minta buat satu keputusan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dia hanya menerangkan hakikat yang telah jadi. Yang Berhormat teruskan.

Tuan Chua Jui Meng: Adakah beliau tidak menjalankan tugasnya? Adalah menghairankan seorang Ahli Parlimen tidak dapat memberi teguran dan nasihat yang baik kepada koperasi tersebut. Sekurang-kurangnya beliau tidak sepatutnya meninggalkan

FORTISS dalam masa kesusahan dia. Beliau sepatutnya bertindak seperti MCA yang tetap berusaha mencari jalan menyelesaikan masalah pendeposit-pendeposit (*Tepuk*). Ini menunjukkan bahawa parti DAP adalah hipokrit dalam perkara "KPD".

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kita tidak ada masa lagi. Gulungkan. Sudah?

Tuan Chua Jui Meng: Satu minit lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Setengah minit.

Tuan Chua Jui Meng: Satu minitlah. Peristiwa ini telah menunjukkan taktik-taktik parti DAP yang tidak bertanggungjawab. (Sambil memegang teks ucapannya ke atas) Saya perlu mengingatkan DAP bahawa mereka boleh memperdayakan setengah-setengah orang seketika masa, tetapi tidak boleh memperdayakan semua orang pada setiap masa. Sekiranya kita mendapati.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, cuba jangan pegang kertas begitu, kita tidak nampak.

Tuan Chua Jui Meng: Sekiranya kita mendapati ada luka di badan orang lain, kita tidak menyorak—"Heh! lihat ada luka di badannya, teruknya; memang dahsyat lukanya." Kata-kata ini memang tidak membina kerana orang sudah tahu ada luka di badannya. Kita tidak harus bersorak-sorak seperti DAP. Kita harus berusaha mencari ubat untuk mengobati luka tersebut. Terima kasih.

Ahli-ahli: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau boleh kita ingin

habiskan perbincangan Akta Perbekalan sebelum 6.30 petang. Tetapi kalau ramai orang hendak berucap lagi, kita kena mengeluarkan satu Usul. Kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh bekerjasama kita boleh habiskan. Macam mana? Kalau sangat penting saya benarkanlah Yang Berhormat-Yang Berhormat berucap. Tetapi kalau boleh kita minta kerjasama kita habiskan sebelum 6.30 petang.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, boleh saya cakap?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak apalah, kalau semua hendak berucap. Duduk sekejap Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan dan Usul Pembangunan 1987 diluluskan.

Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Rang Undang-undang Perbekalan 1987

dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan dan Usul Pembangunan 1987 diluluskan, disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan dan Usul Pembangunan 1987 diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempe-
ngkerusikan Jawatankuasa*)

Perbincangan disambung semula.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, berapa minit, 10 atau 5 minit.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Kalau 5 minit, saya ucap terima kasihlah.

6.13ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada B.57 mukasurat 269, Butiran 020000—Pembangunan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa. Saya hanya di sini

hendak mengemukakan cadangan sahaja, oleh kerana masa tidak banyak. Memandangkan bahawa pemaju-pemaju masyarakat adalah satu golongan yang begitu penting dan selama ini telah pun memberi sumbangan yang besar kepada kesedaran rakyat, membangun negara dan mempertahankan kestabilan politik tanahair, dan memandangkan bahawa jumlah Mengurus begitu besar sekali, kita kira bahawa peranan mereka ini haruslah dipertingkatkan. Ertinya, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan, sudah sampai masanya memandangkan bahawa gejala-gejala yang tidak sihat, makin sehari makin ketara di dalam masyarakat kita, usaha-usaha memecah-belahkan perpaduan, sengketa yang dicetuskan atas sifat perkauman oleh golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab, pelampau-pelampau agama dan sebagainya, saya ingin mengesyorkan sudah sampai masanya pemaju-pemaju masyarakat ini dilatih dengan cara ala tentera atau cara ala komando bagi menjamin bahawa peranan mereka nanti lebih berkesan daripada apa yang pernah mereka sumbangkan selama ini.

Tuan Pengerusi, perkara ini amat penting memandangkan jumlahnya yang begitu besar dan perbelanjaan juga tidaklah sedikit dan kita berharap peranan mereka ini bukan setakat menyumbangkan kepada peranan-peranan yang kita lihat pada hari ini, tetapi mereka ini boleh diberikan tenaga dengan lebih gigih lagi, dengan penuh berani bukan sahaja untuk membangunkan negara, tetapi juga untuk mempertahankan tanahair. Sudah sampai masanya melihat suasana dan gejala-gejala yang sedang berlaku sekarang ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada P.57 muka surat 272 iaitu 02500—Pembangunan Masyarakat, Kod 01, 02, 03 iaitu Menaikkan Taraf Jalan Kampung, Rancangan Pemulihan Kampung, Amalan

Makanan dan Pemakanan, sekaligus. Perkara ini juga amat penting bagi pembangunan luar bandar.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, daripada peruntukan yang disediakan ini, berapa banyakkah yang diagih-agihkan mengikut negeri-negeri dan juga mengikut kawasan-kawasan yang ditakrifkan luar bandar. Saya ingin tahu sebab saya ingin mendapat penjelasan dari Timbalan Menteri, berapa banyak kawasan Pasir Mas dapat peruntukan untuk memperbaiki taraf jalan kampung ini yang akan disediakan pada tahun 1987. Saya membangkitkan perkara ini memandangkan keadaan banjir yang sedang melanda sekarang ini dalam kawasan saya di Pasir Mas adalah salah satu kawasan yang saya kira teruk menghadapi masalah ini. Oleh kerana pihak negara Siam telah membina benteng, mereka juga membina jalan untuk keselamatan di sebelah tebing sungai seolah-olah kapal terbang pun boleh mendarat sehingga akhirnya apabila berlaku hujan, Pasir Mas sudah dilanda oleh banjir yang begitu teruk tidak pernah kita lihat selama ini berlaku seperti sekarang.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh tentang 02800, 02900 dan 03000—Industri Kampung, Kemajuan Infrastruktur dan Industri Kecil, sekaligus. Semuanya ini, Tuan Pengerusi, ada kaitan dengan pembangunan luar bandar. Hubung kaitnya di antara jalan-jalan, penubuhan industri-industri kecil yang kita kira boleh memberi perubahan kepada penduduk luar bandar dari segi menaikkan taraf sosio ekonomi. Tetapi usaha-usaha ke arah ini saya rasa masih lagi di tahap yang agak slow, dengan izin.

Saya ingin bertanya Kementerian yang berkenaan, Yang Berhormat Timbalan Menteri, langkah-langkah yang lebih positif yang lebih

meyakinkan ke arah kemajuan penubuhan industri-industri kecil, kemajuan industri kampung ini dengan lebih teratur supaya mereka yang berminat boleh menyertainya.

Saya ingin mencadangkan supaya pelaksanaan pembangunan luar bandar ini dapat diselaraskan dan tidak ada bertindihnya di antara agensi dengan agensi yang tain dan juga menolak tanggungjawab di antara satu sama lain. Saya rasa sudah sampai masanya, saya ingin mengusulkan bahawasanya sebuah perbadanan pembangunan desa diwujudkan bagi menyelaraskan pembangunan luar bandar. Selagi ini tidak diselaraskan maka selagi itulah kita lihat perjalanan soal-soal menguruskan pembangunan luar bandar walaupun kita lihat ada kemajuan, walaupun ada usaha-usaha yang gigih tetapi masih terdapat juga kelemahan-kelemahan di sana sini yang kadang-kadang membabitkan banyak masalah di kalangan orang-orang kampung.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, oleh kerana masa tidak banyak, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Cuba ringkaskan Yang Berhormat.

6.26ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam): Ya, Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.57, mukasurat 269, Butiran 010000, Kod 2000—Perkhidmatan dan Bekalan.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah memasukkan kampung baru dalam Kementertan Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa hampir seluruh kampung baru terletak di luar bandar. Dengan demikian wajarlah dan sesuai

Kerajaan memasukkan kampung baru ke Kementerian ini supaya penduduk-penduduk kampung baru dan penduduk-penduduk kampung tradisi bersama-sama menikmati peruntukan dan keperluan yang diberikan oleh Kerajaan. Tetapi malangnya pada mulanya Kerajaan telah membawa kesan yang amat buruk kepada penduduk-penduduk di kampung baru. Walaupun kampung baru telah pun dimasukkan di dalam Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, akan tetapi penduduk-penduduk kampung baru apa yang mereka dapati, kalau tidak lebih buruk, boleh dikatakan juga tidak lebih baik semasa mereka tertakluk kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya merasa sangat kesal dengan keadaan ini.

Tuan Pengerusi, mengikut Belanjawan tahun depan misalnya, peruntukan yang diberikan kepada kampung baru yang ada di seluruh negara cuma mendapat lebih daripada \$1.35 juta. Ini adalah satu contoh yang baik untuk membuktikan bahawa peruntukan yang didapati oleh kampung baru adalah kecil sekali. Menurut statistik Kerajaan, pada sekarang ini di seluruh negara ini terdapat 452 buah kampung baru. Oleh kerana itu, kalau dikira dengan secara purata maka setiap kampung baru cuma mendapat peruntukan sebanyak berjumlah \$2,996.24. Kalau sekiranya kita mengkaji dengan secara lebih mendalam lagi, maka kita akan mendapati bahawa orang-orang yang berada di kampung baru adalah berjumlah 1.6 juta orang. Jadi, dengan jumlah itu setiap orang di kampung baru cuma akan dapat 85 sen bagi peruntukan tahun depan. Ini memang mengagumkan dan juga sangat mengecewakan.

Tuan Pengerusi, melalui Dewan yang mulia ini hendaknya, saya mewakili rakyat di Kampung Tanah Liat, dan perkampungan Pelapit dalam

kawasan saya, buat mengingatkan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya jangan melupakan apa yang telah dijanjikan oleh bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Yang Berhormat Dato' Chan Siang Sun pada tempoh Pilihanraya Umum iaitu 30hb Julai, 1986 dan 31hb Julai, 1986. Saya harap Menteri yang berkenaan jangan melupakan surat peruntukan berjumlah \$42 yang diserahkan kepada Kampung Tanah Liat di Bukit Mertajam dan juga surat peruntukan berjumlah \$44,332 kepada perkampungan Pelapit.

Saya hendak meminta Menteri yang berkenaan memberitahu kepada Dewan yang mulia ini pada masa pengumuman perbahasan, adakah kedua-dua peruntukan ini telah dikeluarkan. Jika sekiranya peruntukan ini telah dikeluarkan, bila dikeluarkan. Jika sebaliknya, maka bila akan dikeluarkan peruntukan yang telah dijanjikan itu?

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Dato' Chan Siang Sun sewaktu beliau memegang jawatan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan memberi 48 buah kampung-kampung baru yang mana mereka akan diberi keutamaan dalam pembangunan menjelang pilihanraya umum tahun ini dan semasa dalam kempen pilihanraya. Beliau berkata setiap kampung baru yang terpilih itu akan dapat peruntukan sebanyak \$5 juta dan senarai nama kampung-kampung ini akan diumumkan tidak lama lagi, akan tetapi sehingga hari ini senarai itu masih belum disiarkan, sungguhpun pilihanraya umum telah berlalu hampir setengah tahun. Apakah sebabnya? Saya tidak pasti sama ada janji Menteri Kerajaan Barisan Nasional akan dikota sesudah jawatannya diganti oleh orang lain.

Sebagai Menteri yang bertanggungjawab apa yang dijanjikan kepada rakyat hendaklah ditunaikan dengan seberapa cepat yang boleh, janganlah menjadi sebagai Menteri "kata tidak dipegang; janji tidak ditepati". Oleh sebab itu saya berharap Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar semasa memberi jawapannya hendaklah memberitahu Dewan yang mulia ini mengenai pengumuman 48 buah kampung baru yang akan diutamakan pembangunannya yang dibuat oleh Dato' Chan Siang Sun dan setiap kampung baru yang terpilih itu akan mendapat peruntukan berjumlah \$5 juta akan dipatuhi atau tidak, kalau janji itu dipatuhi, maka bilakah Kerajaan akan mengumumkan nama-nama kampung baru itu?

Saya berasa riang dan gembira kerana saya dapati bahawa di Wilayah Persekutuan dan negeri Selangor, Kerajaan telah mengeluarkan hakmilik tanah tempoh 99 tahun kepada penduduk-penduduk kampung baru. Inilah yang disuarakan dan diperjuangkan oleh parti DAP sejak permulaan tahun 1970an.

Saya seharusnya patut memberi pujian kepada Kerajaan walaupun Kerajaan telah menangguhkan pelaksanaannya sehingga hari ini, akan tetapi masalah yang akan saya kemukakan di sini ialah mengenai premium tanah. Kalau kita membuat satu perbandingan, maka premium tanah negeri Selangor yang asalnya dikutip \$1.20sekaki persegi, kemudian diturunkan sehingga 50 sen sekaki persegi, tetapi setelah kampung baru yang berada di Wilayah Persekutuan seperti premium tanah Kampung Baru Salah South dan Kampung Baru Ceras dikutip sebanyak \$3.00 sekaki persegi. Ini merupakan satu kutipan yang amat tinggi dan tidak sanggup ditanggung oleh penduduk-penduduk kampung baru, kalau dibandingkan dengan premium tanah yang dikutip oleh negeri Selangor. Biasanya keluasan

lot-lot rumah di kampung baru ialah 4,000' persegi, maka pemilik tanah itu hendaklah membayar sebanyak \$12,000. Jumlah yang besar itu pada masa negara ini sedang menghadapi kemelesetan ekonomi, penduduk-penduduk kampung baru agak sukar hendak membayar premium itu. Apa lagi negara kita kini sedang menghadapi kemelesetan ekonomi sudah tentu penduduk-penduduk tidak mampu menjelaskan premium yang setinggi itu. Pengundi-pengundi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, satu minit lagi.

Tuan Chian Heng Kai: Ya, terima kasih. Pengundi-pengundi kampung baru selama ini menghadapi berbagai-bagai masalah yang sehingga ini belum dapat diselesaikan. Begitu juga pendapatan yang mereka perolehi adalah rendah, oleh itu saya harap janganlah Kerajaan mengeluarkan hakmilik tanah selama 99 tahun kepada mereka itu menjadi berita gembira cuma buat sementara waktu dan selepas itu mereka menjadi hampa kepada premium tinggi yang membebaskan mereka. Oleh yang demikian, saya mewakili pengundi-pengundi kampung baru meminta Kerajaan supaya menurunkan premium tanah di Wilayah Persekutuan.

Berkenaan pengutipan premium tanah yang diadakan oleh tiap-tiap Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, parti DAP akan membuat rayuan supaya Kerajaan Negeri mengurangkan premium tanah itu di tiap-tiap Dewan Undangan Negeri semasa persidangan diadakan.

Kerajaan telah memperuntukkan berjuta-juta ringgit.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila gulungkan.

Tuan Chian Heng Kai: Saya minta setengah minit lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan, setengah minit sahaja.

Tuan Chian Heng Kai: Terima kasih. Kerajaan telah memperuntukkan berjuta-juta ringgit kepada Kementerian ini untuk memajukan luar bandar, akan tetapi suatu kenyataan yang tidak dapat dinafikan bahawa sebahagian besar orang Melayu masih miskin papa. Apakah Kementerian ini tidak berkemampuan atau kerana dasar bumiputera dan bukan bumiputera yang dijalankan oleh Kerajaan dan dasar-dasar perkauman yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Setiap orang yang memandang berat masalah kemiskinan hendaklah mengambil perhatian terhadapnya dan juga mengkajinya secara mendalam. Adakah Kementerian ini pernah menjalankan pengkajian dan membuat cadangan serta membentangkan suatu laporan di mana letaknya kelemahan-kelemahannya? Menteri yang berkenaan seharusnya bertanggungjawab dan memberi penjelasan yang lengkap.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

6.26 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Pengerusi, saya turut ucapkan syabas kepada Kerajaan kerana menyatukan program Kemajuan Perkampungan dengan program luar bandar yang lain di bawah Butiran 010000.

Masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung baru bukanlah masalah orang Cina, tetapi masalah orang luar bandar. Pada masa darurat, mereka dipaksa pindah ke kampung

baru, dipagarkan dan diawasi oleh Jeneral Templer dan tenteranya. Sehingga hari ini, nasib mereka serupa dengan nasib orang Melayu, Thai, Iban dan Kadazan yang duduk di kampung lain atau orang India yang tinggal di ladang-ladang iaitu menghadapi nasib kemiskinan. Oleh yang demikian, amatlah sesuai bagi Kerajaan menganggap penduduk kampung baru sebagai satu golongan yang miskin yang senasib, dengan golongan-golongan miskin yang lain, tanpa mengira bangsa, agama atau keturunannya.

Seperti Tuan Pengerusi sedia maklum, pengangguran merupakan masalah terbesar yang sedang mengancam masyarakat luar bandar. Oleh kerana ekonomi meleset, pemuda-pemudi yang hilang pekerjaannya di bandar-bandar besar, termasuk Singapura pulang ke kampung. Adalah betul mereka boleh membantu orang tua bercucuk-tanam, tetapi matangnya, tanah kampung tidak mencukupi. Kerajaan-kerajaan Negeri berikrar untuk meluluskan tanah Kerajaan, terutamanya tanah lombong terbiar, kepada penduduk luar bandar untuk tujuan pertanian dan ternakan, tetapi nampaknya proses pelaksanaan masih memakan masa yang panjang.

Saya menyeru kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang juga Timbalan Perdana Menteri supaya menggunakan jasa baiknya menyegerakan kelulusan tanah Kerajaan Negeri kepada pemohon-pemohon yang miskin.

Mengenai Butiran 030000, Pembangunan Koperasi, saya juga mengucapkan syabas kepada Kerajaan terutama sekali kepada kakitangan Jabatan Pembangunan Koperasi. Di dalam pengalaman saya, Ketua Pengarah dan kakitangannya memberi perkhidmatan yang baik dan cekap kepada koperasi-koperasi serta anggota-anggotanya.

Ada pengkritik yang mengatakan bahawa Jabatan Koperasi patut bertindak lebih awal terhadap koperasi-koperasi yang menyeleweng dan menyelamatkan kepentingan penyimpan-penyimpan.

Tuan Pengerusi, kita harus faham bahawa di antara Ahli-ahli Lembaga Pengarah Koperasi dan anak syarikat terdapat ahli-ahli politik yang kuat dan peniaga-peniaga yang berpengaruh, barangkali pegawai-pegawai Kerajaan berasa segan sedikit.

Tuan Pengerusi, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini akan meyakinkan pegawai-pegawai di Jabatan Koperasi bahawa walaupun kita ahli politik, kita akan sentiasa membela kakitangan Kerajaan yang bertindak mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan terhadap sesiapa yang menyeleweng, tanpa mengira sama ada yang salah itu kuat, kaya atau tidak. Sesungguhnya ahli politik patutlah memberi pimpinan melalui teladan, bukanlah tunjuk contoh yang buruk. Kita sebagai ahli politik berasa malu apabila membaca nama-nama ahli politik ternama terlibat dalam penyelewengan.

Tentang koperasi-koperasi yang telah dibekukan, Tuan Pengerusi, izinkan saya menyeru kepada Kerajaan supaya bertindak dengan segeranya untuk menyelamatkan kepentingan penyimpan-penyimpan wangnya. Beberapa langkah boleh diambil oleh Kerajaan.

Pertama, menggunakan kuasanya untuk menolong koperasi-koperasi pengambilan deposit mendapat balik pinjaman mereka, terutama sekali daripada orang-orang kenamaan. Orang-orang kenamaan tentulah mampu serviskan pinjaman mereka.

Kedua, bertindak lebih cepat dan keras kepada pengarah dan pengerusi koperasi yang telah menyeleweng.

Hukumkan mereka sekeras-kerasnya supaya orang lain tidak berani mengikut contoh buruk mereka.

Ketiga, memberi bantuan kewangan untuk membolehkan koperasi yang mengalami kesulitan mengatasi masalahnya dan menyelamatkan wang simpanan anggotanya, terutama sekali koperasi yang mengalami kerugian kerana resesi ekonomi, bukan kerana pengurusan tidak jujur. Dahulu ketika Bank Rakyat mengalami krisis kerana penyelewengan pengurusannya, Kerajaan telah memberi bantuan kewangan kepada Bank Rakyat untuk mengatasi kerugiannya dan kemudian menyelamatkan wang penyimpan-penyimpannya. Sekarang Kerajaan pun boleh berbuat demikian supaya penyimpan koperasi dapat selamatkan wang mereka. Kebanyakan penyimpan-penyimpan koperasi yang telah dibekukan merupakan orang yang miskin dan mereka akan menderita sekiranya sebahagian besar simpanannya tidak boleh didapati balik.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Hulu Selangor, 5 minit sahaja.

6.30 *ptg.*

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Pengerusi, saya ucapkan ribuan terima kasih di atas kemurahan hati Tuan Pengerusi yang telah membenarkan saya membuat ucapan yang mana semalam saya telah berdiri sebanyak sepuluh kali pun tetapi tidak dapat kebenaran. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat, jangan buang masa.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud P.57, muka surat 271, Butiran 01700—Bekalan Elektrik

Luar Bandar, 01, Semenanjung dan juga 02000—Bekalan Air Luar Bandar, 01. Juga muka surat 272, Butiran 02300 dan 02500 dan juga 02600, saya ingin menyentuh sekali gus di atas kelima-lima perkara tersebut.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Kementerian yang telah menyediakan sejumlah \$320 juta di atas kelima-lima Butiran yang telah saya sentuh tadi. Tetapi malangnya saya ingin membawa kepada perhatian Kementerian yang berkenaan iaitu tidak ada apa-apa rancangan untuk membangunkan kawasan ladang-ladang yang ada di dalam luar bandar dalam pembangunan ataupun rancangan pembangunan untuk luar bandar. Sepertimana saya telah bangkitkan dalam ucapan Belanjawan saya, saya ingin mendapat satu keterangan daripada pihak Kementerian daripada \$320 juta yang telah disediakan untuk pembangunan luar bandar ini khasnya kepada bekalan air, bekalan elektrik dan jalan, bolehkah pihak Kementerian menyediakan sekurang-kurangnya \$10 juta untuk menyediakan jalan-jalan, api dan air kepada ladang-ladang yang kita adakan di seluruh negara. Tuan Pengerusi, oleh kerana ladang-ladang adalah satu kawasan yang ketinggalan di dalam pembangunan negara kita yang berjumlah lebih kurang satu juta penduduk di seluruh negara. Saya rasa inilah satu golongan yang kita tidak boleh lupakan dan saya memohon dan merayu kepada pihak Kementerian untuk menyediakan sekurang-kurangnya \$10 juta kepada pembangunan luar bandar yang dimaksudkan tadi.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah daripada segi pelancaran di atas pembekalan air, api dan juga jalan-jalan. Walaupun Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini telah menyediakan sejumlah \$320 juta tetapi pihak yang

menyelaraskan tugasnya ialah JKR, LLN dan juga Jabatan Bekalan Air. Apabila kita sampai ke peringkat pelancaran saya nampak ada beberapa penyelewengan yang telah berlaku di mana kawasan-kawasan luar bandar tidak dapat kemudahan-kemudahan asas, sampai kepada tahun akhir dan ada beberapa kesulitan di kampung-kampung untuk mendapat dan menerima kemudahan-kemudahan asas ini. Oleh itu, saya mohon kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini untuk menubuhkan jawatankuasa khas untuk menyelaraskan kemudahan-kemudahan asas kepada kampung-kampung di kawasan-kawasan luar bandar dari segi peringkat daerah. Oleh kerana ada beberapa pihak berkuasa di atas pelancaran kerja-kerja yang dimaksudkan saya rasa satu jawatankuasa khas untuk menjalankan kerja-kerja dan tugas-tugas bagi kerja kemudahan-kemudahan asas harus disediakan oleh kerana tanpa ini kita akan menghadapi beberapa masalah untuk menerima kemudahan asas itu.

Saya ingin juga mencadangkan kepada pihak Kementerian ini, sudahlah sampai masanya di mana kita harus mengadakan juga satu institusi kewangan untuk membolehkan pihak-pihak yang ada di kawasan luar bandar untuk menerima pertolongan di atas kemudahan asas kewangan untuk menjalankan tugas-tugasnya, oleh kerana ada beberapa kawasan ataupun sebahagian besar negara kita ialah daripada luar bandar di mana untuk memajukan kawasan itu juga harus menerima satu pertolongan daripada institusi kewangan dan sampai pada masa ini kita bergantung kepada Kerajaan untuk menyediakan peruntukan, dan kita pula dalam keadaan kesulitan ekonomi yang begitu merosot. Kita tidak dapat menjalankan tugas untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas di kawasan luar bandar, saya ingin mencadangkan kepada pihak

Kementerian untuk menubuhkan jika boleh satu bank pembangunan luar bandar di mana kita boleh memperolehi kewangan untuk pembangunan kawasan luar bandar.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya rasa, saya tidak akan mengambil masa lagi, saya ingin raenyokong dan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang telah menyediakan satu peruntukan yang begitu besar untuk membangunkan kawasan luar bandar kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Lembah Pantai. Lepas ini saya akan menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

6.38 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai); Tuan Pengerusi, saya bangun berucap atas Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar P.57, muka surat 270, Tajuk 01100—Majlis Amanah Rakyat di bawah tajuk kecil "Biasiswa" dan "Maktab Rendah".

Di sini saya ingin menerangkan berhubung dengan biasiswa. Biasiswa ini amat penting kepada penduduk-penduduk yang berpendapatan kecil. Tuan Pengerusi, di Kuala Lumpur, bila orang kampung mengatakan Kuala Lumpur tentulah mereka duduk di Kuala Lumpur dengan rumah batu, dengan siap alat-alat dan segala-galanya. Tetapi kita mesti ingat bagaimana penduduk di Kuala Lumpur yang duduk di tanah-tanah setinggian yang mereka ini adalah golongan-golongan yang berpendapatan kecil dan antaranya bekerja dengan Kerajaan dan di samping itu berniaga secara kecil-kecilan dan isteri-isteri pula pergi ke rumah-rumah orang

membasuh dan sebagainya untuk mendapatkan sedikit wang.

Dalam masalah pelajaran anak-anak mereka tentulah kadangkala ada anak-anak mereka ini yang mendapat pelajaran umpamanya keputusan Peperiksaan Penilaian Darjah 5 tidaklah dapat sampai lima A, tetapi mereka itu dapat empat A dan satu B. Inilah masalahnya ibu bapa mereka berharap sangat untuk mendapatkan biasiswa. Tetapi dalam masalah ini biasiswa yang disebutkan tadi ini susah hendak didapati kerana mereka ini dianggap duduk di dalam bandar. Oleh itu dalam masalah ini saya mengharapkan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya mereka ini diberi sedikit kemudahan mendapatkan biasiswa-biasiswa ini dan begitu juga untuk masuk ke Maktab-maktab Rendah yang mana mereka ini juga dikecualikan kerana mereka ini kononnya duduk di dalam bandar.

Ini selalu yang saya terima aduan daripada ibu dan bapa mereka untuk mendapat surat-surat sokongan tetapi kadangkalanya sepuluh yang disokong, kadangkala satu pun tidak dapat kerana sebab-sebabnya sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Oleh itu dalam masalah ini kita mengharapkan supaya pihak MARA dalam soal ini dapat dipertimbangkan agar di tahun-tahun ke hadapan mereka seumpama yang saya sebutkan ini dapat pertimbangan yang sewajarnya.

Sekarang saya masuk ke mukasurat 272 berhubung dengan Butiran 02300—Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan di Luar Bandar yang mana peruntukan \$70.7 juta diperuntukkan dan begitu juga 02400 Penempatan Semula Kampung Tradisional yang mana \$10.6 juta diperuntukkan. Dan satu lagi 02800 Industri Kampung yang mana \$5 juta diperuntukkan. Saya minta izin ketiga-tiga ini untuk dicantumkan supaya memendekkan masa.

Tuan Pengerusi, dalam masalah penempatan kepada negeri-negeri sebagaimana saya sebutkan tadi, Kuala Lumpur ini dianggap adalah bandar ibu kota tidak ada kampung tetapi sebenarnya kita ada kampung lagi, kampung-kampung orang Melayu yang hanya saya rasa umpamanya di Kampung Sungai Penchala, Segambut dan ada kawasan-kawasan yang lain umpamanya di Gombak dan Setapak.

Oleh itu dalam masalah pemberian wang-wang ini peruntukan-peruntukan yang seumpama ini sungguhpun pihak Kementerian telah pun memberi kepada kampung-kampung baru yang ada di dalam bandar. Saya mengharapkan juga peruntukan ini diberi kepada kampung-kampung yang duduk di dalam kawasan bandar sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Bukan di Kuala Lumpur sahaja tetapi di mana-mana pekan besar juga mendapat peruntukan ini umpamanya hendak membesarkan jalan, memperbaiki jalan kerana dengan adanya jalan-jalan ini saya rasa kampung-kampung tersebut akan dapat maju. Buat masa sekarang ini hanya jalan besar sahaja, jalan di kampung-kampung adalah mereka ini membuat secara sendiri kadangkala kereta pun tidak boleh masuk kerana mereka menunggu di luar. Dengan keadaan ini keadaan tanah-tanah mereka ini tidak ada harga.

Saya mengharapkan jika sudah siap ada benda-benda ini, rasa saya tanah-tanah mereka itu akan berharga dan banyak orang-orang datang untuk membeli dan sebagainya. Dan begitu juga kampung-kampung tradisional yang saya sebutkan tadi banyak lagi kampung-kampung ini kalau kita lihat di kawasan-kawasan yang kita lalui memanglah kita lihat tidak ada nampak kampung-kampung ini. Kalau kita pergi ke kampung-kampung ini umpamanya saya sebutkan kampung tadi, Kampung Sungai Penchala, Bukit

Lanjan, Pelambayan dan seterusnya, kita akan melihat keadaan rumah-rumah di sana terlalu daif kedudukannya.

Oleh itu dalam masalah ini saya mengharapkan kerana mereka itu adalah tanah bukan banyak kita mengharapkan supaya pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dapat membantu sedikit untuk mengurangkan bebanan penderitaan mereka supaya memperbaiki rumah-rumah mereka ini diberi sedikit bantuan.

Dan di samping itu saya mengharapkan juga dengan adanya industri kampung supaya dapat diadakan industri-industri kampung di kawasan-kawasan itu. Ini saya rasa untuk membawa pelancong-pelancong yang datang dari luar negeri. Boleh kita bawa di kampung-kampung yang berdekatan ini. Ini tidak perlu pergi jauh daripada Kuala Lumpur untuk menunjukkan keadaan kampung tradisional Melayu yang ada di Malaysia ini. Kita tidak perlu pergi ke Gombak ataupun 10, 15 batu, hanya kita pergi ke Kampung Sungai Penchala dan sebagainya, kita beri pertunjukan cara mana keadaan kehidupan orang Melayu kita kepada pelawat-pelawat dari luar negeri. Dengan keadaan ini saya rasa kampung-kampung yang saya sebutkan tadi akan mendapat nikmat di masa-masa akan datang.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, itu sahajalah ucapan saya, dengan ini saya menyokong di atas peruntukan yang telah diberi. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

6.45 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan

Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bakri, Pasir Mas, Bukit Mertajam, Nibong Tebal, Hulu Selangor dan Lembah Pantai yang telah mengambil bahagian bagi membahas peruntukan 1987 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bakri mengenai koperasi, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada beliau dan saya cukup bersetujulah dengan semua pandangan yang telah diberikan oleh beliau.

Begitu juga saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal kerana telah memberikan pandangan dan juga telah bersetuju dengan cara-cara dan tindak-tanduk yang telah dilakukan oleh Jabatan Koperasi. Saya mengambil kesempatan ini bagi pihak Jabatan Koperasi untuk mengucapkan ribuan terima kasih di atas sanjungan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat kepada Jabatan ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pandangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas berkenaan dengan KEMAS, suka saya dinyatakan bahawa anggota-anggota KEMAS sememangnya diberi kursus-kursus tertentu bagi menyediakan kecakapan kepada pemaju masyarakat dalam menjalankan tugas mereka. Kursus gerak sedar diberikan kepada kakitangan KEMAS termasuk pemaju masyarakat untuk melahirkan kakitangan yang mempunyai perasaan dan tanggungjawab untuk memaju, membangun serta mempertahankan maruah, agama, bangsa dan negara kita.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli

Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, saya sukalah menyatakan di sini bahawa saya amatlah kesal kepada Ahli Yang Berhormat itu kerana Ahli Yang Berhormat hanya pandai bertanya, pandai membela, minta penjelasan tetapi apabila penjelasan hendak diberi, Ahli Yang Berhormat tidak ada di dalam Dewan untuk menyatakan sama ada puashati ataupun tidak kepada penjelasan yang akan dibuat oleh saya (*Tepuk*).

Tuan Pengerusi, sukalah saya menyatakan di sini bahawa dengan pemindahan urusan kampung baru kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, pembangunan kampung baru akan diselaraskan serta diberi pembelaan yang sama dengan kampung-kampung lain di luar bandar. Peruntukan akan diberikan berasaskan kepada keperluan setempat dan semasa. Tumpuan akan diberi kepada kampung-kampung baru yang kurang maju. Kementerian juga akan memberikan keutamaan projek membina jalan, Kementerian juga telah pun memberikan projek pembinaan jalan sebanyak \$45,000 di Kampung Berapit yang mana waran telah pun dikeluarkan dan peruntukan telah pun diberi pada 7hb Jun, 1986 yang lalu dan projek tersebut telah pun hampir siap pelaksanaannya.

Bekas Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun mengumumkan bahawa Kerajaan melalui satu kajian awalan klasifikasi kampung baru telah pun mengenalpasti 48 buah kampung untuk dimajukan. Pembangunan kampung-kampung baru yang dikenalpasti ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat serta mengikut kedudukan ekonomi negara. Kerajaan kini sedang mengkaji semula projek-projek perintis dan satu penelitian yang lebih terperinci sedang dijalankan untuk memastikan kejayaan pelaksanaan projek-projek ini.

Mengenai premium tanah, Kerajaan Persekutuan tidak ada ke atas premium tanah, bagaimanapun Kerajaan Persekutuan sentiasa berhubung dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam usaha untuk mengenakan premium yang lebih munasabah ke atas kampung-kampung baru khususnya untuk kediaman.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor yang berkehendak supaya \$10 juta diperuntukkan kepada pembangunan-pembangunan infrastruktur di kawasan-kawasan ladang, sukalah saya menyatakan bahawa kawasan-kawasan ini juga adalah kawasan luar bandar dan Kerajaan sememangnya memberikan perhatian yang serius kepada pembangunan infrastruktur kawasan-kawasan berkenaan.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai yang berkehendakkan supaya peruntukan Kementerian Luar Bandar juga diberikan kepada kampung-kampung yang berhampiran dengan pekan, sukalah dinyatakan bahawa jikalau kampung-kampung tadi benar-benar tidak maju, benar-benar mundur dan benar-benar berada di bawah klasifikasi pembangunan luar bandar, maka kita akan memberikan peruntukan kepada kawasan-kawasan yang berkenaan.

Berkenaan dengan industri kampung yang telah pun disarankan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, sukalah saya nyatakan bahawa memang inilah kehendak daripada Kementerian. Kita mahu supaya Ahli-ahli Parlimen di seluruh negara memainkan peranan untuk mewujudkan industri-industri kampung di kawasan mereka masing-masing. Kita mempunyai peruntukan yang cukup dan kita berkehendakkan supaya akan tampil mereka yang

mempunyai kemahiran, yang mempunyai pasaran tetapi hanya berkehendakkan kepada modal untuk memodenkan pengeluaran mereka, tampil ke hadapan supaya bantuan boleh diberi.

Semoga dengan ini juga kita akan dapat mewujudkan suasana di mana tidak ada pengangguran yang meningkat di kawasan-kawasan luar bandar. Dengan adanya projek-projek industri kampung ini, kita berharap mereka yang tidak ada pekerjaan di luar bandar akan tetap tinggal di luar bandar dengan mengusahakan industri kampung dan tidak berhijrah ke kawasan-kawasan bandar di mana kawasan bandar juga pada masa ini sedang menanggung keadaan pengangguran yang begitu hebat sekali.

Tuan Pengerusi, saya rasa, saya telah menjawab banyak persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, dan mana-mana perkara yang tidak saya sentuh akan tetap diberi perhatian oleh Kementerian dan berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas yang berkehendakkan angka-angka terperinci berkenaan dengan pembangunan jalan di kawasan Pasir Mas, saya akan memberi jawapan yang berkenaan kepada beliau secara bertulis.

Jadi setakat itu, Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan peruntukan yang diminta oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$225,882,700 untuk Maksud B.57 di bawah Kementerian

Pembangunan Negara dan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$225,882,700 untuk Maksud B.57 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$615,040,010 yang disebutkan dalam Maksud P.57 dalam Anggaran Pembangunan, 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$615,040,010 untuk Maksud P.57 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1987.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,672,535,390 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1987, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 tahun 1986, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow); Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1987 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali); Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud); Masalahnya ialah Rang Undang-undang Perbekalan, 1987 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow); Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang

sebanyak tidak lebih dari \$6,672,535,390 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1987, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 tahun 1986, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan iapan senarai tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali); Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud); Masalahnya ialah Usul mengenai Anggaran Pembangunan, 1987 disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,672,535,390 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1987, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 tahun 1986, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang

dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis

Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Khamis, 4hb Disember. 1986.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.